

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KETIGA MESYUARAT PERTAMA

Bil. 4

Khamis

11 Mei 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
- *Y.B. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee* (Halaman 24)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Khamis, 11 Mei 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memulakan masa pertanyaan, suka saya bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Aluan ini adalah dibuat di atas kesedaran Yang Berhormat walaupun bukan Ahli Dewan Negara, namun kerana menganggotai barisan kerajaan selaku pemerintah rela *accountable* pada Dewan Negara sebagai cabang yang satu lagi dari Parlimen negara kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

1. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan kementerian bagi membantu pelajar dalam cara berfikir dan bertindak agar mereka lebih bersifat kreatif dalam mengharungi cabaran hidup. Adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan Kelab Ilmu Kreatif dan Membina Minda sebagaimana yang telah diwujudkan di negara-negara maju.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia secara berterusan merancang dan melaksanakan kegiatan kurikulum dan kokurikulum yang berupaya melahirkan murid-murid yang seimbang. Bagi tujuan membina murid-murid yang berfikiran kreatif dan inovatif, mereka dibimbing oleh guru-guru di kelas mengikut mata pelajaran masing-masing.

Di peringkat kurikulum semakan semula kurikulum persekolahan bermula tahun 2000 serta pedagogi yang disusun oleh Kementerian Pelajaran telah memberi penekanan terhadap pelbagai teori pendekatan, kemahiran, kaedah dan teknik bagi idea kreatif dan inovatif. Antaranya:

- (i) penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK);
- (ii) aplikasi teori pelbagai kecerdasan;
- (iii) pendekatan *contractual* dan konstruktif;
- (iv) kaedah pembelajaran *mastery*; dan
- (v) teknik penyelesaian masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup baik kalau Yang Berhormat sekarang secara tersirat menjemput pertanyaan tambahan.

Puan Komala Devi: Saya akur cadangan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Chiam Yong Tee dan selepas itu Puan Wan Ubaidah binti Omar.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya tertarik dengan kaedah pendekatan supaya pelajar jadi lebih kreatif dan inovatif. Dalam konteks ini pada suatu masa Kementerian Pelajaran pernah guna pakai '*Metthew Science Project*' untuk mengubah saiz paduan di peringkat di sekolah menengah. Jadi, adakah usah meniru atau pembelajaran dari negara sistem pendidikan negara yang lebih maju itu diteruskan, dan apakah hasilnya?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas cadangan. Memang Kementerian Pelajaran sentiasa membuat lawatan dan juga kajian untuk menambahbaikkan sistem pembelajaran di Malaysia. Cuma saya ingin menegaskan bahawa kemahiran secara kritis dan juga kreatif adalah secara merintis semua mata pelajaran dan tidak khusus sebagai satu mata pelajaran sendirinya. Di antara kaedah-kaedah yang telah disebut tadi, kementerian juga ada menaja pelbagai pertandingan di Malaysia dan juga di luar negara, dan kita juga bekerjasama dengan pelbagai agensi swasta untuk memberi peluang kepada murid-murid yang mengembangkan dan juga, dengan izin, *show case*, bakat mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Keyakinan saya terhadap kemampuan Yang Berhormat tidak meleset.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya yakin bahawa bilangan pelajar di dalam kelas adalah merupakan satu faktor yang penting untuk meningkatkan kreativiti. Maknanya kurang bilangan pelajar akan meningkatkan kreativiti. Saya ingin tahu berapakah bilangan pelajar di dalam kelas secara purata di sekolah-sekolah, terutamanya di sekolah rendah dan apakah usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan bilangan pelajar dalam kelas supaya guru boleh memberi tumpuan yang lebih kepada setiap pelajar. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah spesifik dan saya memerlukan notis, walau bagaimanapun memang kementerian sedar bahawa purata ataupun nisbah guru dengan pelajar adalah satu faktor yang penting yang akan memberi penekanan kepada kualiti pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah. Kami pada masa ini masih memenuhi syarat antarabangsa dan kami akan teruskan usaha kami di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan agar dapat mengurangkan nisbah guru di antara guru dengan pelajar. Cuma kita tidak ada masalah di kawasan luar bandar di mana bilangan murid di sekolah adalah kurang tetapi kita ada masalah di sekolah-sekolah bandar, di mana bilangan murid di satu-satu sekolah melebihi daripada seribu. Yang ideal adalah 30 bilik darjah di satu sekolah dengan 30

pelajar. Jadi, kalau boleh kita tidak mahu melebihi 900 pelajar di satu-satu sekolah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Bagus juga ketua parti Yang Berhormat hadir untuk menyaksikan kemampuan Yang Berhormat.

2. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah usaha-usaha kementerian setakat ini untuk memberi kesedaran kepada belia supaya tidak terjebak dalam kancah gejala sosial. Sejauh mana pencapaian dan kejayaan program Teras Belia dalam menangani masalah belia hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan S. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Menyedari bahawa betapa perlunya golongan belia dihindarkan dari sebarang gejala sosial. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar Sekolah Menengah Precinct 8, Putrajaya. *[Tepuk]*

Menyedari bahawa betapa perlunya golongan belia dihindarkan dari sebarang gejala sosial dan unsur negatif, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan pelbagai program berbentuk *preventive* yang sesuai, mudah dan berkesan serta diterima oleh golongan belia dan remaja masa kini. Antara program-program tersebut termasuklah program Rakan Muda, program Pembangunan Belia yang berasaskan konsep 3K serta program Sukan Muscle.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pencegahan penyalahgunaan dadah, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mendapat kerjasama erat dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan dalam mengeratkan program Belia Benci Dadah dan Kempen Anda Boleh Sengsara atau Bahagia. Sepanjang tahun 2005, jumlah penyertaan untuk program Belia Benci Dadah adalah seramai 100,000.

Tuan Yang di-Pertua, program Rakan Muda diwujudkan untuk melahirkan generasi muda yang sempurna, yang bertanggungjawab serta membangunkan personaliti individu yang cergas dari segi fizikal, mental dan spiritual. Dalam program ini, sehingga kini sejumlah 5.2 juta belia telah menyertai program Rakan Muda. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah kemudian Dato' Musa.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan yang diberi. Soalan saya, apakah program kerajaan dalam menangani isu masalah belia lepak dan masalah mat rempit yang semakin berleluasa di kalangan belia hari ini.

Tuan S. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang faham masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja khususnya dari remaja belia yang bukan sahaja yang sudah meninggalkan pelajaran di peringkat persekolahan tetapi di luar. Masalah lepak ini, sedang dibincangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pelajaran dan selepas perbincangan satu keputusan akan diambil oleh kedua-dua kementerian dan akan diberitahu kepada Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. bagi menjayakan program ini adakah kementerian bercadang untuk memberi bantuan kepada persatuan-persatuan di daerah-daerah? Terima kasih.

Tuan S. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat berkenaan dengan bantuan kepada persatuan. Kalau saya tidak silap soalan pada tahun yang lepas berkenaan dengan adakah pengarah ada kuasa untuk memberi bantuan kepada persatuan-persatuan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pengarah-pengarah Belia dan Sukan Negeri telah diberi pengiktirafan ataupun kebenaran untuk memberi peruntukan kepada persatuan-persatuan belia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi pertolongan dari segi kewangan kepada semua persatuan Belia dan Sukan yang menjalankan program-program yang dijalankan atau yang ditegaskan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

3. **Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kebaikan membina jambatan kedua antara Johor dan Singapura di mana apabila Singapura tidak bersetuju dengan cadangan pembinaan jambatan itu secara bengkok.

Dato' Rhina Bhar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya mohon beri pindaan kepada soalan saya. Walau pun soalan saya telah menjadi *academic* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Pindaan bagaimana itu?

Dato' Rhina Bhar: Pindaan sebagai ini "Apakah kebaikan membina setengah jambatan kedua antara Johor dan Singapura apabila Singapura tidak bersetuju dengan pembinaan jambatan itu"

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masih dalam konteks.

Dato' Rhina Bhar: Masih dalam konteks.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi dalam konteks soalan asal, maka saya yakin Yang Berhormat Menteri akan menjawab dalam konteks yang lebih meluas. Sila.

Dato' Rhina Bhar: Saya telah pun memberitahu kepada

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat berhujah, saya tidak membenarkan.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jambatan kedua di antara Johor dan Singapura akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Johor khususnya dan negara amnya seperti berikut.

- (i) melegakan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor – kegunaan semasa ialah 120,000 kenderaan sehari serta sistem penyuraian lalu lintas yang lebih baik dan berkesan bagi Bandaraya Johor Bahru.

- (ii) menaik taraf pintu masuk utama koridor selatan yang lebih moden dan canggih dengan imej baru ke tanah besar Asia.
- (iii) aliran bebas air akan mewujudkan peningkatan kebersihan kualiti air secara semula jadi di Selat Johor.
- (iv) meningkatkan aktiviti perdagangan dan pelancongan di sepanjang laluan Selat Johor.
- (v) meningkatkan aktiviti pelancongan di semua sektor terutama di sepanjang pesisiran laluan Selat Johor. Pelancongan bercirikan punca air iaitu dengan izin *water based activities* dapat dibangunkan dan digiatkan. Reka bentuk jambatan itu sendiri boleh menjadi daya tarikan pelancongan.
- (vi) nilai hartanah di persekitaran Selat Tebrau akan meningkat.
- (vii) industri *maritime* dan industri-industri yang berkaitan dengannya akan membangun dan bertambah maju.
- (viii) kesan berganda *multiplying effect* dengan izin ke atas penambahbaikan peluang pekerjaan, pendapatan dan nilai kehidupan rakyat akan dirasai.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor sedia ada telah dibatalkan oleh kerajaan. Keputusan kerajaan ini dibuat setelah mengambil kira suara dan sentimen rakyat Malaysia keseluruhannya terutama berkenaan penjualan pasir dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh pihak Singapura. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Rhina Bhar, kemudian Dato' Rashid kemudian Tuan Haji Tajul.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tanya Yang Berhormat Menteri, dia tahulah jawab, jangan *assume*.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri di atas jawapan soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya difahami kontraktor telah menuntut RM100 juta sebagai ganti rugi daripada kerajaan. Tolong senaraikan kos-kos yang ditanggungkan oleh kontraktor sehingga RM100 juta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti biasa, Yang Berhormat saya mengambil pendirian di dalam Dewan Negara ini bahawa mereka yang menganggotai barisan kerajaan boleh pilih hendak jawab cara berhemah, hendak jawab cara berhelah atau pilih tidak mahu jawab langsung.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya jawab, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kontrak telah ditandatangani lebih kurang dua

setengah tahun dahulu untuk membina jambatan ini selepas beberapa perbincangan telah berlaku di antara Singapura dan kerajaan Malaysia. Perdana Menteri pada masa itu ialah Tun Dr. Mahathir telah mengarahkan jambatan ini diteruskan walaupun Singapura bersetuju ataupun tidak bersetuju.

Kerja-kerja telah ditetapkan walau pun kerajaan sudah membelanjakan lebih daripada RM2.7 bilion atas pembinaan CIQ tetapi tidak ada jalan sambungan kepada CIQ ke Singapura. Oleh kerana itu, kita mengambil perhatian iaitu kita akan membina jambatan ini di kawasan sempadan kita menggunakan Tambak Johor yang sedia ada. Kos telah ditetapkan lebih daripada RM2 bilion dan kontraktor telah mula kerja, telah membawa jentera-jentera, dan juga pakar-pakar, dan *plan-plan* telah disiapkan, beberapa pakar perunding telah bekerja untuk menyiapkan jambatan baru itu, *Scenic Bridge* dengan izin dan satu hari selepas itu kita dapat arahan iaitu Kementerian Kerja Raya dapat arahan supaya memberhentikan kerja.

Selepas 724 hari, kerja itu diberhentikan sekali lagi. Apabila kita memberhentikan kerja mengikut perjanjian yang sedia ada, kita kena bayar kepada kontraktor tiap-tiap hari untuk jentera-jentera untuk pekerja-pekerja rekabentuk dan juga beberapa orang yang bekerja di tempat itu. Selepas 720 hari sekali lagi kerajaan memutuskan untuk meneruskan pembinaan jambatan tersebut. Kali ini mereka telah diarahkan untuk teruskan dengan kerja. Kerja-kerja dimulakan, tiang-tiang disiapkan, kerja di Laut Tebrau sudah mula juga dengan beberapa kerja-kerja cerucuk telah dijalankan dan pada masa itulah kita telah mendapat tahu *Singapore* tidak bersetuju dengan cadangan ini. Mereka mahu membincangkan sekali lagi dengan kerajaan Malaysia.

Kementerian Luar Negeri telah mengadakan beberapa perbincangan seperti saya katakan tadi, iaitu dua syarat:

- (i) mengambil pasir daripada Malaysia; dan
- (ii) menggunakan ruang udara kita untuk kapal terbang mereka.

Perkara ini telah menjadi lebih sensitif oleh kerana rakyat jelata telah menunjuk perasaan mereka tidak mahu kapal terbang-kapal terbang orang lain. Mereka tidak melihat kapal terbang di sempadan kita. Kerajaan memutuskan untuk memberhentikan sahaja kerja-kerja sekali lagi. Hari ini kerja itu sudah diberhentikan dan mengikuti dengan perjanjian, kita mesti bayar ganti rugi kepada mereka sebanyak 724 hari.

Apabila kita minta kontraktor untuk memberitahu kepada kerajaan apakah ganti rugi mereka, mereka memohon ganti rugi sekurang-kurangnya RM100 juta tetapi kita belum bayar. Kita masih lagi menimbangkan untuk mendapat tahu berapakah jumlah sebenar kerugian yang dihadapi oleh kontraktor itu. Selepas itu sahaja saya akan mendapat persetujuan daripada jemaah menteri untuk membayar atau tidak. Ini yang pertama.

Yang kedua, kerajaan telah memutuskan untuk membina satu sambungan daripada CIQ yang sedia ada dan kos pembinaan ini akan mengambil perbelanjaan lebih daripada RM250 juta.

Inilah perkara-perkara yang telah berlaku setakat ini. Kerja-kerja sudah dimulakan pada hari Sabtu ini saya akan berada di tapak untuk melihat manakah satu aliran yang lebih sesuai untuk membinakan ini, untuk melaporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Haji Abdul Rashid, kalau sudah belum terjawab.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, daripada begitu banyak faedah-faedah yang telah disenaraikan oleh Yang Berhormat Menteri kalau jambatan ini terbina, tidakkah faedah-faedah yang sama cukup menarik kepada orang-orang Singapura juga sebab apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, khususnya kepada kita orang Malaysia khususnya orang Johor. Tidakkah manfaatnya juga boleh dinikmati oleh orang-orang Singapura.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pada permulaannya kerajaan Singapura telah bersetuju untuk mengadakan beberapa perbincangan iaitu permintaan mereka telah disediakan kepada kerajaan. Kementerian Luar Negeri telah menimbang perkara ini telah dihantar kepada Jemaah Menteri. Sesetengahnya ada beberapa pandangan-pandangan yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak ada kaitan dengan perkara ini.

Inilah satu masalah yang kita hadapi dan Singapura menarik balik perbincangan dengan kerajaan. Mereka menyatakan dia tidak bersetuju berkenaan dengan jambatan itu. Selain daripada itu kerajaan Malaysia telah menimbang dan juga telah merujuk perkara ini kepada beberapa pihak. Pihak yang memberi nasihat undang-undang kepada kita, kita telah diberitahu pembinaan ini mesti ada persetujuan di antara kedua-dua pihak yang akan menggunakan Tambak Johor. Terima kasih.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada kemungkinan atau tidak kerajaan akan membuat keputusan sekali lagi untuk membuat semula dan oleh kerana pembinaan jambatan kedua telah dibatalkan, sejauh manakah atau berapa tahun lagikah Tambak Johor yang sedia ada akan bertahan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan iaitu kita akan membina jambatan *Scenic* seperti apa yang dirancang oleh kita. Kita akan menyambung CIQ baru kepada Tambak Johor dengan beberapa kemudahan. Kemudahan-kemudahan ini akan dibina di sempadan kita dan akan digunakan oleh kenderaan-kenderaan tetapi mereka akan menggunakan Tambak Johor yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kira tidak pernah isu ini dipaparkan dengan begitu jelas. Biarlah Hansard Dewan Negara pada hari ini menjadi cerita yang paling jelas mengenai isu ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

4. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana penguasaan ilmu 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) setelah program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dilaksanakan terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ataupun PPSMI baru memasuki tahun keempat dan KOHOD murid ini belum tamat menghabiskan persekolahan di peringkat rendah.

Oleh yang demikian, adalah sukar untuk mengaitkannya dengan penguasaan murid dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira ataupun 3M secara ringkas. Namun demikian, peratusan murid di sekolah rendah yang dikenal pasti tidak menguasai 3M adalah 4.4% daripada keseluruhan murid. Ketepatan ini diperolehi daripada hasil pemantauan oleh kementerian menggunakan ujian instrumen penentu penguasaan membaca, menulis dan mengira.

Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, secara umumnya prestasi pencapaian murid meningkat berdasarkan keputusan UPSR tahun 2005, kementerian berkeyakinan pelaksanaan PPSMI menampakkan hasil yang positif untuk mencapai objektif yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Detik ini, detik ini paling baik kalau jemput soalan tambahan sama.

Puan Komala Devi: Seterusnya terhadap penguasaan Bahasa Inggeris. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siw Chun, kemudian Puan Sharifah Aminah dan Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa bagi membolehkan generasi muda kita bersaing di arena globalisasi yang penuh dengan cabaran. Adalah penting bagi mereka menguasai Bahasa Inggeris sejak dari bangku sekolah lagi supaya mereka boleh menikmati pelbagai.....

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat, pertanyaan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Yang banyak tersedia dalam bahasa kebangsaan. Jadi, soalan saya, apakah perancangan kementerian dan adakah kementerian bercadang supaya kaedah pengajaran bahasa Inggeris diperbaiki bagi menarik minat pelajar-pelajar terutamanya di luar bandar, yang enggan mencuba kerana memandangnya sebagai tidak penting. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sedar bahawa penguasaan bahasa Inggeris memainkan peranan penting untuk membolehkan warga Malaysia berdaya saing dan untuk menghadapi cabaran globalisasi. Jadi, memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris adalah satu kaedah untuk menyediakan golongan murid belajar di peringkat sekolah rendah mahupun di sekolah menengah untuk mempertingkatkan dengan izin, *proficiency* mereka dalam bahasa Inggeris.

Seperti yang saya katakan tadi, langkah-langkah akan terus diambil oleh kementerian untuk meningkatkan prestasi murid. Dan setakat ini, mengikut ujian dan juga kajian kami, kita dapati bahawa prestasi di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah dalam bahasa Inggeris terus meningkat. Memang kita dapati ada perbezaan pencapaian di antara murid-murid di kalangan luar bandar bila dibandingkan dengan murid-murid di kawasan bandar. Tetapi ini bukan sahaja tertumpu kepada pencapaian dalam bahasa Inggeris sahaja, tetapi perbezaan ini adalah apabila kita buat kajian, kita dapati bahawa perbezaan ini adalah wujud untuk semua mata pelajaran.

Jadi, kami di kementerian akan terus mengkaji dan mengambil langkah-langkah mengikut masa dan untuk mengatasi masalah kurang menguasai 3M, kita telah memperkenalkan satu lagi program pada November tahun lalu iaitu KIA 2M ataupun Kelas Intervensi Awal membaca dan menulis. Jadi, kita akan asingkan murid-murid ini sampai untuk tiga atau enam bulan dan selepas mereka di tahap satu, selepas mereka sudah menguasai membaca dan menulis, mereka akan mengikuti pelajaran seperti biasa. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Adakah guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah menghadiri kursus-kursus dalam dua mata pelajaran ini, ataupun masih berkursus pada masa sesi sekolah berjalan, oleh kerana rungutan yang kita dengar, kelas ditinggal kepada guru sementara ataupun ketua murid dan guru-guru berkursus dalam masa musim sekolah berjalan. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa guru-guru di sekolah ada keperluan untuk meninggalkan sekolah untuk mengikuti kursus tetapi mereka perlu pergi ke kursus ini untuk meningkatkan kemahiran mereka. Dan di samping latihan yang telah diberikan kepada guru-guru khususnya dalam PPSMI ataupun pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Kementerian juga telah membekalkan alat-alat ICT seperti *note book*, komputer dan skrin untuk menambah baik prestasi ataupun keupayaan murid-murid untuk mengikuti mata pelajaran dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi pertanyaan tambahan daripada *educationist*, Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila pengajaran bahasa Inggeris ini diperkenalkan, pihak-pihak tertentu telah risau. Jadi dalam empat tahun yang kebelakangan ini, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk meyakinkan pihak-pihak ini iaitu tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk memperkenalkan bahasa Inggeris itu adalah bijak, adalah baik dan sebagainya. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi banyak fokus kepada pembangunan modal insan dan kami akan dengan izin, *we are slowly towards multilingualism* dan tidak lama lagi kita akan memperkenalkan bahasa

Mandarin dan juga bahasa Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan tertentu untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk menguasai bahasa-bahasa lain, di samping bahasa kebangsaan termasuk juga bahasa Inggeris.

Saya rasa bahawa semua pihak di Malaysia telah sedar bahawa ini adalah satu keperluan dan menguasai satu bahasa antarabangsa adalah penting. Lebih-lebih lagi apabila kita sedar bahawa semua maklumat di Internet sebahagian besar ataupun lebih daripada 90% adalah dalam bahasa Inggeris. Jadi apabila kita tidak dapat menguasai bahasa Inggeris, maka pintu kepada maklumat ini adalah tertutup. Jadi Kementerian Pelajaran dan juga kerajaan secara khususnya akan meneruskan usaha-usaha untuk meyakinkan rakyat bahawa ini adalah satu langkah yang bijaksana untuk masa depan yang baik untuk negara kita yang kita semua cintai ini. Terima kasih.

5. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah kemasukan rakyat Malaysia ke Singapura mengikut kaum yang berulang alik bagi tahun 2001 hingga 2005 dan nyatakan anggaran jumlah rakyat Malaysia yang sedang bekerja di Singapura dan rakyat Singapura yang bekerja di Malaysia sehingga Mac 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal- Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara jiran yang terdekat dengan Malaysia dan mempunyai kaitan rapat dari segi sejarah dan budaya, hubungan antara dua negara iaitu Malaysia dan Singapura dan juga rakyatnya dalam banyak bidang adalah baik dan rapat. Di samping kemudahan perhubungan yang juga baik, maka jumlah pergerakan keluar masuk rakyat antara kedua negara pada setiap hari adalah besar.

Kemungkinan ada individu yang keluar masuk melebihi satu perjalanan untuk pelbagai tujuan seperti bekerja, bersekolah, membeli-belah atau melawat kaum keluarga. Rekod Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan perangkaan pergerakan keluar masuk rakyat Malaysia ke Singapura melalui empat laluan keluar ke Singapura adalah seperti berikut.

Pada tahun 2002, melalui Tambak Johor 23,284,619. Melalui *second link* 2,117,178, melalui Tanjong Puteri 439,582 dan melalui Kereta api Tanah Melayu (KTM) 179,445,000. Jumlah 179,445. Jumlah bagi tahun 2002 bagi empat laluan keluar ke Singapura itu adalah 26,020,824.

Bagi tahun 2003, gerakan melalui Tambak Johor ialah 17,188,620. *Second link* 1.968561, melalui Tanjong Puteri 291,130 dan melalui KTM 166,359. Jumlah bagi tahun 2003 ialah 19,595,882.

Manakala pada tahun 2004, pergerakan keluar melalui Tambak Johor ialah 19,584,044. Melalui laluan keluar *second link* ialah 2,628,005, Tanjong Puteri 231,168 dan melalui Kereta api Tanah Melayu 166,359. Jumlah pergerakan rakyat Malaysia keluar ke Singapura bagi tahun 2004 ialah 22,609,576.

Manakala pada tahun 2005, pergerakan melalui Tambak Johor ialah 22,846,466. *Second link* 5,200, 7,852, Tanjong Puteri 204,187 dan melalui Kereta api Tanah Melayu (KTM) 258,860 menjadikan jumlah pergerakan keluar ke Singapura melalui empat pintu keluar pada tahun 2005 ialah 28,517,365.

Manakala pada tiga bulan pertama tahun 2006...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak membenarkan Ahli Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Manakala pada tahun 2006, antara Januari hingga Mac, laluan keluar melalui Tambak Johor ialah 5,399,819. *Second link* 1,244,420. Tanjong Puteri 38,231, Kereta api Tanah Melayu 64,117 dan jumlahnya ialah 6,746,587. Rekod keluar masuk ini adalah secara keseluruhan sama ada bagi tujuan lawatan biasa, melawat keluarga, bekerja atau bersekolah. Kawalan imigresen dibuat mengikut warganegara tanpa mengira kaum atau tujuan lawatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kita telah perolehi statistik. Sekarang kita cari pengertian di sebalik statistik. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada angka-angka tersebut, puratanya lebih kurang 22 juta rakyat Malaysia yang berulang alik ke Singapura. Jadi signifikannya di sini Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sudah pasti ada hubung kaitnya dengan jambatan yang telah dibatalkan. Jadi dari segi jangka panjang, apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan pembatalan jambatan tersebut kerana ia akan merumitkan masalah kedua-dua pihak. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah pun memberi jawapan tadi bahawa kerajaan telah memutuskan untuk tidak membina jambatan. Tetapi buat masa ini, kita masih mampu menguruskan kemasukan keluar masuk rakyat Malaysia dan juga rakyat daripada luar ke Malaysia. Kita tidak ada masalah. Kawalan kita cukup. Kita boleh menangani isu-isu ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sesuatu itu diputuskan umumnya mengikut manfaat dan mudarat. Kadang-kadang timbul keadaan, keputusan politik, *political decision* dibuat. Misalnya mengisytiharkan perang di antara Jepun dengan Amerika, tidak kira dah untung rugi, manfaat atau mudarat, *political decision* sehingga keadaan menentukan *political decision* dibuat semula. Kita tunggualah. Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, daripada 22 juta yang keluar masuk Tambak Johor ini, saya ingin tahu berapakah jumlah keuntungan dari segi pertukaran mata wang yang dapat kita nikmati setiap tahun?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini melibatkan soal kewangan dan di luar bidang tugas kementerian saya, saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dr. Raja Ram a/l Nadayson.

6. **Dr. Raja Ram a/l Nadayson** minta Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai lagi warganegara belum memiliki MyKad. Berapa lama lagikah tempoh tersebut yang diberi untuk mereka memiliki MYKad tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal- Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, daripada 26 juta rakyat Malaysia, 19.8 juta sepatutnya sudah memiliki MyKad pada hari ini. Tetapi setakat ini, sejumlah 18,937, 333 orang telah pun menukar ataupun memiliki MyKad. Terdapat seramai 862,928 orang lagi belum menukar kad pengenalan mereka yang lama kepada MyKad. Setakat ini, kerajaan belum lagi menetapkan apa-apa tempoh bagi mewajibkan mereka menukarkan kad mereka kepada MyKad. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Chua Kim Chuan. Minta maaf.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah binti Omar, saya jemput kalau ada pertanyaan tambahan. Saya tidak nampak tadi, minta maaf.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Didapati MyKad tidak berkualiti dan mudah rosak. Tambahan pula, terdapat MyKad palsu atau tiruan di pasaran. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Buat masa kini, berapakah jumlah MyKad palsu yang didapati? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya boleh tidak membenarkan pertanyaan itu kerana dia berasaskan kepada dua andaian yang belum jadi pasti. Kad itu mudah ditiru, kad itu kualiti rendah, maka Yang Berhormat dirikan pertanyaan tambahan di atas dua *assumption* ini. Ini saya sebut hanya untuk pertimbangan, tetapi saya serahkan kepada Yang Berhormat sama ada hendak jawab secara berhemah, berhelah atau tidak mahu jawab langsung.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chua Kim Chuan. Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua bahawa itu andaian. Andaian mengatakan MyKad tidak ada kualiti adalah tidak benar. Kita memang terima pandangan-pandangan, tetapi setakat ini MyKad yang sedang diguna, kita anggap berkualiti kerana tidak banyak *complaint* daripada 18 juta yang telah menukar MyKad telah *complaint* kepada kita. Jadi yang tiruan ini memang tidak ada MyKad yang boleh ditiru kecuali *ditamper* ataupun ditukar permukaan dengan gambar. Cip di dalamnya tidak boleh ditukar. Jadi kerana itu tidak timbul masalah kad pengenalan tiruan yang sebenarnya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah binti Omar.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi soalan saya berkaitan dengan soalan nombor lima.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau macam itu tunggu peluang lagi sekali. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, kerana Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid. berada di Johor, bolehkah sebagai penghormatan kepada menteri, saya dibenarkan menanya ini bagi pihak beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Bijak Yang Berhormat. Maka saya putuskan demi memelihara martabat dan untuk memperkasakan Dewan Negara dan kerana menghormati Menteri, bersandarkan kepada Peraturan Mesyuarat 90 dan 91, saya benarkan.

7. **Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah bentuk tindakan yang diambil terhadap juru perunding yang melakukan kecuaiian reka bentuk sehingga menyebabkan keretakan pada tiang-tiang konkrit MRR2 dan kontraktor asal terpaksa menanggung kos untuk kerja-kerja pembaikan sebanyak RM40 juta. Kenapa pula mereka harus diberi projek lain untuk mereka buat keuntungan sebanyak RM40 juta dan sepatutnya disenaraihitamkan. Atas dasar apa kerajaan mahu melindungi kontak ini.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan awal juru perunding Halcrow dari United Kingdom menunjukkan masalah keretakan di jejambat MRR2 disebabkan oleh kesilapan reka bentuk. Halcrow juga selepas mengkaji lebih mendalam, mendapati keretakan ini disebabkan oleh *delayed ettringite formation* yang berlaku kerana perbezaan suhu dalam konkrit. Halcrow mencadangkan keretakan ini iaitu rasuk *crossheads* ini diperbaiki dengan anggaran kos RM18 juta. Pada masa yang sama kerajaan memutuskan untuk mendapatkan khidmat dari juru perunding 'Leonhardt Andre' dan rakan-rakan dari German untuk memberi nasihat mengenai kerja-kerja pembaikan.

Jemaah Menteri telah membuat keputusan supaya kedua-dua cadangan reka bentuk pembaikan oleh Halcrow dan Leonhardt Andre dan rakan-rakan dirujuk kepada Lembaga Jurutera Malaysia untuk memilih salah satu reka bentuk untuk digunakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selanjutnya Lembaga Jurutera Malaysia dalam mesyuarat khas pada 13hb Februari 2006 telah mengkaji kedua-dua reka bentuk yang disediakan dan memilih reka bentuk yang disediakan oleh Leonhardt Andre dan rakan-rakan dari German dan perkara ini telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri di mana reka bentuk daripada Leonhardt Andre dan rakan-rakan digunakan. Kos kerja-kerja pembaikan mengikut reka bentuk LAP adalah RM49.9 juta yang akan ditanggung dahulu oleh kerajaan mengenai tuntutan bayaran kepada kontraktor asal iaitu Konsortium Sukmim-Bumi Hiway dan Kontraktor Bumiputera Wilayah Persekutuan akan ditentukan kemudian.

Berhubung isu kesilapan reka bentuk, perkara ini perlu dirujuk dan dikaji oleh pakar dalam bidang ini. Pihak kementerian telah meminta Lembaga Jurutera Malaysia untuk mengkaji perkara ini dan sementara menunggu keputusan Lembaga, kementerian ini tidak boleh mengambil apa-apa tindakan kepada juru perunding sampai kita dapat keputusan daripada Lembaga Jurutera Malaysia, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesilapan telah berlaku dalam projek ini, apakah pengajarannya kepada kementerian supaya perkara ini tidak diulangi pada masa akan datang, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, di seluruh dunia manusia membina beberapa jambatan, dalam satu ribu jambatan ada juga lima atau enam menghadapi masalah seperti ini. Walaupun kita mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi, kita tunggu lima tahun, enam tahun ada juga satu lagi akan berlaku, ini dikatakan sebagai kesilapan minda manusia dalam reka bentuk. Kadang-kadang kita dapat reka bentuk yang baik, kita ada juga faktor-faktor yang lain akan merosakkan jambatan itu. Jadi seperti yang saya jawab tadi kepada Ahli Yang Berhormat, kami mahu juga satu reka bentuk tanpa apa-apa masalah. Tetapi, ini tidak berlaku kadang-kadangnya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, kita tahu memang kadang-kadang jenama BMW pun, Mercedes pun ada *design fault*. Tuan Chua Kim Chuan.

8. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Kesenian di rantau ini. Sejauh manakah hasrat ini telah tercapai.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kesenian di rantau ini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) menyelaraskan aktiviti kebudayaan dan kesenian seperti tarian, muzik, teater, lakonan, lukisan, kraft, puisi yang dilaksanakan dalam bentuk pameran, persidangan, forum, simposium, dan *festival* supaya dapat dijadual dan dipromosi secara terancang dan teratur;
- (ii) menyelaraskan kualiti pengisian aktiviti seni budaya agar dapat menarik minat penggiat peminat tempatan dan antarabangsa pengunjung ke Kuala Lumpur;
- (iii) menyelaraskan prasarana kebudayaan dan kesenian yang terdapat di Kuala Lumpur bagi tujuan menyediakan maklumat kepada penganjur dan pengunjung;

- (iv) pembinaan penambahan dan menaik taraf infrastruktur budaya di Kuala Lumpur seperti Istana Budaya, Panggung Bandaraya, Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia dan sebagainya;
- (v) pemotongan cukai hiburan kepada artis-artis asing setaraf antarabangsa yang menganjurkan persembahan di Kuala Lumpur.

Melalui langkah-langkah di atas, aktiviti seni budaya telah dilaksanakan dengan giatnya oleh setiap institusi seni budaya sama ada dari sektor kerajaan, swasta dan juga pertubuhan sukarela. Persembahan teater dan muzik seperti di Istana Budaya dan Kuala Lumpur Performing Art Center iaitu KLPAC, telah mendapat sambutan yang menggalakkan oleh penduduk tempatan dan asing. Premis seperti Istana Budaya, Galeri Petronas, Dewan Filharmonik Petronas, Balai Seni Lukis Negara, Muzium Negara, Kraftangan Jalan Conlay dan KLPAC disinonimkan sebagai tempat penjualan aktiviti berkaitan kebudayaan kesenian dan warisan yang menjadi tarikan pelancongan. Rancangan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kesenian di rantau ini adalah satu perancangan jangka panjang. Walau bagaimanapun, setakat ini tindakan dikenakan yang telah dan akan diambil akan meningkatkan imej dan prestij Kuala Lumpur sebagai pusat kesenian serantau, sekian terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, soalan tambahan. Apabila kita masuk Bukit bintang, kita nampak begitu cantik, tetapi di sepanjang Jalan Sultan atau Jalan Tun H.S.Lee sebahagian kedai rumah yang bersejarah dan berwarisan, belakang kedai itu telah dirobohkan untuk meletak kereta, tetapi depan masih dikekalkan. Jadi, ini satu sakit mata (*eye sore*) untuk pelancong. Jadi, saya nampak pelancong-pelancong asing ambil gambar. Jadi ini jadi satu isu kerana Kuala Lumpur...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Soalannya, apakah tindakan yang perlu diambil untuk mengelakkan masalah ini berlaku kerana kedai-kedai yang bersejarah perlulah dikekalkan, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan yang dibangkitkan itu adalah lebih menjurus kepada kuasa-kuasa di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Maka saya serahkan Yang Berhormat untuk sama ada pilih hendak jawab berhemah, berhelah atau tidak mahu jawab.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua yang begitu arif iaitu yang ini di bawah naungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi pengindahan bandar dan sebagainya di bawah mereka, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad tidak hadir dan memberi penghormatan kepada para guru dan murid daripada di Putrajaya, boleh tidak saya bangkitkan persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya kena timbangkan ini. Nombor satu, kalau Menteri Pelajaran hadir.... sila duduk semasa saya bercakap. Menteri Pelajaran hadir mungkin saya bersandarkan kepada hujah-hujah yang saya kemukakan tadi membenarkan, lagi pula sebahagian daripada jawapan yang kita akan dengar sudah pun kita dengar tadi dalam jawapan kepada beberapa soalan yang berkaitan. Maka saya mohon maaf, saya kali ini tidak membenarkan. Datuk M. Datuk M. Ratnam.

10. **Datuk M. Ratnam** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan oleh kementerian kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang ingin menceburi bidang ternakan seperti ikan air tawar, kambing, lembu daging dan lembu tenusu.

Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan menyediakan pelbagai bentuk bantuan berupa pinjaman kewangan, insentif, latihan serta khidmat teknikal kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang terlibat dalam bidang usaha ternakan seperti kambing, lembu berdaging dan ikan air tawar. Antaranya adalah Skim 3F (Fund For Food) dengan izin disediakan menerusi Bank Pertanian Malaysia. Skim ini sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa bertujuan untuk memberi kemudahan kewangan kepada pengusaha. Dalam konteks ini skim ini menyediakan pinjaman kewangan sehingga RM5 juta pada kadar serendah 3.75%.

Bagi bidang usaha ternakan lembu dan kambing berdaging, kerajaan juga menyediakan insentif tambahan seperti skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan atau TRUST serta skim pinjaman baka baik berjantan. Di bawah skim TRUST sebagai contoh, pengusaha yang berkelayakan berpeluang mendapatkan pinjaman tanpa faedah dalam bentuk ternakan. Di samping itu, perkhidmatan teknikal dan klinikal juga disediakan. Bagi bidang usaha ternakan lembu tenusu pula, beberapa langkah telah diambil termasuk meningkatkan transformasi pengusaha tradisional kepada komersial dengan membekalkan sekurang-kurangnya 50 ekor induk melalui bantuan subsidi harga untuk seorang pengusaha.

Bentuk bantuan yang disediakan bagi pengusaha dalam bidang ternakan ikan air tawar termasuk menyediakan pelbagai latihan jangka panjang dalam bidang akuakultur dan pemprosesan tentang produk perikatan melaksanakan program inkubator *hands-on* kepada usaha dan memberikan benih ikan secara percuma kepada penternak untuk musim pertama, terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian bercadang untuk menyokong para petani atau pengusaha-pengusaha tempatan yang berminat di dalam bidang ternakan atau bidang akuakultur untuk memohon tanah-tanah yang terbiar di kawasan desa. Inilah selaras dengan....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, pertanyaan sudah dikemukakan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Soalan saya, adakah kementerian menyokong para petani untuk memohon tanah ini dan lagi sekali untuk memohon modal. Sekian.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat, pada soalan kedua, dari segi permohonan bantuan pinjaman, sekarang Bank Pertanian telah menyediakan banyak pinjaman seperti yang tadi saya sebutkan Skim 3F (Fund For Food) dalam *interest* kadar faedah yang kurang daripada bank komersial.

Dan sekarang Bank Pertanian juga mempergiatkan aktiviti mempromosikan pinjaman-pinjaman kepada pengusaha-pengusaha pertanian dan saya - kita mengalu-alukan pengusaha-pengusaha yang ada minat dalam bidang ini supaya *contact* dengan Bank Pertanian kerana banyak skim-skim baru yang disediakan. Yang kedua berkaitan dengan tanah, seperti yang saya jawab di Dewan pada dua hari lalu bahawa tanah sentiasa adalah satu masalah dan kita akui dan oleh itu kementerian telah berunding dengan pihak-pihak Kerajaan Negeri untuk bahawa keperluan adakan tanah untuk pengusaha-pengusaha.

Walau bagaimanapun, kementerian sendiri kita sudah ada satu dana RM200 million untuk membeli tanah dari Kerajaan Negeri dan kita harap dengan adanya tanah-tanah yang disediakan ini akan menolong pengusaha-pengusaha. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah saya beralih kepada soalan yang berikutnya pertanyaan yang berikutnya. Suka saya maklumkan ada sedikit kejanggalan dalam perjalanan masa pertanyaan hari ini oleh kerana terdapat perayaan ulang tahun ke 60 bagi sebuah parti yang begitu berjasa kepada negara malah kewujudan Perlembagaan Negara sendiri adalah hasil daripada perjuangan parti tersebut. Oleh sebab itu banyak Ahli-ahli yang menghadiri perayaan 60 tahun parti berkenaan maka timbullah sedikit-sebanyak kejanggalan maka pihak Yang Berhormat dapat memahami dan terima kejanggalan-kejanggalan itu, ingin menghormati perayaan ulang tahun parti yang begitu berjasa kepada negara Malaysia.

Puan Wan Ubaidah binti Omar.

11. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan berapa ramai graduan ijazah pertama dalam bidang bioteknologi sehingga kini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan graduan dalam bidang bioteknologi mendapat pekerjaan apabila tamat belajar kelak.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, pada sesi 2003 dan 2004, seramai 459 orang graduan telah pun berijazah dalam bidang Bioteknologi dan bagi sesi 2004 dan 2005, bilangannya adalah seramai 488 orang graduan. Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam ataupun IPTA yang menawarkan program pengajian Bioteknologi termasuk UM, USM, UKM, UPM, UIAM, UNIMAS, UMS dan KUSTEM. Bioteknologi bersedia menjadi penggerak gelombang industri berasaskan pengetahuan yang berkaitan dengannya serta menyumbang kepada pertubuhan dan penjanaaan kekayaan pelaburan baru dan peluang pekerjaan di samping memberi manfaat dari segi sosial dan alam sekitar.

Dasar Bioteknologi Negara yang dilancarkan pada tahun 2005, menyediakan rangka kerja yang menyeluruh bagi memberikan panduan kepada usaha pembangunan Bioteknologi negara. Dasar ini memberikan penekanan kepada keperluan pembangunan sumber manusia, perubahan kawal selia dan institusi serta insentif fizikal dan kewangan. Perbadanan Bioteknologi Malaysia ataupun MBEC telah ditubuhkan pada tahun 2005 sebagai agensi utama dalam membantu dan memudahkan pembangunan industri bioteknologi Malaysia. Kerajaan kini sedang berusaha supaya industri Bioteknologi dapat berkembang melalui penerapan elemen-elemen ataupun unsur-unsur bioteknologi dalam bidang pertanian, perubatan dan bioteknologi kejuruteraan.

Dalam usaha meningkatkan peluang pekerjaan untuk graduan dalam bidang ini, pihak kementerian sentiasa mengkaji kurikulum khusus bioteknologi agar selari dengan perubahan dan kemajuan teknologi yang terkini serta kehendak pasaran semasa dan akan datang. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, IPTA yang sedia ada juga sering dipastikan mempunyai tenaga pengajar yang mahir serta kemudahan peralatan dan makmal yang mencukupi. Selain daripada itu kementerian turut melaksanakan program penempatan pelajar ataupun *internship* dengan izin dalam industri dan sektor swasta bagi memberikan pendedahan dan pengalaman awal sebelum pelajar menghadapi alam kerjayanya.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat beri peluang untuk pertanyaan tambahan sekarang?

Datuk Ong Tee Keat: Ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian mengambil tindakan meningkatkan bidang penyelidikan dalam bidang Bioteknologi supaya bidang ini dapat dimajukan dan penyelidikan Bioteknologi akan menjadi teras kepada pembangunan negara dan bidang-bidang Bioteknologi sebenarnya telah berjaya menghasilkan beberapa penemuan baru seperti bio-perubatan dan bio-informatik. Dengan penemuan ini Tuan Yang di-Pertua dapatlah menjana peluang ekonomi dan dikenal pasti sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah binti Omar dan selepas ini kalau Puan Siw Chun a/p Eam dan Dato' Musa ada pertanyaan tambahan saya akan beri keutamaan sebab saya tidak bagi tadi dalam dua soalan. Sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai maklumat sama ada daripada hampir seribu pelajar-pelajar yang telah pun tamat belajar ini adakah mereka semua telah mendapat pekerjaan ataupun sedang menyambung pengajian di peringkat sarjana. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak kementerian sedang mengumpul maklumat menjurus ke arah ini. Dan kita sedia maklum bahawa, memandangkan bahawa jurusan pengajian ini masih lagi setahun jagung dan pihak kementerian seperti mana yang saya sebutkan tadi tengah berusaha untuk memperbanyakkan lagi peluang-peluang

pekerjaan. Ini adalah untuk menampung graduan-graduan kita yang sekarang ini masih lagi dikira kecil dalam lingkungan 400 lebih orang dan setakat ini pihak kami belum lagi pastikan bahawa sama ada semua graduan yang dimaksudkan itu menjawat jawatan yang setimpal dengan pengajian mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Dari satu segi kerajaan selaku pemerintah menekankan bioteknologi, dari satu segi lagi pemerintah yang sama menekankan peranan sektor pertanian. Dua-dua ini ialah saling melengkapi, banyak pertanyaan tambahan boleh dikemukakan ada sesiapa? Tuan Wan Nordin.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah rancangan kerajaan dalam persediaan untuk memperkasakan graduan-graduan ini untuk mempelopor dan meneroka bidang yang baru dikenali di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Bidang bioteknologi baru, bidang pertanian turun-temurun dua-dua ini.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang bangkitkan soalan tadi. Sebenarnya menjurus ke arah yang dimaksudkan tadi itu sememangnya pihak kementerian tengah berusaha untuk memantapkan beberapa pendekatan yang telah pun digariskan. Antara lain, termasuk memperluaskan lagi peluang R&D di IPTA kita yang sedia ada dengan memperbanyakkan lagi ataupun menyediakan lagi peruntukan geran yang tambah. Yang keduanya, pihak kementerian juga sentiasa berusaha untuk menjalinkan usaha sama yang lebih luas dengan jaringan industri khususnya GLC yang sedia ada serta pihak swasta untuk memberikan untuk menyediakan banyak lagi peluang-peluang pekerjaan kepada graduan-graduan kita dalam bidang pengajian ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di IPTA yang sedia ada R&D sebenarnya juga dijadikan sebagai salah satu faktor kenaikan pangkat kepada tenaga pengajar ataupun tenaga akademik kita. Dan kita memang menggalakkan lebih ramai lagi graduan-graduan kita sekiranya mereka ini dapat melanjutkan lagi pengajiannya di tahap yang lebih tinggi dalam bidang yang sama maka mereka ini akan diberi peluang. Terima kasih.

12. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Pelajaran menyatakan senarai bilangan SJKC sekolah kerajaan dan SKJC sekolah bantuan kerajaan mengikut hak milik tanah dan adakah kementerian berhasrat menukarkan sekolah bantuan kerajaan yang dibina di atas tanah kerajaan dan kerajaan tempatan kepada sekolah kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. bilangan SKJC sekolah kerajaan adalah sebanyak 398 buah, manakala SKJC sekolah bantuan kerajaan pula adalah sebanyak 889 buah. Bilangan SKJC sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mengikut hak milik tanah adalah seperti berikut, saya rasa senarai adalah panjang dan saya akan sampaikan kepada Senator Ahli Yang Berhormat

secara bertulis. Dari segi praktiknya Akta Pendidikan 1996 tidak mempunyai peruntukan untuk menukar sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan.

Berdasarkan tafsiran tentang sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang diperuntukkan maka pertukaran status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan tidak boleh dibuat memandangkan:

(i) sekolah kerajaan ditafsirkan sebagai sekolah yang ditubuhkan diselenggarakan sepenuhnya oleh Menteri Pendidikan dan

(ii) Akta Pendidikan 1996 tidak memperuntukkan tentang pertukaran status sekolah

Oleh yang demikian pemilikan tanah tidak boleh dijadikan sebagai asas dalam menentukan status sekolah kerana terdapat sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang masing-masing didirikan di tapak milik kerajaan dan bukan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran. Dalam Akta Pendidikan 1996, Seksyen 28, "tertakluk kepada peruntukan akta ini menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyelenggarakan sekolah-sekolah itu".

Soalan tambahan saya, dalam perundangan Malaysia, hanya menteri sahaja ada kuasa menubuhkan sekolah dan sekolah-sekolah adalah ditubuhkan oleh menteri dan semua sekolah yang ditubuhkan oleh menteri dalam tafsiran itu sepatutnya diklasifikasikan sebagai sekolah kerajaan dan apakah kriteria-kriteria yang menentukan sesuatu sekolah itu berstatus sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, klasifikasi ataupun status sekolah kadang-kadangnya dia akan mengikuti sejarah seumpamanya SKJT, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, kebanyakan mereka didirikan di kawasan-kawasan ladang oleh pihak perladangan dan pada masa ini walaupun tidak kira status sekolah, semua sekolah di bawah Kementerian Pelajaran menerima jenis-jenis bantuan. Bayaran gaji guru-guru di semua sekolah tidak kira sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran. Skim-skim bantuan pelajar dipanjangkan kepada semua pelajar tidak kira aliran sekolah ini termasuk berkapital geran, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Buku Teks, Skim Baucar Tuisyen dan sebagainya.

Bantuan kebajikan juga diberi kepada semua pelajar yang memerlukan bantuan. Jadi status sekolah itu tidak merupakan satu had kepada bantuan daripada kerajaan dan setakat ini seperti yang saya telah menyatakan tadi kita tidak ada peruntukan di bawah Akta untuk menukarkan status sekolah. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Terima kasih pihak kementerian. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah bantuan per kapita yang telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada semua sekolah jenis kebangsaan di seluruh negara.. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ini, setiap tahun di seluruh negara?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah spesifik dan saya mohon notis, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Hajah Saripah Aminah bt. Haji Syed Mohamed dan saya harap Puan Siw Chun dan Dato' Musa tak merajuk ya? Tak mahu tanya pertanyaan tambahan pun? Terima kasih.

13. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan selain daripada sistem amaran bencana alam:-

- (a) apakah langkah-langkah kerajaan untuk mewujudkan suatu sistem pengurusan krisis bencana yang sistematik dan teratur untuk menghadapi bencana alam seperti tsunami, banjir, tanah runtuh dan sebagainya; dan
- (b) nyatakan Kementerian serta agensi yang bertanggung jawab menyelaraskannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, mekanisme pengurusan bencana yang sistematik dan teratur bagi menangani bencana telah diwujudkan sejak Mei 1997. Ia terkandung dalam arahan Majlis Keselamatan Negara(MKN) nombor 20, yang memperincikan dasar dan mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara. Dalam arahan tersebut, mekanisme pengurusan bencana melibatkan pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa pada setiap peringkat seperti berikut:-

- (i) Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;
- (ii) Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
- (iii) Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Selain itu, apabila berlaku bencana Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK), akan digerakkan bagi memastikan tindakan yang bersepadu dan terselaras. Pusat Kawalan Operasi Bencana akan dibuka oleh bahagian keselamatan daerah atau bahagian keselamatan negeri atau bahagian keselamatan negara dan mempunyai tanggung jawab-tanggung jawab tertentu. Di antaranya, mengawasi perkembangan dan menentukan usaha-usaha menangani bencana operasi mencari dan menyelamatkan dan bantuan kecemasan dijalankan dengan teratur dan berkesan.

Yang kedua, melaporkan perkembangan kepada pengerusi jawatankuasa pengurusan dan bantuan bencana bagi setiap peringkat dan pihak atasan. Ketiga, mengeluarkan arahan yang perlu bagi memastikan bencana diuruskan dengan baik.

Bagi soalan (b), pengurusan bencana dan krisis yang melibatkan keganasan dan ketenteraman awam, Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri adalah agensi bertanggung jawab menyelaraskannya.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Benarkah masih ada lagi, mangsa tsunami yang belum menerima bantuan terutama ganti rugi rumah dan bot-bot nelayan, terima kasih.

Dato' Hj. Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat tersebut di sini.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan berhasrat menggerakkan orang awam atau NGO-NGO dalam menjadikan sebagai tentera penyelamat semasa berlakunya bencana dan berapa kerapnya latihan ini akan dijalankan untuk menghadapi segala kemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, masyarakat keturunan Cina banyak menubuhkan pasukan bomba sukarela.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam jawapan saya tadi, di mana saya ada sebutkan iaitu satu pusat kawalan operasi bencana dan yang satu lagi pusat kawalan tempat kejadian. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Senator yang bertanya, pusat kawalan tempat kejadian adalah merupakan jentera yang paling utama kerana ia menguruskan secara langsung tempat berlaku bencana itu dan perlu dikelolakan secara terselaras.

Jadi pusat-pusat ini mengikut keutamaan. Dia ada agensi-agensi terutama sekali ialah agensi penyelamat utama iaitu SMART, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perubatan Angkatan Tentera dan mana-mana pasukan khas yang ditubuhkan oleh mana-mana agensi yang mempunyai kepakaran khas untuk menyelaraskan tugas bersama pasukan penyelamat.

Apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, ialah termasuk di bawah agensi penyelamat sokongan di mana di sini juga dimasukkan Jabatan Pertahanan Awam, mana-mana pasukan khas, badan-badan sukarela seperti bomba dan penyelamat. Jadi kita difahamkan bahawa di agensi-agensi bantuan sokongan dan pemulihan, NGO seperti bomba penyelamat sukarela, memainkan peranan yang penting dan mereka dimasukkan di bawah agensi ini, di peringkat iaitu agensi-agensi bantuan dan pemulihan.

14. Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap "ulat-ulat" yang berkeliaran di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) di Sepang sehingga menimbulkan kegelisahan di kalangan pemandu teksi dan orang ramai sekali gus mencemarkan imej terminal itu sendiri.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti

Samsudin yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ulat ataupun aktiviti *touting* dengan izin, yang berkeliaran di tempat awam termasuklah di KLIA dan LCCT, Kementerian Pengangkutan telah meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987, dan mewujudkan seksyen baru iaitu seksyen 110(a) di mana ia telah berkuat kuasa mulai 6 Mac 2006.

Di bawah seksyen ini, polis dan pegawai pengangkutan jalan telah diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana individu yang didapati memujuk atau mendesak bagi maksud menawarkan perkhidmatan yang berkaitan dengan memberi sewa untuk mengangkut penumpang dengan tujuan mendapatkan upah atau ganjaran. Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Samsiah.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya perlahankan jam semata-mata kerana banyak kali Yang Berhormat bangun nak tanya soalan tambahan saya tak bagi.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Merajuk.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai balasan, saya panjangkan jam. Saya pertahankan jam.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian bercadang untuk membina LCCT ini di tempat yang lain yang lebih hampir dengan KLIA agar tidak menyusahkan para penumpang dan tambang teksi juga agak mahal iaitu sehingga RM30.00. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengharapkan kemungkinan soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal. Tapi saya, meminta boleh saya jawab bagi pandangan beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya harap dapat diterima, iaitu kerajaan telah menyiapkan satu kemudahan bagi penerbangan dengan izin, *low cost carrier terminal (LCCT)* dan dengan adanya terminal yang baru siap yang memakan belanja lebih kurang RM108 juta. Ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini. Kita beranggapan bahawasanya sambutan terhadap LCCT ini amat menggalakkan dan sejak LCCT itu dibuka hampir 3 juta *passenger* dengan izin yang telah mengguna kemudahan itu.

Kita, pihak kementerian memahami dengan segi keadaan untuk memunggang penumpang-penumpang di antara KLIA dengan LCCT. Ini telah kita ambil kira, telah kita memantau keadaan ini. Kita merasakan kalau diperlukan satu hari nanti, kita akan dapat menyediakan satu sistem - berkemungkinan belum ditetapkan lagi. Selain daripada menggunakan *coach* ataupun bas, iaitu satu sistem monorel kemungkinan boleh kita sediakan untuk kemudahan penumpang-penumpang itu yang akan tiba di KLIA dan terpaksa pergi ke

LCCT untuk penerbangan ke kawasan-kawasan yang lain di seluruh negara kita terutama bagi pihak pelancong. Jadi saya rasa, daripada masa ke semasa kita akan mengikuti perkembangan dari segi untuk menyelesaikan penumpang-penumpang kita yang tiba di KLIA untuk pergi ke LCCT itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebenarnya saya tunggu pertanyaan tambahan. Sebab pertanyaan ini melibatkan pada satu ketika waktunya dipinda Akta berkenaan, ada banyak pihak Yang Berhormat yang merasa beberapa hukuman terlalu keras dan mungkin ditafsirkan bahawa undang-undang tersebut akan dilihat sebagai satu undang-undang draconian. Tetapi pihak-pihak tertentu begitu beria-ia nak lulus juga undang-undang itu. Kita timbang-timbang, kita luluslah. Nah, sekarang apa hal? Ok, masa cukup.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

USUL

USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” ***[10 Mei 2006]***

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Ahmad Husin untuk buat ucapan, kerana perjalanan mesyuarat terhenti tempoh hari maka saya menjemput Tuan Ahmad bin Husin, yang ucapan beliau dahulu tidak dipakai. Sekarang teruskan ucapan.

11.27 pagi.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini ialah ucapan sulung saya. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Hari ini 11 Mei 2006. Satu perayaan ulung parti yang memerintah, parti keramat, sambutan yang ke 60 tahun di Johor Bahru, sedang mengukir satu sejarah yang amat besar bagi kita. Saya mohon di sini untuk mengungkapkan sedikit tentang perjuangan tersebut yang mana pada tahun 1990, satu usul telah dibawa Hal Raja

Berperlembagaan. Saya nak mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dimasukkan dalam *Hansard*. Yang mana kalau betul...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tiap-tiap perkataan, masuk dalam *Hansard*. Batuk pun, ketawa pun, mereka tulis.

Tuan Ahmad bin Husin: Masa itu Tuan Yang di-Pertua ialah Menteri Besar Negeri Perlis Indera Kayangan.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan cerita sejarah silam panjang-panjang, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin:

Maruah bangsa, sejarah Melayu warisan bangsa, kegemilangan Melaka amat dibangga.

Betapa agung, betapa tinggi martabat bangsa namun akibat sengketa dalaman istana, hancur lebur takhta yang tercinta.

446 tahun rakyat menderita kehilangan payung yang gagah perkasa.

Kita dijajah, kita dilanda Portugis, British, Jepun, mahupun Belanda.

Semuanya sama memeras, memijak, merampas, budaya dilacur, agama dinoda hingga gersang, tandus, terhakis maruah bangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Karya siapa itu, Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Husin: Kombinasi Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sekarang dan saya.

Dalam suasana ribut, nasionalisme bergelora, terumbang-ambing warisan dan budaya.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Ahmad bin Husin:

Muncul segelintir wira bangsa, cekat berani mencabar seluruh Nusantara bergelora,

sambil menyeru hidup Melayu, bangun bangsaku bangun,

bangun bersatu di sisiku, kita bela bangsa, kita bela nusa,

biar putih tulang, jangan putih mata,

kita tetap akan merdeka, maruah bangsa pasti dibela.

Kepada bapa dan ibu pejuang bangsa yang menguburkan Malayan Union melahirkan merdeka,

kami mencium tangan wira perkasa, menjunjung kasih kepada semua.

Kini di barisan veteran mereka berada, berdiri teguh sentiasa rela mencurah jasa bila sahaja.

*Kepada mereka kita berbangga kerana tiada wujud istilah bersara.
Malayan Union amat celaka, hampir menelan ketuanan raja.
Jika tiada UMNO yang membela, hancur lebur ketuanan kita.
Kami anak merdeka patuh luhur Perlembagaan tercinta.
Institusi raja kita membela demi lambang ketuanan bangsa.
Kita berjuang bak kompang dipalu,
satu rentak satu nada yang jitu demi mengekalkan kekuasaan yang satu,
demi maruah bangsa Melayu.
Maruah bangsa bukan untuk dijual beli,
maruah bangsa pantang dijudi.
Walaupun berat adalah tanggungjawab kita bersama,
tidak kira di mana di bawah di tengah mahupun di singgah sana.
Saudara, kita berbicara bukan bergurau senda,
kita khuatirkan nasib bangsa di singgah sana bersemayamnya Baginda
amat disanjung rakyat jelata.
Alangkah terkilan, alangkah terasa jika Perlembagaan istana melanda.
Zaman Hang Tuah zaman gemilang,
raja dijunjung raja dijulung,
biar apa sahaja pendapat hulubalang
namun Tuah tetap menjulang.
Istana Melaka gegar bergema,
amuk Jebat membela maruah saudara tercinta,
alangkah wajar hukuman sejarah Jebat digambarkan watak derhaka.
Berwaspadalah wahai saudara jika kita terlalu leka bagi generasi yang
menjelang tiba,
watak Jebat menjadi wira.
Bingkisan ini pesanan hamba agar ditinta di pusara wira,
selera hati harus dijaga lantaran hanyut kuasa yang ada.
Kita manusia hanya merencana, yang menentukan ialah Yang Maha
Esa,
kepada Allah kita berdo'a agar UMNO terus berkuasa.*

Tuan Yang di-Pertua, semalam atau orang utara kata kelmarin saya ada di luar mendengar perbahasan di Dewan Rakyat melalui kaca televisyen. Ceritanya cukup kelam-kabut tetapi tidak masuk dalam berita. Saya cuma hendak cakap di Dewan Negara ini satu perkara yang ada sedikit kaitan dengan apa yang berlaku antara pembangkang dan kerajaan.

Saya ingin merujuk kepada Perkara 43(3) Perlembagaan Persekutuan. Tajuk 43 dalam *Federal Constitution*, dengan izin, kepala dia ialah Jemaah Menteri. Kalau kita rujuk 43(3) disebut, "Jemaah Menteri adalah bersama-sama bertanggungjawab kepada Parlimen." Di sini maksudnya apa yang saya faham ialah tentang tanggungjawab kerajaan untuk menjawab soalan-soalan di Parlimen. Bagaimana hujah kerajaan untuk memberi keyakinan kepada yang bertanya sama ada kerajaan sendiri atau pembangkang. Itu menentukan kredibiliti kerajaan. Kalau kita tidak jawab, ini maknanya satu yang *unethical*.

Maknanya walaupun kementerian tersebut tidak diwakili oleh menteri yang berkenaan, mana-mana menteri secara kolektif boleh menjawab bagi pihak yang tidak hadir tetapi soalan mesti dijawab. Itu akauntabiliti kerajaan kepada rakyat kerana soalan daripada rakyat. Mahu tidak mahu mesti jawab. Itu tanggungjawab bersama. Itu Fasal satu.

Fasal yang kedua ialah arahan Parti Whip. Ada masalah kawan-kawan kita, maksudnya bila Timbalan Perdana Menteri menjadi Parti Whip, apa sahaja yang Whip bagi arahan, itu harus diakuri sama ada kita Pengerusi BBC, jawatankuasa dan sebagainya, kita mesti akur 101%, dengan izin. Kita tidak boleh sekali-sekali bercanggah dengan arus, itu yang kedua. Ini bermakna kita mesti mendahului parti yang satu lagi untuk menentukan Whip memberi peluang untuk kita sokong.

Yang keempat, katalah kita terlewat macam berlaku di Dewan Rakyat. Ini bermakna bukan kita tak setuju tentang integriti tetapi ada kaedah lain yang boleh digunakan. Tanggungjawab bersama tadi ialah satu, kita tidak menyokong, sebab dibawa oleh pembangkang, tetapi kita nak juga integriti. Maka Pengerusi Parti Whip, BBC dan sebagainya boleh melaporkan. Dia boleh dengan sendirinya sebagai ketua, membuat laporan kepada pihak yang berwajib, contohnya pihak polis, BPR dan sebagainya. Kita tak nak orang yang dirasa-rasa bersalah, dibiarkan. Jadi seharusnya perkara yang kelam kabut, yang sepatutnya tak berlaku, yang telah berlaku, tak sepatutnya berlaku Tuan Yang di-Pertua. Itu *point* saya.

Sebab itulah saya amat pasti Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak pernah terlibat sekali pun dalam gejala politik wang, ini saya yakin. Yang lain saya tak mahu sentuh sebab saya dah 16 tahun berturut-turut menjadi perwakilan. Jadi 16 tahun ini, kalau budak pun dah boleh kahwin Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tak mahu sebut. Tapi sekarang saya nak sebut, sebab ketua kita, pemimpin kita, Perdana Menteri orang yang bersih. Jadi kita kena ikutlah, yang lain-lain saya tak mahu sebut di sini. Saya nak Pak Lah dengar ini. Sebab PM biasa menang, Naib Presiden dan PM biasa kalah, Naib Presiden dan bangun balik Naib Presiden. Dan sekarang terbukti Perdana Menteri. Jadi soal gejala wang sudah tak ada, jadi saya dah sebut dah semalam atau kelmarin boleh kata. Air hulu dah jernih, kita harap semua air sampai ke hilir jernih.

Yang ketiga, saya dapati bahawa semua orang membincangkan Singapura. Saya nak bincang aspek lain Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu sekarang Pelabuhan Kuala Linggi dah

lengang dan pelabuhan ini dibuat oleh LKIM. Dan pelabuhan di Melaka, Datuk Soon boleh *confirm*, lengang, pasal apa? Balak, kayu-kayu gergaji dah tak masuk, masalah yang berlaku di Dewan Rakyat. Ada cerita sikit. Jadi semua balak-balak sekarang dah pergi Singapura, jadi kita sudah tidak ada apa dah. "soru miss" sebab kita nak kan kayu bergergaji. Orang Indonesia ini, dia gergaji kayu pun tak betul. Dia kalau tak betul 100% ikut *spec*, kastam rampas, kacau kita. Jadi bengking kita, atas bawah kena bakar. Dan kita dah rugi, Singapura dah melambung-lambung. Cara penyeludupan, cukup akal baguslah. Kayu balak tadi di dasar laut, makna bot di atas, makna kayu balak kemudian dia pakai *weight* besi di bawah, makna kayu tu terus masuk dalam laut. Kalau kita teropong pun, Tuan Yang di-Pertua tak nampak, dia bawa ke Singapura.

Sekarang saya nak cadang kepada kerajaan, kalau kita nak ambil balik sedikit *foreign exchange*, kita nak masukkan aliran wang masuk dalam negara, kita kena ubah pinda. Jangan 100% kayu gergaji, kita pun boleh bawa balak. Kita bawa balak ke Linggi dan ke Melaka, dan kita gergaji sendiri. Dan kita boleh guna banyak orang dapat pekerjaan, bukan sahaja kita dapat keuntungan tapi banyak orang dapat kerja. Ini cara kita. Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat melihat balik, *super win-win situation*. Dan Indonesia ini pula, masalahnya kastam dan tentera Indonesia ini bukan berlaga sangat, ini *problem* dia. Jadi kastam tak berani nak *tax* dengan izin, sebab tentera tak dapat apa. Pendapat saya sekarang ini, kita jumpa dengan dua-dua sekali, tentera dan kastam *join together*, dua-dua *win-win* dan kita dapat balak seluruh Indonesia dan kita dapat untung. Ini satu cara untuk keluar daripada *versus. cirlice* menyusahkan kita. Yang mana manfaat 100% dapat dekat Singapura sekarang.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tajul Urus.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, dalam isu yang timbul di Dewan Rakyat baru ini. Masalah yang timbul ialah seorang Ahli Parlimen minta supaya pihak kastam sedikit kelonggaran kepada cukai ataupun permasalahan yang Pada pendapat Yang Berhormat, antara tindakan Ahli Parlimen berkenaan dengan ketegasan pihak kastam dalam menjalankan tugas, yang mana satu yang patut dipertimbangkan? Perkara yang kedua, dalam soal tentera dan kastam tadi ini, yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Tentera dan kastam sebelah Indonesia ke sebelah kita?

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang bertanya. Saya jawab yang kastam dululah dan tentera. Indonesia, yang kita *first class*. Jawapan yang kedua, saya, pengalaman saya sebagai pegawai tadbir, PTD *officer* dulu. Saya nak jawab dari segi kuasa pusat eksekutif. Pengalaman saya sebagai pegawai tadbir PTD dulu di bahagian Kementerian Jabatan Kerajaan Negeri selama 10 tahun, kita Tuan Yang di-Pertua kena membezakan tiga perkara dalam hal ini.

Pertama, kita kena faham apakah yang disebutkan pengasingan kuasa iaitu *separation of powers* dengan izin, kita nak asingkan kuasa. Antara satu kuasa-kuasa eksekutif yakni

pegawai-pegawai kerajaan. Yang kedua, kuasa-kuasa legislatif, sebagaimana Yang Berhormat dalam Dewan ini, semua Senator, semua Ahli Dewan Negara, semua ini ialah perundangan, kita semua di bawah naungan legislatif. Yang ketiga, kita kena faham, satu lagi cabang ialah *judiciary*, kehakiman. Jadi kita buang yang satu, yang kehakiman kita tak payah bincang. Kita bincang soal sebab bila eksekutif berlaga dengan perundangan, kita jumpa hakim, jangan kita bertumbuk. Kerana yang dok masalah ini kita tersilap, kita gunakan *power*, bergaduh, habis pakat bergaduh tu, dia tak faham. Jadi yang kehakiman, *judiciary* kita letak sebelah. Yang hakim-hakim, yang arif-arif apa semua majistret, *lower court*, *higher court*, *section court*, Mahkamah Tinggi Rayuan, kita letak sebelah. Boleh *confirm* dengan Yang Arif ada di sini, *lawyer* kan?

Yang dua sahaja. PTD *officer* ini, ataupun kerajaan ini, tentera ke polis ke, apa semua sekali ini yang adik-adik, abang-abang kita duduk depan semua belakang ini, mereka cuma menjalankan kerja-kerja yang diputuskan oleh perundangan, yang kita buat. Kalau kita bagi merah undang-undang tu, merahlah dia. Kalau hitam, hitamlah. Pegawai kerajaan tak akan buat undang-undang, kita buat. Jadi makna mereka ni tak ada salah apa, pegawai kerajaan tak salah apa, dia ikut sahaja tapi ikut bukulah. Kalau *treasury instruction*, kalau dulu ni RM10 ribu ke bawah, pengarah boleh bagi sahaja. RM9,999 dia bagi sahaja, buatlah kerja apa pun. Itu kuasa dia, siapa pun tak boleh campur sebab kita yang bagi. Sebab dalam Arahan Perbendaharaan disebut, makna kita buat. Itu contoh dia, cukup jelas. "Jangan berlaga raket", orang kampung kata, bukan saya kata. "Berlaga raket" ini bermaksud kita perundangan pun, kita nak jadi pegawai. Yang kita tak mahu pegawai nak jadi *politician*, kita *divide* elok-elok.

Jadi bermakna dalam hal ini, yang Ahli Parlimen tadi, dia boleh, saya setuju dengan pendapat, apa yang diutarakan oleh Perdana Menteri. Dia boleh pada masa itu, cuma kapasiti dia sebagai Ahli Parlimen memohon, merayu, meminta pertimbangan, meminta belas ihsan, dia memohon sahaja, dia takat sedikit sahaja. Tapi jangan dia *order*, jangan dia paksa, tak boleh, itu *out*, itu *hundred and one percent (101%)* tak boleh buat. Jadi kita kena faham, sebagai Ahli Parlimen kena faham.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, minta izin untuk sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Dalam surat khabar hari ini, pihak Ahli Parlimen yang berkenaan telah mengaku bahawa syarikat yang dia pergi rayuan itu adalah syarikat beliau 100%. Saya nak tanya Yang Berhormat, apa pandangan?

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya cukup jelas dalam hal ini, cukup *clear*, saya tak pernah berganjak. Yang hak, mesti hak, yang batil mesti batil. Yang salah tetap salah, yang benar tetap benar. Kita tak boleh *both side of the point* dengan izin. "Sin" pun dia mahu, "kong" pun dia mahu, mati kita. Jadi dalam hal ini,

kalau benar dia ada syarikat sendiri, keluarga sendiri dan digunakan kedudukannya, maka ini adalah disebut penyalahgunaan kuasa. Rakyat tak bagi kuasa ini, tak bagi. Dia kata *politician*, jangan menyalah. Kalau nak jadi *politician*, jadi *politician*. Kalau nak berniaga, berniaga. Kalau nak mentadbir, tadbir. Nak jadi hakim, hakim. Jangan makan semua, makan sendiri, dia cium, dia tikam, mati kita. Susah siapa? Orang luar bandar, bukan kita. Macam mana? Boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum pada itu Yang Berhormat, saya cuma nak tahu berapa lama lagi Yang Berhormat nak berucap ini? Kerana cerita balak dah dekat setengah jam ini.

Tuan Ahmad bin Husin: Habis dah, balak dah siap. 15 minit ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Ahmad bin Husin: Yang keempat, ..

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sikit. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan perbincangan daripada Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa nak masuk politik, masuk politik. Nak berniaga, berniaga. Saya rasa tak jadi macam itu Tuan Yang di-Pertua. Di sini pun saya rasa ada orang yang politik dan orang yang berniaga. Dia bukan sahaja Ahli Parlimen dan kalau kita tengok dalam surat khabar hari ini, ahli Parlimen boleh berniaga, kalau tidak memegang jawatan dalam kerajaan. Jadi saya nak minta pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Bagus Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Ini pendapat saya. Saya sebagai pegawai kerajaan, dulu pun saya kalau dah berniaga sangat, saya dah kaya raya dah. Sekarang pun saya *politician*, kalau saya berniaga, saya pun kaya raya dah. Tetapi saya nak tanya diri saya, saya nak jaga moraliti saya terhadap jawatan yang diberi kepada saya atau saya nak "kambus" semua sekali. Kalau kita nak berniaga, kita boleh berniaga, jangan pula masa perniagaan kita itu, terlalu banyak menyebabkan tugas kita pada rakyat tidak ada masa. Itu maksud saya.

Jangan ada nama dalam syarikat, satu. Pasal kalau dah ada nama, BSKL naik 74, jatuh kita pening, naik kita sorak, mati rakyat susah. Rakyat luar bandar mati, bursa saham naik, kita cerut. Tuan Yang di-Pertua, cerut berapa? RM100, siapa sebut? Ada Yang Berhormat sebut, saya ingat. RM100 cerut sahaja. Orang kampung gula boleh beli tiga bulan. Kadang-kadang setahun dengan RM100. Ini Yang Berhormat hisap cerut sampai RM100 lebih, ini apa cerita? Saya mahu lepas ini, tak mahu dah, tengok wakil rakyat tunjuk contoh macam ini. Setuju atau tidak, saya tetap, kita kena boikot jenis-jenis macam ini. Ini bukan membela rakyat, hentam rakyat.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Tugas wakil rakyat ialah untuk membantu rakyat termasuk dalam kampung. Jika nak bantu rakyat, yang miskin, tandas rosak dan sebagainya. Elaun senator, RM3 ribu, RM4 ribu, kalau tak berniaga,

tak boleh bantu. Kerja wakil rakyat tak berkesan. Di mana salahnya di waktu yang sama kita membantu rakyat sebagai seorang ahli politik, pada yang sama, kita mencari rezeki berniaga terhalang. Pandangan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, ini jolok bagus Yang Berhormat ini. Mudah sahaja, jalan keluar cukup mudah, *win-win situation* dengan izin. Kita dah ada jawatan, kita dah ada pendapatan. Kenapa tidak kita *groom* kan beberapa usahawan, kita bantu beberapa usahawan sebab kita ada kedudukan. Jangan lupa kerusi ini laku, *priceless* tapi dengan caranya. Tak akan nak sebut semua sekali dalam Dewan ini, saya lama ini. Politik pun lama, dalam mentadbir pun lama. Saya di Jabatan Perdana Menteri lama, Timbalan Setiausaha Kerajaan lagi. Berbelas juta ada ini, pentadbir masa tu. Waktu tu orang Melayu belum tahu lagi nak sebut juta, tahun 80, lama *way back*.

Jadi dalam hal ini, saya nampak kita bagi kawan-kawan kita berniaga. Dan dia akan sampai. Kalau kita buat baik, tak dapat tidak, kawan-kawan ingat kita. Dan gunakanlah cara itu lebih bermoral lagi.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Yang Berhormat, minta laluan sikit. Saya tertarik Tuan Yang di-Pertua, orang politik tak payah berniaga, kita tolong kawan-kawan. Kadang-kadang Yang Berhormat kalau kita tolong, kita rasa kita dapat komisen, ada orang kata rasuah. So yang mana lebih baik? Lebih baik kita punya syarikat sendiri, kita berniaga cara betul. Daripada kita jadi orang tengah, jadi broker, bawa projek sana, projek sini, orang tuduh kita rasuah. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, lagi mudah. Ambil contoh, semalam atau kelmarin. Ada seorang guru besar telefon saya. Dia kata, "Yang Berhormat, sekolah akan ada hari kecemerlangan dan memerlukan sekian banyak untuk diberi kepada 400 murid-murid sekolah. Boleh tak Yang Berhormat sumbang?". Saya baru terima, jadi kita pun baru mari sini, gaji pun tak boleh lagi. Belum tahu boleh tak boleh lagi. Nak kata boleh pun susah, nak kata tak boleh jahanam, sekolah dekat kampung.

Jadi, 400 murid-murid jumlahnya sekian banyak. Tapi kerana kita sudah biasa buat yang saya sebut tadi kita sudah ada Baitulmal bukan kita punya, yang saudara-saudara kaum kita yang telah berjaya yang kita didik lama itu, kita tidak payahlah. Nama kita tidak ada dalam syarikat. Nama isteri kita tidak ada dalam syarikat, nama anak siapa pun tidak ada. Cucu cicit kita siapa pun tidak ada. *Zero!* Bukan *check* dengan izin. Tidak ada. Tapi kerana kita sudah buat kerja itu lama bagi semua itu mereka pun tidak akan fikir hendak tolong. Dengan mudah saya kata tidak ada masalah...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan. Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi laluan?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Bagi, bagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi ya. Teruskan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi ucapan Yang Berhormat. Daripada kelmarin saya dengar Yang Berhormat, saya seronok mendengar ucapan Yang Berhormat ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat satu perkara. Saya ingat Yang Berhormat pun orang politik juga. Tadi bercakap soal UMNO apa tadi saya dengar. Ini orang kuat UMNO Perlis ini. Betul Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Husin: Ya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Jadi kita lihat hari ini kita bukan menteri, kita ini bukan Ahli Parlimen. Ahli Parlimen bolehlah Yang Berhormat tahun ini dapat dekat RM2 juta. Kita ini ahli Dewan Negara. Tiga tahun. Yang Berhormat kena fikir ya tiga tahun satu penggal tiga tahun hanya RM100,000 sahaja. Kalaulah Yang Berhormat ketua UMNO bahagian, kalau Yang Berhormat ada 40 cawangan sudah. Satu cawangan Yang Berhormat bagi RM2,000, 40 cawangan RM80,000. Tiga tahun Yang Berhormat hendak tahan macam mana?

Jadi saya ingat dibolehkan orang politik yang tidak ada kepentingan dengan kerajaan boleh berniaga. Jadi kalaulah kita tidak berniaga kita suruh kawan kita berniaga orang akan kata. Misalannya pejabat daerah kawasan kita sendiri Yang Berhormat. Kita ada ramai kawan-kawan kontraktor kelas F, kita bawa pergi jumpa. Orang itu kata apa, "*inilah ketua bahagian, senator ambil komisen*". Orang akan bercakap. Bagi saya, saya setuju macam rakan saya bercakap tadi kita berniaga dengan cara ikhlas. Tapi jangan pula kita hendak minta tolong pegawai kerajaan kita marah kerajaan tidak mahu tolong kita, kita hentam dia dalam Dewan. Suruhlah orang lain bercakap, jangan kita bercakap. Jangan soal kepentingan kita bawa.

[Tepuk]

Itu sahaja.

[Tepuk]

Kalau kita tidak dapat pertolongan jangan datang Dewan kita hentam. Saya rasa pegawai kerajaan ini pun manusia macam kita. Kalau Yang Berhormat adalah orang Melayu hendak membangunkan orang Melayu dia akan tolong. Soalnya macam Yang Berhormat cakap tadi undang-undang. Undang-undang tidak boleh, dia kata tidak bolehlah. Sudah tidak boleh itu, kita sebagai orang politik kita hendak berkawan dengan pegawai kerajaan. Kita kena berkawan dengan mereka baru kita boleh bangunkan. Kita tengok Rancangan Malaysia Kesembilan. Tanya sedikit Yang Berhormat, boleh ya Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita orang politik kawasan kita, kita kena bertanggungjawab. Kalau nampak ada masalah kita kena tolong pegawai kerajaan. Jadi saya rasa orang politik ini boleh berniaga tapi jangan guna kepentingan kita hendak ugut pegawai kerajaan. Itu sahaja yang tidak boleh. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada saya, saya tetap dengan pendirian yang sama sebab pada tahun 1980 saya jadi pegawai kerajaan sampai sekarang saya ingat saya tidak berubah lagilah. Saya sendiri tidak ada syarikat. Tetapi kawan-kawan dan saudara-saudara yang lain tidak kira bangsa mana saya akan tolong. Saya akan tolong dan bila sampai satu masa mereka pun rasanya tidak sampai hati hendak tengok saya tidak tukar itu, tidak tukar itu dan sebagainya.

Saya tidak pernah meminta. *Never in my life* dengan izin. Sebab itu saya lambat masuk Parlimen. Kalau saya minta ini saya sudah lama. Zaman kerajaan Datuk Ali dahulu. *I never ask*. Ini pun saya tidak tahu siapa yang hantar saya ke sini tiba-tiba sahaja. Tidak pernah sepatah perkataan pun saya meminta kepada pemimpin, walhal semasa Perdana Menteri sekarang susah saya ada bersama-sama. Saya ingat sudah 20 tahun patut sudah masuk Parlimen. Mungkin sifat saya macam itu. Saya tidak pernah meminta. *I never ask* sebab saya rasa integriti saya akan terjejas.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Yang Berhormat, minta laluan sedikit Yang Berhormat. Kita dalam Dewan ini Yang Berhormat kita ada ramai Ahli-ahli Dewan Negara. Bukan Yang Berhormat seorang sahaja Ahli Dewan Negara. Cara Yang Berhormat cakap, Yang Berhormat tidak meminta, apa kami semua ini pergi minta pada pemimpinkah? Saya terasa juga Yang Berhormat. Walaupun saya sama dengan Yang Berhormat tidak meminta. Ini saya hendak minta pandangan apakah maksud Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak meminta yang semua ini macam mana Yang Berhormat. Terima kasih.

[Dewan menjadi gamat seketika]

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih. Yang itu yang bagus. Kira-kira sampai sudah pada '*muadak*'nya. Tepuk dada tanya iman. Yang hendak menilai Allah s.w.t. bukan manusia. Yang kita akan dihisab. Jadi yang berani silakan. Yang kurang berani *slow* kan. Siapa lagi berani jalankan. Tetapi jangan lupa *the separation of powers*, berasingan kuasa di negara kita yang tercinta yang kita bersetuju dalam Perlembagaan Persekutuan, bukan saya buat. Boleh saya terus Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum itu saya juga cuba mencari titik keseimbangan menyelesaikan masalah ataupun menyelesaikan pandangan Yang Berhormat dengan kedua-dua Yang Berhormat yang bangun sekejap tadi. Saya berfikir dalam kedua-dua keadaan ini ada kebenarannya. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali dengan Dato' Musa dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus yang mengatakan bahawa sekiranya sebagai Ahli Dewan Negara yang semata-mata berharap kepada elaun sebagai Ahli Dewan Negara ataupun elaun-elaun tetap yang lain untuk berdampingan dengan rakyat mungkin apa yang kita dapat itu tidak memadai dan harus kita juga berniaga untuk mendapat sedikit-sebanyak pendapatan untuk menanggung kegiatan politik kita.

Itu ada kebenarannya dan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat sebagai bekas pegawai kerajaan sebagai Ahli Dewan Negara sekarang, Yang Berhormat berpendapat bahawa dalam kedua-dua keadaan ini kita seharusnya mengasingkan apa Yang Berhormat katakan tadi tiga cabang kuasa iaitu perundangan, eksekutif dan kehakiman. Ini juga ada kebenarannya. Jadi pada saya yang mustahak dalam kedua-dua keadaan ini apa yang lebih mustahak ialah apa jua yang kita lakukan yang pentingnya kita tidak boleh melanggar undang-undang kerana undang-undang yang kita buat kita sendiri yang luluskan dan kita tidak harus melanggar dan menyalahkan undang-undang ini.

Dengan itulah titik keseimbangan yang boleh saya fikirkan untuk menyelesaikan masalah di antara Yang Berhormat dan juga kedua-dua pendapat yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat yang berdiri sekejap tadi. Jadi saya ingat cukuplah setakat itu dan Yang Berhormat boleh pergi kepada perkara yang lain.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat-sahabat senator yang prihatin. Seterusnya saya hendak sentuh tentang masalah dalam Perlembagaan tentang agama Perkara 31. Dalam Perkara 31 disebut agama Islam ialah agama persekutuan, mana-mana agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Jelas tetapi masalahnya sekarang kenapa gejala sosial ajaran sesat amat jelas tidak dapat dibendung. Islam Hadhari telah pun diperkenalkan oleh kerajaan untuk melahirkan generasi yang berilmu, beradab dan cintakan kemajuan dan ketamadunan.

Di sini saya hendak cadangkan kerajaan wajar memanggil pendakwah-pendakwah bebas atau NGO untuk sama-sama berbakti untuk mengatasi masalah gejala sosial. Jika sekiranya kerajaan bersetuju maka saya sendiri dan kawan-kawan boleh mencari beribu-ribu pendakwah yang tulen yang benar-benar ingin berdakwah kerana jalan Allah untuk selesaikan sekurang-kurangnya separuh gejala sosial yang berlaku dalam negara.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Yang Berhormat, saya menerima kenyataan Yang Berhormat bahawa masalah sosial hari ini semakin bertambah, semakin runcing, dadah dan macam-macam lagi. Dan saya berfikiran terbuka mengakui bahawa sebahagian besar daripada masalah-masalah sosial itu datangnya daripada orang Melayu. Yang Berhormat boleh bahas kalau tidak bersetuju tetapi itu adalah kenyataan saya. Saya juga menerima kenyataan bahawa antara bangsa-bangsa ini antara orang Melayu, Cina, India antara agama Islam, agama Kristian, agama Buddha dan agama Hindu, orang Melayulah yang mendidik agama daripada waktu mula-mula lahir dengan azan daripada kecil sehinggalah besar.

Pada pendapat dan kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa oleh kerana masalah sosial ini semakin bertambah maka kita perlu menggembleng penceramah-penceramah lagi daripada luar negerikah, dalam negerikah secara NGO kah dan sebagainya seolah-olah memberi

kesimpulan bahawa ceramah agama itu tidak cukup lagi menyebabkan masalah sosial ini semakin bertambah. Adakah itu maksud Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat yang bertanya. Sebenarnya saya telah lama berbincang soal ini dengan pendakwah-pendakwah yang terdapat dalam negara ini dan mereka sanggup untuk bersama-sama sudah terpanggil. Dahulu mereka ini mengasingkan diri tapi sekarang mereka sudah cuba tonjol bahawa mereka sanggup dan sekarang di Sabah pun kita sudah hantar beberapa orang ke Sabah dan pada malam sebelum sebulan yang lepas kita berada di kediaman Perdana Menteri dan saya pun ada sama-sama. Masa itu tidak dapat senator lagi.

Jadi kita bertahlil, baca Yasin dan sebagainya untuk Datin Seri Endon Mahmood dan saya nampak pendakwah-pendakwah yang mula merapatkan diri ini mungkin disebabkan oleh mereka nampak kepimpinan yang ada sekarang ini. Kalau dahulu kita bukan hendak membezakan tapi mungkin mereka tidak berani hendak menzahirkan diri tapi akhir-akhir ini saya tengok berduyun-duyun dia turun pendakwah-pendakwah ini. Jadi dia hendak bersama-sama jika sekiranya kerajaan memberi keizinan. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Ahmad bin Husin: Saya teruskan. Habis dengan dakwah saya hendak ucap terima kasih sebab jawapan daripada Kementerian Pelajaran semalam iaitu kriteria menawarkan biasiswa. Jadi apa yang disebut ialah 63% akademik. Biasiswa JPA hanya yang disebut semalam.

Seorang Ahli: 65%.

Tuan Ahmad bin Husin: 65% akademik yang selebihnya satu kurikulum, yang kedua berpersatuan, yang ketiga sosioekonomi keluarga, yang keempat temu duga. Saya rasa kriteria ini sudah memenuhi syarat-syarat yang dibuat pada masa-masa dahulu. Kalau kita harap CGPA 4 flat dan sebagainya, ia mungkin akan melahirkan Tuan Yang di-Pertua manusia robot. Di sini akan lahir insan-insan yang mempunyai IQ (*intelligent question*) yang tinggi dengan izin, EQ (*emotional question*) yang tinggi, SQ (*spiritual question*) dengan izin, dan VQ (*value question*) dengan izin. Jadi bolehlah kita lahirkan dan zahirkan manusia *towering* Malaysia.

Dalam satu karangan 'Islam and the World' oleh Abul-Hassan Ali Nadwi disebut Tuan Yang di-Pertua, "*akan lahirlah satu, pemerintah yang adil. Yang kedua, pentadbir yang amanah, yang ketiga, hakim yang adil, yang keempat, pemimpin yang beriman, kelima, pemerintah tentera yang handal, keenam, saintis yang takutkan Tuhan*". Insya-Allah. Saya hendak menyentuh tentang perkhidmatan awam sedikit sebab dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang dipertuan Agong yang terakhir, disebut tentang perkhidmatan awam.

Jadi, saya hendak baca balik apa yang saya baca Tuan Yang di-Pertua, yang lepas tentang dimensi strategi baru ke arah abad ke-21 anjuran INTAN, MAMPU dan CAPAM iaitu Komanwel, pada 1 September 1995 oleh bekas Perdana Menteri. Kakitangan perkhidmatan

awam perlu berkhidmat kepada rakyat dan negara sesuai dengan kedudukan mereka sebagai kakitangan kerajaan. Mereka hendaklah melaksanakan tanggungjawab pentadbiran secara berkesan bagi mencapai pertumbuhan dan perubahan pada struktur asas negara.

Kerajaan sudah menyemak semula serta mempermudah pelbagai prosedur dan fungsi perkhidmatan awam, untuk memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat dan negara. Perkhidmatan awam sebagai rakan dalam konsep persyarikatan Malaysia dengan izin *Malaysian Incorporated* harus menggunakan seluruh perkhidmatan untuk mencapai pertumbuhan dan perubahan dan perkhidmatan awam kini adalah hambar kepada rakyat dan bukan semata-mata perkhidmatan awam.

Perdana Menteri, bekas Perdana Menteri meninggalkan pesan yang terakhir ini bahawa kita adalah hamba, hamba kepada rakyat. Jadi perkataan ini harus masuk sedalam-dalamnya sampai ke dalam tulang-tulang itu. Apa yang dimaksudkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk kita betul-betul dapat menjadi pentadbir yang betul-betul profesional, betul-betul mempunyai moral yang tinggi, yang diharapkan oleh rakyat seluruhnya kepada kita semua. Jentera perundangan baik, jentera eksekutif baik.

Saya dengan rendah diri, merayu sungguh-sungguh turunlah sampai ke tahap ini kalau sebenarnya kita ingin membela rakyat. Kalau tidak, akan jadilah *little Napoleon* yang disebut oleh Perdana Menteri yang sekarang dalam akhbar baru-baru ini. Ada disebut usah tunjuk kuasa, Perdana Menteri tegur pegawai kerajaan berlagak seperti *little Napoleon*. Ada yang tahan fail, ada yang tahan keputusan. Kita tidak hendak ada *little Napoleon* dalam perkhidmatan awam. Ini jelas, kita tidak payah hurai dan saya berharap perkara ini menjadi perjuangan perkhidmatan awam pada alaf 21, *21st century* dengan izin. Dan kita jangan lupa, perkhidmatan awam di Malaysia adalah yang terbaik di Asia sebelah sini pada masa dahulu dan kita mempunyai tempat latihan yang terbaik iaitu Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Dan saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, latihan untuk kadet Tadbir dan Diplomatik yang mulanya dijalankan selama... kursus yang dijalankan selama setahun pada satu masa dahulu, sekarang dipendekkan kepada enam bulan. Saya cadangkan untuk kerajaan timbang semula untuk kita beri latihan secukupnya dalam masa satu tahun untuk mendapat Diploma Pengurusan Awam dan setelah berjaya mendapat Diploma Pengurusan Awam, digazetkan dalam warta kerajaan sebagai pegawai *division* satu. Dengan enam bulan, saya rasa agak pendek kerana setahun yang saya sendiri alami dahulu Tuan Yang di-Pertua, rasanya cukuplah. Tidak panjang sangat, tidak pendek sangat dan kita *cover* semua sekali program-program yang telah ditentukan oleh INTAN.

Sama ada penempatan kampung baik, selama sebulan, *outwork bound school* dengan izin, 25 hari. Tentera di Senai 2 minggu, naik gunung lagi, dan di *Court* Maktab Kuala Kubu baru 2 minggu. Semua undang-undang kita dapat habiskan semasa setahun di masa kita mengambil Diploma Pengurusan Awam termasuk *General Orders*, semua kita dapat buat semasa setahun.

Dan enam bulan untuk *specialization*, pengkhususan Tuan Yang di-Pertua, sama ada *foreign*, sama ada kewangan, sama tanah dan sebagainya. Cukup. Tapi kalau enam bulan sahaja, saya rasa yang keluar enam bulan ini saya takut *half bake* Tuan Yang di-Pertua.

Dan terbukti, saya bersama-sama dengan mereka dan kita tidak hendak *underrate* tetapi kerana itulah keputusan kerajaan, so saya merayu agar PTD, kursus kadet PTD dikembalikan pada kecemerlangannya, kegemilangannya pada tahun 80 iaitu setahun untuk memberi mereka masa, keselesaan semasa menghadiri, untuk menamatkan kursus PTD tersebut.

Yang kedua, ialah tentang, dalam akhbar pada 8 Januari tahun ini disebut maklumat basi laman *web* lapan kementerian. Saya minta kementerian-kementerian mengambil perhatian sama ada betul atau tidak *statement* dalam akhbar ini, saya rasa Utusan Malaysia.

Iaitu disebut Tuan Yang di-Pertua, antara kementerian dan agensi ialah Kementerian Pengangkutan, yang kedua Kementerian Luar Negeri, yang ketiga Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Jika ada kesilapan, saya mohon maaf dan jika benar, saya berharap maklumat ini dapat dipertingkatkan bagi menjaga integriti dan kewibawaan kementerian yang saudara-saudara bertugas.

Yang *last* sekali ialah saya hendak sentuh tentang satu kementerian. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Saya berharap, ini berlaku semasa saya belum ke Dewan iaitu dalam masa beberapa bulan yang lepas. Saya minta supaya menteri yang berkenaan dapat menjawab surat-surat orang kampung, khasnya daripada koperasi-koperasi Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang ditentukan oleh kerajaan iaitu dalam masa dua minggu. Dan ada satu kes, saya kena bawa kes ini kerana ada sebuah koperasi yang mendapat pinjaman sebanyak RM10 juta yang mana saya sendiri menjadi pengerusi kepada AmBank untuk memberi pinjaman kepada kakitangan kerajaan.

Dan AmBank telah memberi RM50 juta tetapi dalam fasa 10, 10, 10 sampai 50, 50 maksimum. Dan pihak koperasi telah mohon untuk membuka bukan sahaja di negeri, tetapi di negeri-negeri yang lain seperti koperasi di Melaka dapat. *Precedencenya* Melaka sudah dapat dah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh spesifik nama koperasi tadi? Untuk memudahkan pihak kementerian berkenaan untuk mengambil tindakan.

Tuan Ahmad bin Husin: Koperasi Bersatu Tenaga Melaka Berhad. Yang telah mendapat kelulusan menteri. Ini *conform*, saya harap dapat *check*. Dan yang ditolak ialah Koperasi Jama'iah (Orang-orang Melayu Perlis Berhad).

Tuan Yang di-Pertua: Yang, Yang Berhormat jadi pengerusi tadi?

Tuan Ahmad bin Husin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh jadi ke?

Tuan Ahmad bin Husin: Tidak ambil gaji Tuan Yang di-Pertua, gaji sudah enam tahun, satu sen pun tidak ambil. Elaun pun tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Pengerusi suka relalah ni?

Tuan Ahmad bin Husin: Ya, suka rela. Ini yang susahnyanya. Jadi saya mintalah, bagilah peluang kepada orang kampung ini, koperasi kecil-kecil ini. Jauh daripada ibu kota ini mendapat nikmat. Ini bukan soal hendak merampas koperasi-koperasi lain dan sebagainya. Tidak. Yang dapat AmBank pun ada empat koperasi dalam Malaysia. Bukan beratus-ratus koperasi, tidak. Hanya tiga empat sahaja. Dan presiden sudah lulus. Yang menteri tadi pula, menteri tadi Yang Berhormat, bukan sahaja dia tidak bagi, dia kata pula dalam ini, sedikit dia kata. Dia suruh kita menceburi bidang-bidang lain, juga yang lebih berpotensi, lebih-lebih lagi negeri Perlis merupakan pintu masuk sempadan Thailand. Menteri tidak boleh cakap macam itu. Ini soal jawapan menteri. mana boleh menteri, saya pun tidak mahu kata lah sebab kejap lagi kita jumpa dengan dia.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan sekejap. Boleh Yang Berhormat? Koperasi ini buat apa Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali di sini saya menerangkan perniagaan Ar-Rahnu yakni pajak gadai Islam. Yang kita dapat kelulusan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kita ada lesen, bermakna siapa yang malu-malu hendak pergi ke pajak gadai 'Gin Jat' itu, boleh mari ke kitalah. Orang kampung sebutlah, kalau kita hendak gadai itu malu, kita boleh gadai melalui koperasi. Jadi diam-diam, mari-mari bisik-bisik, kita inilah. Tapi *rule of law*, memang Kedaulatan Undang-undang. Ikut peraturan Tuan Yang di-Pertua. Pajak gadai Islam. Yang kedua, pinjaman antara seribu dan lima ribu. Yang daripada duit koperasi negeri. Kemudian, lima ribu sampai seratus ribu daripada AmBank. Itu sahaja. Kalau hendak harap rakyat negeri Perlis sahaja, berapa orang ada? Kita ada 220 ribu rakyat. Dan pegawai kerajaan pun ada berapa orang? PTD *Officer* pun tidak sampai, sikit sahaja, 'jangan sebut dalam Dewan'. Jadi siapa yang hendak pinjam, dan kita dapat RM10 milion baru habis satu juta.

Ini kalau sekiranya dibukakan, dan masalah pula yang koperasi lain boleh masuk dalam negeri? Tidak boleh. Macam-macam yang kita hendak keluar tidak boleh. Satu *standard*, saya harap sebab benda ini *precedence* Tuan Yang di-Pertua, minta tolong orang kampung, menteri yang berkenaan untuk memberi pertimbangan semula. Dan saya telah tulis surat pertimbangan semula. Sudah enam bulan tidak dijawab oleh menteri berkenaan. Saya tidak hendak *report* kat Perdana Menteri.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir : Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih, saya minat betul Yang Berhormat ini berucap. Minta maaf Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bercakap tentang koperasi itu. Saya memang simpati Yang Berhormat sebut Pengerusi koperasi. Tetapi perniagaan yang dijalankan oleh koperasi ini adalah pajak gadai. Tadi, Yang

Berhormat Menteri jawab mengatakan bahawa dia lebih minat. Saya tidak faham tadi apa yang daripada Thailand masuk ke Perlis, saya tidak tahu apa maksud Yang Berhormat Menteri itu.

Tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah kemungkinan barang Thailand ini dia banyak masuk ke Perlis sebab baru-baru ini saya baca dalam surat khabar sama betul atau tidak betul, saya minta Yang Berhormat ini iaitu petani-petani yang tanam mangga ini dia buang dalam sungai. Sebab apa begitu Yang Berhormat? Mereka buang buah-buah mangga semua ke dalam sungai, sebab apa itu Yang Berhormat, agak-agak?

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, *statement* itu Yang Berhormat, saya faham soalan itu, jelas. Yang Berhormat hendak beritahu bahawa barang-barang Thailand itu lebih baik daripada barang-barang di sebelah sini. Itu pun suatu *statement* yang betul jugalah dan kita ada wakil daripada kaum Thai.

Seorang Ahli: Siam.

Tuan Ahmad bin Husin: Siam iaitu Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun. Sebenarnya apa yang berlaku ialah harga yang dipertikaikan sahaja. Tentang mempelam sala Tuan Yang di-Pertua. Harga sepatutnya bagi mempelam sala ialah kadar 80 sen hingga RM1.20 tetapi mungkin pada masa itu *harvest* mempelam sala ini terlalu banyak menyebabkan FAMA pun tak dan hendak mungkin Pegawai FAMA pun di Perlis negeri kecil, mereka hantar dua atau tiga orang sahaja.

Sekarang ini sudah selesai, FAMA ambil alih secara membeli produk-produk ini atau buah-buah ini dan selamatlah mempelam harum manis dan sala dan mempelam sala pula dengan izin Tuan Yang di-Pertua kita jadikan halwa. Halwa yang terbaik di Malaysia jika dibandingkan dengan Thailand, berbanding dengan Filipina, Indonesia dan kita eksport ke luar negara dengan tanda halal. Dengan itu kata-kata itu saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Datuk Soon Tian Szu: [*Bangun*]

Datuk Rhina Bhar: [*Bangun*]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi : [*Bangun*]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga atau empat yang bangun. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat yang hendak beri ucapan sulung dahulu. Silakan Yang Berhormat Datuk Soon dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Datuk Rhina Bhar untuk bersedia, dan sebelum daripada itu Yang Berhormat Datuk Soon berapa masa.....

Datuk Soon Tian Szu: Saya akan cuba ringkaskan dalam 20 minit atau 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua : Baiklah.

12.32 tgh.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan mempunyai beraneka budaya. Maka itulah perpaduan di kalangan penduduk majmuk ini amat mustahak bagi menjamin kesejahteraan serta pembangunan negara. Dalam hubungan ini, semua pihak harus berganding bahu dan *committed* dengan izin. Panel Penasihat Perpaduan Negara di semua peringkat haruslah memainkan peranan serta menjana program-program yang dapat membantu dan menuju ke arah perpaduan nasional.

Tanpa perpaduan, segala hasrat kerajaan mungkin tidak akan tercapai. Usaha kerajaan mempromosikan industri pelancongan negara haruslah disokong oleh segenap lapisan rakyat. Pelancong luar negara akan berasa selesa dan selamat ketika berada di negara kita. Keadaan keselamatan dalam negara harus stabil demi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke negara kita.

Dalam hubungan ini peranan pihak polis, tentera, orang ramai adalah perlu. Pihak polis dan tentera yang selama ini telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang harus diberi pujian. Namun demikian masih terdapat segelintir anggota bersenjata yang harus mengubah sikap agar lebih mesra rakyat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, golongan muda hari ini adalah pemimpin hari esok. Negara menaruh harapan yang tinggi kepada golongan ini bagi mewarisi tanah air yang tercinta. Cuba bayangkan apa akan jadi kalau golongan muda ini tidak diasuh dan dicorak mengikut adat budaya kita. Jawapannya, kita akan ketandusan pemimpin hari esok. Maka itu Program Latihan Khidmat Negara harus diberi sokongan.

Pengisian Program Latihan Khidmat Negara haruslah padat dan dapat membentuk corak perilaku individu yang dikehendaki negara. Kejadian pergaduhan, rogol dan baru-baru ini seorang pelatih telah terbunuh harus dipandang serius. Langkah-langkah harus diambil bagi mengatasi kelemahan yang ada serta memberi keyakinan kepada orang ramai akan keselamatan anak-anak mereka ketika berada di kem latihan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam ucapan atau Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengatakan amat dukacita tentang masalah dadah di negara kita. Dadah adalah musuh negara yang utama. Angka penagihan dadah kian bertambah dari sehari ke sehari. Berbagai-bagai usaha telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi gejala yang tidak sihat ini.

Namun, ia tidak berjaya seperti mana yang dihasratkan. Kempen antidadah adalah najis dan sebagainya tidak meninggalkan kesan. Dari *clip* video yang dilihat seseorang penagih begitu rendah maruah dan langsung tidak bermoral. Agensi-agensi kerajaan, NGO dan pertubuhan-pertubuhan lain harus tampil ke hadapan berganding bahu bagi membanteras najis dadah ini dan seperti JKKK mungkin dapat memberi input ke arah pembasmian dadah. Sebab kita tahu JKKK ini merupakan pemimpin di akar umbi untuk sesuatu kawasan.

Mereka lebih memahami cita rasa penduduk di kawasan mereka khasnya golongan muda. Dengan pendekatan ini, pendedahan awal dapat disalurkan dan mudah diterima oleh penduduk setempat. Di samping itu, JKKK juga berfungsi sebagai mata dan telinga untuk pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pendidikan adalah modal insan yang tidak ternilai. Tetapi ilmu yang dicari, yang ditimba haruslah menepati kehendak semasa negara di samping penguasaan bahasa-bahasa komersial yang diperlukan. Dunia pendidikan adalah amat berbeza dengan dunia pekerjaan. Apa yang belajar semasa berada di universiti tidak semestinya relevan dengan apa yang dialami ketika bekerja.

Dengan itu, kita harus melahirkan atau membentuk golongan pelajar yang dapat mengadaptasikan apa yang dipelajari di universiti dengan keadaan kerja yang bakal dihadapi dan tidak mudah mengalah. Itu yang penting. Peluang belajar dibuka luas supaya negara dapat menghasilkan golongan yang cerdik dan pandai.

Kita berasa bangga dengan sistem perkhidmatan awam yang ada. Tadi Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin ada kata, kita boleh banggakan. Segala dasar kerajaan dilaksanakan oleh golongan ini. Tanpa mereka, sudah tentu negara kita tidak mencapai kejayaan hari ini. Penjawat awam haruslah sentiasa mengamalkan sikap mesra pelanggan, kempen budi bahasa, melayan pelanggan dengan baik. Jangan biarkan pelanggan menunggu terlalu lama. Berikan bantuan kepada golongan yang memerlukan dan jangan menunjukkan kelakuan yang kurang disenangi oleh pelanggan, jujur dan amanah. Dengan cara ini, prestasi perkhidmatan awam dapat dijulang dan diangkat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat, keselamatan mempertahankan negara adalah tanggungjawab kita bersama. Kita tidak tahu bila negara kita akan diancam. Kita harus sentiasa berwaspada ke atas sebarang kemungkinan yang seumpamanya ini. Walau pun negara mempunyai peralatan canggih seperti sistem amaran awal bagi bencana Tsunami. Kita mempunyai Rancangan Malaysia Kesembilan yang juga adalah suatu struktur pembangunan yang dirangka rapi untuk pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita jangan leka dengan pembangunan yang pesat. Kehidupan yang mewah sehingga kita lupa akan penting keseimbangan sistem ekologi. Cintailah alam sekitar supaya generasi akan datang terus hidup dalam suasana yang serba hijau mewarisi pusaka sebuah negara yang indah dan bukannya sebuah negara yang gondol.

Sungai-sungai yang dipenuhi sampah sarap atau sungai yang usang yang dipenuhi dengan bangkai-bangkai ikan, rakyat haruslah sentiasa menjaga kesihatan dan menghindari daripada jangkitan-jangkitan penyakit yang berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya pohon menyokong dan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar. Tadi saya juga nampak Datuk Hajah Sharipah Aminah ada berdiri dan selepas Dato' Rhina Bhar, saya minta Datuk Hajah Sharipah Aminah bersedia.

12.44 tgh

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk memberi saya peluang untuk membahaskan Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Tuanku semasa pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen yang kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah membangkitkan kadar jenayah di Malaysia sungguh pun pada keseluruhannya keadaan terkawal kerana hasil tindakan Polis Diraja Malaysia juga kempen "Saya anti rasuah" telah meningkatkan tahap kecekapan integriti dari profesionalisme mereka.

Saya dapati masih ada ruang untuk diperbaiki lagi keadaan di negara kita. Sebagai contoh respons pihak polis kepada laporan-laporan oleh rakyat jelata masih tidak disambut dengan begitu mesra dan ada kes-kes tertentu rakyat menghadapi kesulitan di dalam membuat laporan polis. Saya masih berpendapat bahawa satu suruhanjaya bebas untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap kes-kes polis masih diperlukan. Ini bukan sahaja akan meningkatkan keyakinan terhadap pihak polis tetapi juga akan memperkuatkan lagi tahap profesionalisme di kalangan polis.

Saya berharap kerajaan akan melaksanakan perwujudan suruhanjaya ini selepas segala aspek diberi perhatian. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia juga mengetahui perkhidmatan perkongsian dan perjumpaan luar iaitu *Shared Services* dan *Outsourcing* atau SSO yang mana negara kita menduduki tempat ketiga teratas selepas negara India dan negara China.

Adalah dijangka SSO ini akan menambahkan pekerjaan sehingga melebihi 100 ribu orang pekerja pada masa hadapan yang mendekati. Di *Austin Texas* baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan *outsourcing* Malaysia di *Austin Texas* yang mana beliau menghadiri WCIT 2006 iaitu 15 *World Congress On International Technology* dengan izin, saya berpendapat peluang di dalam SSO ini amat baik dan Malaysia harus mengambil segala tindakan terhadap pencapaian yang lebih cemerlang di sektor ini.

Tambahan pula Malaysia harus mengkaji semula segala insentif yang sekarang diberikan untuk syarikat-syarikat di *Multimedia Super Corridor* iaitu MSC insentif-insentif tertentu seperti dijamin di bawah MSC *bill of guarantees* itu tidak begitu menarik seperti yang diberikan oleh negara-negara lain seperti China dan India. Saya berharap MDC kita iaitu *Multimedia*

Development Corporation akan mengkaji perkara ini dan menasihatkan kerajaan kita dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga bangkitkan isu meningkatkan keutuhan dan kewibawaan diri atau integriti. Tuanku telah menyatakan Malaysia hasrat mewujudkan rakyat Malaysia yang bersih dan amanah yang adil dan beretika ramah mesra dan bersatu padu. Saya sangat-sangat menyokong pemerhatian dan harapan Tuanku itu dan berharap kerajaan akan berusaha dengan segala-segalanya supaya mewujudkan suasana di mana hasrat ini boleh dicapai kita inginkan satu negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Adalah yakin kalau kerajaan memberikan ruang dan galakan untuk mencapai hasrat ini, ini akan menjadi kenyataan. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga membangkitkan isu pendidikan, Tuanku mahukan guru yang berkualiti, komited dan sedia berkorban dengan adanya guru seperti ini tentulah mereka akan menghasilkan murid yang berkualiti dan rakyat berguna.

Saya berharap latihan perguruan akan dipertingkatkan supaya guru yang dimaksudkan oleh Tuanku itu dapat dilahirkan dengan peruntukan belanjawan yang begitu tinggi tiap-tiap tahun kepada pendidikan segala usaha mesti diambil untuk memastikan kita mencapai objektif dan sasaran kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertua Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ringkas dan jelas. Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan dan Menjunjung Kasih Titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Parlimen Kesebelas Penggal Ketiga. Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah menyentuh sistem penyampaian kerajaan, perkhidmatan awam kita adalah penggerak kepada sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan, janganlah pula jentera perkhidmatan ini menjadi penghalang dengan kewujudan berbagai peraturan yang boleh menjadi karenah birokrasi.

Perbuatan rasuah di semua peringkat perlu ditentang habis-habisan ketelusan dalam pentadbiran perlu terus dipertingkatkan. Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia masih merupakan salah satu destinasi yang menarik kepada pelabur-pelabur asing di rantau Asia. Ini dapat dibuktikan berdasarkan laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perdagangan dan pembangunan di Asia.

Sistem penyampaian sektor awam mestilah diperkukuh bagi menarik lebih banyak pelaburan asing dan dalam usaha menggalakkan kemasukan pelabur asing ini usaha mempertingkatkan sistem ini bagi menjadikannya lebih efisien dan efektif mestilah diutamakan. Secara tidak langsung negara akan memperoleh lebih pendapatan seterusnya memperkukuhkan ekonomi sedia ada.

Kajian bank dunia menunjukkan pelabur dari luar lebih senang melabur di negara-negara yang mempunyai kestabilan politik serta sistem penyampaian yang tidak ada karenah birokrasi. Malaysia juga perlu mencontohi negara-negara luar yang lebih efisien dan efektif dalam sistem penyampaian perkhidmatan khususnya aspek yang melibatkan prosedur perundangan serta proses permohonan.

Pada masa yang sama hubungan kemanusiaan dalam perkhidmatan penyampaian harus diamalkan oleh semua kakitangan kerajaan di semua peringkat pentadbiran kalau tidak ada gunanya mendabik dada kerana dengan peralatan paling canggih sedangkan hubungan kemanusiaan dengan pelanggan tidak dipraktikkan dan ditingkatkan PR kita mestilah bagus.

Apakah yang akan terjadi jika kita leka dan alpa tentang tujuan utama kita iaitu menjana pertumbuhan ekonomi untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat. Untuk mencapai matlamat ini semua kementerian malah seluruh jentera kerajaan perlu dipertingkatkan begitu juga dengan *interstate delivery system* dengan izin, kerajaan negeri mesti jadi tiang-tiang yang mendukung aspirasi negara. Kerajaan pusat telah menggubal pelannya maka kerajaan negeri adalah pelaksanaannya. Maka saya pohon suatu sistem pemantauan di setiap negeri diwujudkan agar dapat memantau pelaksanaan projek-projek kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga telah menyentuh aspek pendidikan. Dari segi pendidikan sejauh manakah berkesannya kita menyediakan, mendidik dan melatih anak-anak kita menghadapi cabaran pemodenan yang begitu pantas melanda negara. Persaingan dalam arus globalisasi akan menentukan di manakah tahap kemahiran kita. Taraf hidup dan pencipta kekayaan kita dengan itu saya mohon mencadang agar sistem pendidikan di perkasa dengan elemen ketahanan diri atau dengan izin, *survival skills* agar anak-anak kita dapat bersaing dan bertahan apabila berhadapan dengan era yang akan datang yang pastinya lebih mencabar.

Sejauh mana lagi kita boleh berkembang maju turut juga bergantung kepada inovasi dan cara kita menggunakan pengetahuan serta teknologi baru. Kita sepatutnya tahu menggunakan kekuatan dan kemampuan teknologi secara efektif selain menanamkan budaya inovasi dan persaingan ini ke seluruh pelosok negara dan bukan tertumpu sekitar Lembah Klang sahaja. Maka saya mohon mencadang agar kerajaan memberi fokus kepada pendidikan anak-anak kita di desa dan di kampung-kampung di pedalaman:-

- Jika guru tidak cukup kita tambah,
- Jika jalan tidak tiada kita bina,
- Jika jalan sempit kita lebarkan,
- Jika jambatan rosak kita perbaiki,

Pendidikan adalah untuk semua, tiada seseorang atau satu-satu kaum yang patut terkecuali. Pendidikan boleh dinikmati oleh semua jika kita mampu memperbaiki keseluruhan sistem pengangkutan sama ada di luar bandar, antara bandar atau ataupun dalam bandar. Saya pasti kita merasa malu dengan laporan demi laporan akhbar yang menceritakan kesusahan

anak-anak desa untuk ke sekolah kerana tidak ada infrastruktur dan kemudahan. Ada yang terpaksa bersampan, mendaki bukit dan sebagainya. Ada pulak yang masih lagi yang buta huruf.

Jadi, saya rasa cita-cita kita untuk menjadi negara maju masih jauh selagi sistem pendidikan dan kemudahan asas untuk mendapatkan pendidikan ini tidak diperbaiki. Pada Kementerian Pelajaran dan juga kementerian yang berwajib saya cadangkan agar hanya guru-guru yang berminat untuk mendidik anak bangsa sahaja diambil berkursus dalam kerjaya perguruan. Maktab perguruan janganlah dijadikan *dumping ground* dengan izin, bagi mereka yang tidak mendapat tempat di IPTA dan IPTS kerana apabila mereka ini terpaksa menjadi guru maka hasilnya menjadi ala kadar sahaja.

Saya mohon mencadang agar maktab perguruan membuat saringan semasa pemilihan guru melalui suatu program atau peperiksaan sahsiah guru sebelum pengambilan dibuat. Pada guru-guru pula jika terpaksa mengajar anak-anak di luar bandar atau kawasan pedalaman janganlah merungut ataupun mencari alasan untuk ditukarkan anggaphlah itu suatu sumbangan anda kepada anak-anak bangsa dan juga negara seperti mana anda mendapat pendidikan suatu ketika dahulu, anak-anak ini juga berhak mendapat pendidikan yang sempurna. Dalam hal ini tidak keterlaluan sekiranya saya menyebut ungkapan bekas Presiden Amerika Syarikat John Kenedy berbunyi - *Ask not what your country can do for you but ask what you can do for your country*. Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat bahawa maktab-maktab perguruan merupakan tempat pembuangan golongan yang dikatakan tidak dapat tempat di pusat-pusat lain. Saya rasa pandangan macam tu kurang adil pada maktab-maktab perguruan. Ada juga golongan guru yang betul-betul dedikasi. Saya kira yang pentingnya Kementerian Pelajaran meningkatkan mutu guru tapi nak katakan maktab perguruan merupakan satu tempat untuk kumpulan yang kurang berdaya ni, saya tidak dapat bersetujulah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat juga bekas guru ke? Bekas guru.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, saya bukan kata semua. Tapi, kebanyakannya bila tidak mendapat tempat di IPTA, IPTS bukan dibuang. Ini adalah permohonan yang dibuat oleh peserta tu sendiri, cuma perlu diadakan saingan supaya kita tahu minat peserta-peserta terdiri daripada kerjaya perguruan ini kita dapat tentukan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa dah cukup Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 ptg]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 ptg]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed sila sambung ucapan.

2.30 ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek pendidikan yang disentuh oleh Baginda ialah pendidikan kepada OKU. Saya juga pohon agar pendidikan anak-anak kurang upaya tidak dilupakan, sekolah mereka ada tetapi begitu daif sekali. Pada akhir April 2006 akhbar-akhbar tempatan dan media elektronik telah melaporkan bahawa bumbung sekolah kanak-kanak pekak di Kelana Jaya telah runtuh dan hampir meragut nyawa pelajar. Saya juga difahamkan kementerian dengan pantas bertindak turun padang dalam hal ini, syabas saya ucapkan, namun saya mencadangkan agar kerajaan berikanlah anak-anak kurang upaya ini sekolah yang sempurna dan tenaga pengajar yang mahir, sahutlah pesanan isteri Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor baru-baru ini telah mengatakan bahawa anak-anak sama ada yang berupaya ataupun kurang upaya adalah sebahagian daripada modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, negara maju tidak meminggirkan OKU, maka dalam kita ingin mencapai Wawasan 2020, OKU mesti turut bersama-sama kita, saya juga pohon mencadangkan agar hal ehwal OKU ditadbir oleh satu kementerian berasingan agar tumpuan khusus dan kebajikan mereka dapat diberi fokus dan pembelaan yang terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga telah menyentuh tentang pembasmian kemiskinan bandar. Negara sedang menghadapi kemunculan kemiskinan bentuk baru di bandar. Telah wujud petunjuk bahawa kadar kemiskinan di bandar semakin meningkat, walaupun kadar kemiskinan di luar menunjukkan penurunan. Ketidaksamarataan ini semakin meningkat dan ketara kebelakangan ini. Oleh yang demikian, kita perlu waspada dengan perubahan ini, meminda dasar kita untuk disesuaikan dengan keadaan. Dasar-dasar kerajaan sebelum ini telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar.

Sehubungan dengan itu, pendekatan baru perlu dicari dalam merancang strategi dan program membasmi kemiskinan di bandar-bandar pula. Kehidupan penduduk bandar lebih bergantung kepada peluang mereka untuk mendapat pekerjaan sedangkan keupayaan sektor tidak formal bandar untuk menyerap mereka-mereka ini adalah terhad. Penduduk miskin bandar juga lebih terdedah kepada perubahan-perubahan dalam keadaan pasaran. Dan statistik menunjukkan wanita miskin yang menjadi ketua isi rumah di bandar merupakan golongan yang

paling cepat menerima kesan dan perubahan ini. Statistik menunjukkan bahawa Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang mencatat kadar kemiskinan bandar tertinggi. Saya pohon mencadangkan agar aktiviti-aktiviti yang dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan golongan miskin di sektor tidak formal ini dirancarkan.

Kajian di beberapa bandar terpilih, menunjukkan perniagaan adalah aktiviti tidak formal yang popular di kalangan golongan miskin bandar. Pendapatan yang diterima daripada aktiviti ini, walaupun tidak lumayan tetapi sekurang-kurangnya memberi peluang kepada mereka untuk meneruskan perjuangan hidup di bandar yang begitu mencabar. Punca-punca kemiskinan di bandar antaranya adalah seperti berikut:

- (i) **Peningkatan penduduk di kawasan bandar menerusi proses penghijrahan dari luar bandar.** Trend kemiskinan penduduk di bandar lebih parah berikutan penghijrahan penduduk luar bandar terutama golongan muda tanpa persediaan rapi, sekali gus mengakibatkan masalah sosial dan jenayah seperti pelacuran, samun, ragut yang kian berleluasa. Keadaan ini disebabkan segala keperluan di bandar memerlukan wang untuk hidup berbeza dengan manifestasi di luar bandar.
- (ii) **Status taraf penduduk tetap PR.** Masalah kemiskinan bandar dijangka menjadi semakin meruncing jika tindakan tidak diambil terhadap penduduk yang memiliki status taraf penduduk tetap. Dalam kajian yang dibuat oleh Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Dato' Dr. Razali Agus mendapati kehadiran kumpulan ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada pelbagai masalah terutamanya kemiskinan bandar. Katanya, masalah ini semakin serius kerana bilangan kumpulan tersebut semakin bertambah dari sehari ke sehari. Bukti nyata sekarang ialah kebanyakan kawasan kediaman, sesak dan kurang kemudahan asas, dipenuhi oleh kumpulan-kumpulan ini.
- (iii) **Pengangguran siswazah.** Laporan menyatakan kini terdapat lebih daripada 50 ribu siswazah menganggur. Kalau dahulu kita mempersoalkan tentang jumlah siswazah yang sedikit tetapi kini isunya lebih tertumpu kepada kualiti siswazah yang dihasilkan. Pertambahan jumlah universiti dan kolej-kolej swasta tempatan diharap dapat meningkatkan kemampuan sistem pendidikan kita untuk melahirkan lebih ramai lulusan universiti yang berkualiti.

Masalah timbul apabila kadar lepasan universiti adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap kemampuan ekonomi untuk menyerap graduan-graduan ini dalam bentuk penyediaan peluang pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan mereka. Boleh disimpulkan bahawa masalah pengangguran pada kadar agak tinggi ini lebih bersifat struktur di mana pengangguran berpunca daripada perpindahan pekerjaan atau melompat kerja yang mengakibatkan pengangguran sementara daripada pencarian pekerjaan selepas tamat

pengajian yang turut mengakibatkan pengangguran sementara. Dengan perkataan lain, kita berada pada tahap guna tenaga penuh, walaupun pengangguran ini disifatkan sebagai sementara.

Namun, tempoh yang dikatakan sementara itu, wajar dapat dipendekkan. Ini bergantung kepada keupayaan ekonomi untuk terus berkembang. Kepantasan sistem pengambilan pekerja, peningkatan mobiliti buruh dan kesanggupan mereka yang menganggur untuk tidak terlalu memilih pekerjaan. Turut menjadi kebimbangan, apabila para siswazah menganggur terus tertumpu di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang untuk mencari peluang perniagaan. Di andaikan mereka memilih kerja dan tidak sanggup mengambil pekerjaan yang rendah berbanding dengan kelulusan mereka, saya rasa keadaan ini akan terus lebih meruncing dan akan meningkatkan lagi masalah kemiskinan bandar.

Justeru itu saya menyokong usaha kerajaan mengujudkan peluang pekerjaan di luar bandar seperti program Siswazah Tani. Program ini sewajarnya diberikan perhatian yang lebih serius. Agensi kerajaan seperti Pertubuhan Peladang Kawasan dilihat mampu membimbing siswazah-siswazah ini untuk menjadi usaha yang berjaya. Cadangan untuk mengurangkan kadar cukai bagi syarikat-syarikat yang mengambil siswazah menganggur yang berdaftar dengan Unit Perancangan Ekonomi atau Kementerian Sumber Manusia juga wajar dipertimbangkan agar sumber manusia yang tidak ternilai ini terus mendapat peluang untuk berbakti kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Rancangan Malaysia Kelapan yang merekodkan kadar kemiskinan di bandar pada 3.8%. Pada realitinya, trend kemiskinan bandar diibaratkan nombor bergerak, seiring dengan kemajuan negara. Kalau kita lihat di luar bandar ibu bapa masih boleh mengumpul wang hasil dari titik peluh sendiri untuk menunaikan haji di Mekah tetapi tidak pula halnya di bandar. Di bandar, segala-galanya memerlukan wang dan trend kemiskinan ini diburukkan lagi dengan penghijrahan penduduk tanpa persediaan rapi yang semata-mata terpengaruh dengan kehidupan di bandar.

Dalam aspek ini, kaum wanita khususnya, remaja yang berhijrah dari luar bandar untuk mengecap kesenangan dalam tempoh singkat dengan membabitkan diri dalam kegiatan yang bercanggah dengan naluri agama Islam kita. Saya dimaklumkan, banyak yang melibatkan diri dalam pelacuran dan GRO dan lain-lain. Saya tidak mahu menuduh sesiapa tetapi saya ingin mengajak kita semua merenung. Pembinaan kondominium-kondominium mewah yang ada kalanya didiami oleh beberapa anak gadis, sungguhpun kadar sewanya tinggi menjangkau RM1,500 ke RM2,000 sebulan. Dari mana datangnya wang untuk membayar sewa, kalau dia baru pertama kali ke bandar. Berdasarkan kepada tinjauan dan kajian, ada kalangan mereka ini

boleh memperoleh sekitar RM200 hingga RM800 pada satu perkhidmatan. Kalaulah begitu, jumlah tersebut sudah lebih mencukupi untuk membayar sewa, membeli pakaian yang canggih dan tinggal di kondominium-kondominium mewah.

Trend kemiskinan di bandar sebenarnya memberi kesan amat buruk kepada anak-anak muda yang tidak mempunyai kelulusan akademik dan kemahiran. Keadaan lebih buruk lagi apabila persaingan hidup dan keupayaan memperoleh pendapatan lumayan dirampas oleh warga negara asing khususnya dari Indonesia dan Bangladesh. Saya lihat banyak kerja-kerja mudah, umpamanya membaiki alat elektronik dan membuat kerja binaan, diisi oleh pekerja-pekerja ini iaitu Indonesia dan Bangladesh. Namun saya memuji usaha membasmi kemiskinan bandar, yang akan dijalankan oleh kerajaan dengan matlamat mengurangkan separuh daripada kadar kemiskinan kepada 2.8% pada tahun 2010. Saya difahamkan bahawa usaha ini berpandukan kepada Pelan Tindakan Strategik Kemiskinan Bandar. Semua program dan projek di bawah program Pembangunan Bersepadu Masyarakat Bandar akan disatukan di bawah program Pembasmian Kemiskinan Bandar yang meliputi penyediaan perumahan, penjaan pendapatan, pendidikan dan latihan serta menubuhkan Pusat Sejahtera sebagai sumber maklumat bagi golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pembangunan Malaysia, banyak bentuk pembangunan yang telah kita lalui dan kemajuan yang telah kita kecapai. Namun, banyak lagi yang boleh kita perbaiki dan mempertingkatkan, seperti yang saya telah bahaskan tadi. Akhir kata, bukan sedikit cabaran yang dipikul oleh negara dalam tempoh mendatang ini. Namun saya pohon, agar kita semua berganding bahu ke arah usaha merealisasikan aspirasi negara dan memperkemaskan lagi agendanya. Dengan itu, saya pohon menyokong titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Parlimen Kesebelas tempoh hari. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Munusamy.

2.45 ptg.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seri Paduka Baginda telah menekankan perpaduan dalam titah ucapan beliau di muka surat 10. Dalam konteks ini negara kita yang dikasih telah jauh maju ke hadapan dalam pelbagai bidang. Namun demikian untuk memantapkan lagi pembangunan yang dicapai selama ini, kita perlu mewujudkan rakyat Malaysia yang bersih dan amanah, yang adil dan beretika, ramah mesra dan bersatu-padu. Unsur-unsur ini adalah penting untuk meningkatkan jati diri, ketahanan dan perwatakan rakyat Malaysia agar membantu mencapai matlamat mewujudkan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Perpaduan negara adalah tanggungjawab bersama. Justeru itu, semua pihak hendaklah memainkan peranan bagi memastikan agar perpaduan negara kekal selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), kerajaan telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti ke arah memelihara dan memperkukuhkan semangat perpaduan negara melalui strategi jangka pendek dan panjang. Strategi jangka pendek adalah melalui pelaksanaan aktiviti, penggalakan integrasi dan promosi perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang keturunannya. Strategi jangka pendek ini dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri tetapi kawasan-kawasan pedalaman seperti taman-taman tidak melaksanakan program ini. Oleh itu saya mencadangkan supaya aktiviti-aktiviti jangka pendek ini dijalankan di semua kawasan terutama di kawasan-kawasan taman.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang berterusan akan membolehkan rakyat untuk berinteraksi dan menjalin perhubungan di antara mereka di samping mewujudkan suasana persefahaman yang mesra dan harmoni. Sementara itu, strategi jangka panjang pula dilaksanakan melalui dasar-dasar dan program-program kerajaan yang menjurus ke arah perpaduan nasional seperti Dasar Pembangunan Negara, Dasar Pendidikan Negara, Dasar Belia Negara, Dasar Sosial Negara dan Program Latihan Khidmat Negara dan sebagainya, termasuklah program-program sukan, kebudayaan, perayaan-perayaan seperti majlis-majlis rumah terbuka Malaysia sempena menyambut hari-hari perayaan umum bagi kumpulan-kumpulan etnik di negara kita.

Akhirnya apabila perpaduan dapat dijadikan sebagai satu budaya masyarakat kita akan mencapai perpaduan dalam erti sebenar mewujudkan bangsa Malaysia yang kita telah tentukan sebagai matlamat ulung negara. Dalam kedudukan politik secara relatifnya, kuat dan stabil, kerajaan telah merancang dan melaksanakan pelan tindakan mengukuhkan hubungan antara etnik ke arah mewujudkan perpaduan. Tetapi kerajaan perlu mengkaji sejauh mana strategi-strategi ini mendapatkan hasil kepada negara dan rakyat. Hingga kini, usaha dan tindakan yang dijalankan oleh pihak kerajaan telah sedikit sebanyak berupaya mengurangkan jurang tersebut. Walau bagaimanapun matlamat yang didasarkan menjelang tahun 2020 masih lebih jauh. Justeru itu komitmen semua pihak yang tidak berbelah bagi boleh mempercepatkan pencapaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, generasi belia merupakan sumber terbesar dalam negeri berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan. Tenaga belia akan menentukan hala tuju ke arah mencapai Wawasan 2020. Dengan ini pembangunan belia perlu diberi tumpuan khusus ke arah menjayakan wawasan pembangunan tanah air. Golongan belia yang mapan dan akademik kemahiran sahsiah dan jati diri adalah amat perlu untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan mengukuhkan ekonomi serta masa depan negara.

Semua pihak mempunyai harapan yang tinggi terhadap belia agar peranan sebagai penggerak utama dalam memastikan kesinambungan tamadun. Walau bagaimanapun gambaran yang diperolehi mengenai belia masa kini amat tidak menggalakkan. Situasi gawat ini

memberi cabaran yang hebat kepada sebarang usaha untuk membentuk golongan muda. Usaha untuk membina belia bukanlah satu perkara yang mudah, memerlukan iltizam yang tinggi dan semua pihak terutamanya terdapat daripada para pemimpin belia dan organisasi belia. Tanpa perpaduan yang utuh antara kaum dalam negara kita, segala bentuk perancangan pembangunan adalah sia-sia sahaja.

Antara langkah positif yang diambil oleh kerajaan ialah pengenalan Program Latihan Khidmat Negara. Program ini dilaksanakan pada 16 Februari 2004. Idea untuk mengadakan ke arah tenaga dicetuskan di dalam Kongres Patriotisme Negara pada 24 Oktober 2002 yang dihadiri oleh pelbagai golongan masyarakat termasuk orang individu, tokoh pesara, ahli korporat, ahli akademik, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, badan berkanun, ketua-ketua jabatan kerajaan, pegawai kanan kerajaan, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dari kerajaan dan juga pembangkang.

Peserta kongres mahu kerajaan melaksanakan program ke arah tenaga ini untuk menyediakan golongan muda bagi mencapai cabaran dari dalam dan luar, menangani perubahan-perubahan seperti teknologi baru, globalisasi, desakan badan bukan kerajaan antara yang tidak demokratik. Para pelatih Program Latihan Khidmat Negara bersifat modul-modul yang disediakan dapat mengeratkan hubungan di antara kaum seterusnya membentuk disiplin jati diri dan cintakan negara.

Secara umum, para pelatih berpendapat pengalaman semasa mengikuti latihan menyedarkan mereka bahawa setiap remaja mempunyai tugas yang amat besar kepada diri, keluarga dan negara. Mereka sedar bahawa hubungan antara kaum amat penting bagi menjamin kesejahteraan negara. Tidak dapat dinafikan program PLKN dapat membentuk semangat kenegaraan yang kuat dan seterusnya mengikis sifat perkauman dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, terdapat kira-kira 400,000 remaja berumur 14 tahun tidak terpilih menyertai program ini dan menuntut peluang yang sama diberikan kepada mereka. Kerajaan haruslah berusaha mengatasi masalah ini. Masalah mengenai nasib hampir 400,000 belia yang layak tetapi tidak diterima dalam program kemudahan dan jumlah kem yang ada sekarang hanya mampu menampung sekitar 80,000 peserta sahaja dan kerajaan sedang meningkatkan pelbagai kemudahan.

Gerakan ke arah mengukuhkan hubungan antara wilayah telah menjadi agenda utama kerajaan. Tindakan ini bersesuaian dengan matlamat perkasakan integrasi nasional selaras dengan cabaran globalisasi. Oleh itu, jalinan kerjasama dan hubungan erat antara pelbagai hubungan etnik di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia perlu dimantapkan lagi. Langkah mempermudah perjalanan dan kemasukan pelbagai hala antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak melalui MyKad adalah bertepatan dengan masanya.

Selain itu promosi media yang semakin meluas mengenai kehidupan kumpulan etnik di Sabah dan Sarawak serta masyarakat di Semenanjung telah mengukuhkan lagi persefahaman.

Iltizam yang berterusan oleh pihak kerajaan di samping sokongan pihak masyarakat merupakan gandingan perkongsian bijak merupakan formula utama mewujudkan masyarakat Malaysia bersatu dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah iltizam masyarakat yang berteraskan Rukun Negara dan semangat perlembagaan mampu membentuk masyarakat yang utuh moralnya, kental kerohaniannya, mantap emosi dan mentalnya dan gagah fizikalnya. Masyarakat yang memiliki sifat-sifat sedemikian akan mampu mewujudkan hubungan harmoni antara satu sama lain dan ikatan perpaduan. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya asas-asas fizikalnya tidak dilengkapi terlebih dahulu. Antara aspek-aspek fizikal yang mendasari pembinaan hubungan antara etnik ialah memperbetulkan kedudukan sosial ekonomi masyarakat agar ia menjadi lebih seimbang. Masyarakat yang seimbang akan mempermudah jalinan kerjasama.

Melalui pendidikan pihak kerajaan perlu menerapkan pembelajaran kontrak sosial dan kurikulum di semua peringkat pengajian. Disebabkan kurang penekanan aspek-aspek kontrak sosial dalam kokurikulum pelajaran sekarang, maka persefahaman yang wujud sekarang adalah tidak mendalam. Aspek kontrak sosial yang perlu ditekan ialah dari segi kesejahteraan, khususnya persetujuan yang telah dicapai semasa tuntutan kemerdekaan sebagaimana semangat yang termaktub dalam perlembagaan sekarang.

Media juga perlu bertindak memaparkan program yang dapat memupuk perpaduan etnik. Pihak media perlu mendedahkan kepada semua masyarakat akan kepentingan menjaga sensitiviti setiap etnik supaya keharmonian hubungan etnik dapat dikekalkan secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada sebut mengenai kontrak sosial tadi. Jika dibandingkan Malaysia dengan Yugoslavia dulu dan Iraq dengan Tunisia Kurdish hari ini di mana yang agak berlainannya dalam soal kontrak sosial.

Tuan M. Munusamy: Dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua, kita berbilang kaum, berbilang agama dan juga berbilang bahasa. Oleh itu kontrak sosial di negara kita bukan senang tetapi boleh dilaksanakan sekiranya kita dapat persefahaman, bukan seperti negara-negara Barat.

Tuan Yang di-Pertua: Tapi di Yugoslavia, di bawah Tito juga terdapat Yugoslavia, kemudian bangsa Serb dan Croat dan lain-lain sehingga relai negara itu, bagaimana? Dan di Iraq sama-sama Arab, dan kita lihat keadaan hari ini bagaimana pula?

Tuan M. Munusamy: Saya percaya sejarah penduduk Malaysia yang begitu rapat dan bersefahaman dengan zaman politik antara pemimpin-pemimpin kita tidak akan pergi kepada situasi seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sahaja saya hendak hidupkan perbahasan ini, Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pihak-pihak yang bertanggungjawab secara langsung mengenai isu ini khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi setiap negeri perlu diperkasakan lagi dengan mewujudkan Bahagian

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Bahagian ini boleh berfungsi untuk memantau dan menilai keberkesanan program-program perhubungan etnik yang dianjurkan oleh kerajaan dan pihak masyarakat.

Satunya ialah Institut Sosial Negara dan sebahagian tanggungjawab itu juga melihat kepada perihal pembangunan sosial termasuklah kajian ke atas hubungan kaum. Pada yang sama, pihak Kabinet juga pada Disember tahun lalu telah pun bersetuju menubuhkan satu institut yang kita sebutkan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIM) di bawah penyeliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Institut ini sedang dalam proses membentuk dan pengisian di antara bidang penyelidikan ialah juga penyelidikan dari segi perkara perhubungan kaum juga akan dilaksanakan bersama dengan universiti-universiti tempatan serta juga para penyelidik di peringkat swasta antarabangsa. Perhatian itu akan terus dikaji dari segi catatan dan tindakan seterusnya. Saya harap ini akan dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada suatu perkara yang lain iaitu berhubung dengan pendidikan. Dalam negara kita ini terdapat pelbagai sekolah, ada sekolah jenis kebangsaan, ada sekolah kebangsaan, ada sekolah yang bantuan penuh modal, ada sekolah yang dapat bantuan penuh dan sebagainya. Berkenaan dengan sekolah bantuan modal, pemberian bantuan modal merupakan sumbangan dari Kementerian Pelajaran Malaysia kepada sekolah bantuan kerajaan meliputi Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Pemberian bantuan modal berjumlah RM250 ribu maksimum bagi dua tahun sekali. Bantuan ini adalah untuk keperluan mengadakan bangunan, mengubah dan menambah premis yang sedia ada dan mengadakan perabot dan kelengkapan bagi premis yang baru diubah atau ditambah. Bantuan modal yang di peruntukan oleh Kementerian Pelajaran untuk membantu sekolah bantuan modal kebiasaannya tidak mencukupi untuk membaik pulih, menaik taraf bangunan, membina bangunan tambahan, menambah kelengkapan sekolah dan menggantikan bangunan usang.

Peruntukan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan sekolah bantuan modal. Malah terdapat sekolah bantuan modal menghadapi masalah kewangan untuk pembinaan infrastruktur dan yang selamat diguna. Keadaan sekolah daif, dinding retak, lantai pecah dan mendap serta siling bumbung terkopak amat menyedihkan. Walaupun keadaan keselamatan sekolah juga menjadi persoalan, bangunan sekolah yang usang terpaksa digunakan.

Keadaan ini memaksa pihak sekolah berusaha untuk mendapatkan peruntukan kewangan dari sumber-sumber lain seperti dari sumbangan PIBG, menerusi kegiatan sekolah, derma orang ramai, lembaga pengurus pengelola sekolah dan sebagainya. Ini merupakan satu rahmat jika ada pihak lain seperti individu, pemimpin masyarakat, bekas pelajar serta sektor

swasta yang tampil menghulurkan sumbangan. Pentadbir sekolah bantuan modal terpaksa bekerja keras untuk memikirkan cara terbaik untuk mendapatkan peruntukan bagi membiayai keperluan di sekolah ini dan memerlukan pengorbanan serta komitmen yang tinggi jika ingin melihat kejayaan sekolah.

Oleh itu, saya bercadang supaya sekolah-sekolah bantuan modal ini diperuntukkan amaun yang munasabah supaya sekolah-sekolah ini boleh dapat diperbaiki. Lebih elok sekiranya sekolah-sekolah ini dinaikkan status sebagai sekolah bantuan penuh. Pagi tadi kita telah dengar daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran bahawa ini tidak boleh, mengikut Akta Pendidikan 1996. Saya bercadang supaya Akta ini dapat dipinda supaya untuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan juga boleh menerima bantuan-bantuan seperti sekolah-sekolah lain.

Satu isu berkenaan dengan pelajaran adalah disiplin pelajar. Tuan Yang di-Pertua, masalah keganasan dan masalah salah laku pelajar sering dikemukakan di media massa. Sekiranya kita melihat senario sekarang boleh dikatakan setiap hari ada sahaja masalah berhubung disiplin pelajar sekolah terpapar di akhbar atau disiarkan di televisyen. Gejala buli, gengsterisme dan masalah disiplin di sekolah sudah menjadi perkara serius yang perlu ditangani secara bersepadu, konsisten dan penuh komitmen oleh pelbagai pihak daripada banyak sudut. Ada juga kita dengar di mana pelajar-pelajar pula menghentam guru.

Semalam dalam *New Straits Times*, saya telah baca satu cerita berhubung dengan pelajar-pelajar perempuan telah menyepak seorang guru lelaki. Oleh itu, perkara disiplin di sekolah-sekolah ini telah menjadi satu perkara yang sensitif pada masa sekarang. Walaupun pihak Kementerian Pelajaran mengakui pelajar-pelajar yang terlibat dalam salah laku adalah kecil dan terdapat penurunan dalam kes-kes disiplin murid di sekolah-sekolah, namun pada realiti masalah disiplin adalah isu serius. Isu disiplin dan keselamatan murid sebenarnya kompleks sehinggakan Kementerian Pelajaran secara persendirian tidak mampu menanganinya.

Langkah proaktif dan drastik telah diambil termasuk mengemukakan memorandum kepada Kabinet untuk menangani gejala disiplin sosial. Memorandum ini telah diterima oleh jemaah Menteri dan meluluskan 6.1 juta bagi melaksanakan program tambahan yang telah dirancang di bawah jawatankuasa induk menangani gejala disiplin yang diwujudkan sejak tahun 2004. Kabinet menyokong usaha Kementerian Pelajaran untuk menubuhkan empat jawatankuasa bertindak bagi menangani gejala disiplin dan salah laku di kalangan pelajar-pelajar.

Memang wajar pencegahan perlu dibuat lebih awal di sekolah supaya masalah tidak menjadi lebih buruk dan berleluasa. Sekiranya kes disiplin pelajar tidak diatasi di peringkat awal, pasti ia akan semakin membara dan parah apabila mereka keluar dari sekolah. Kita tidak mahu nilai-nilai negatif terus kekal sebatik dalam diri pelajar dan masalah disiplin seolah-olah menjadi perkara biasa dalam kehidupan mereka.

Pemasangan kamera litar tertutup CCTV di sekolah mampu menangani pelbagai masalah termasuk kes buli dan gengsterisme tetapi tidak semua sekolah mampu mengadakan CCTV. Jumlah peruntukan sebanyak RM6.1 juta adalah satu jumlah yang besar dan sepatutnya boleh digunakan untuk tujuan lain sekiranya pelajar-pelajar berdisiplin. Mata pelajaran Pendidikan Moral yang diajarkan di sekolah sekarang didapati tidak berkesan kerana pelajar tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni yang hendak disampaikan. Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang telah dilaksanakan di seluruh sekolah rendah dan menengah mulai 2003, menekankan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat mata pelajaran ini adalah untuk membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Walaupun terdapat kelas pendidikan moral di sekolah ...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat beri laluan?

Tuan M. Munusamy: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat sedang berhujah mengenai disiplin di sekolah-sekolah. Dua perkara yang saya hendak timbulkan dan minta perhatian Yang Berhormat.

- (i) adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerenah-kerenah disiplin ini dilaporkan dalam surat khabar dari semasa ke semasa dan ini menjadi semacam rangsangan kepada pelajar-pelajar yang tidak berdisiplin di sekolah-sekolah untuk buat apa yang dibuat oleh rakan sebayanya di tempat yang lain;
- (ii) adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa keadaan ini timbul kerana guru-guru kita sekarang lebih banyak mengajar daripada mendidik.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Dalam perkara pertama, bahawa surat khabar memaparkan perkara-perkara disiplin – ini juga akan menjadi sebagai satu galakan kepada penuntut-penuntut lain ataupun pelajar-pelajar lain. Saya tidak bersetuju kerana sekiranya perkara-perkara seperti ini tidak dikeluarkan, kita tidak tahu langsung apakah yang telah terjadi. Dan, masyarakat umum akan anggap bahawa semua di dalam sekolah ini adalah baik.

Berhubung dengan perkara yang kedua, saya setuju. Boleh! Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan. Walaupun terdapat kelas Pendidikan Moral di sekolah, sekolah ini tidak memberi pendidikan dan tunjuk ajar yang mencukupi dalam ajaran agama dan moral. Pelajar perlu diajar untuk menghormati antara satu sama lain. semua agama sangat mementingkan kesedaran sivik kehidupan masyarakat dan keharmonian. Kementerian Pelajaran

mengakui kelemahan sesetengah guru Pendidikan Moral di sekolah-sekolah turut menyebabkan para pelajar gagal menghadapi nilai-nilai murni seperti yang ditekankan di dalam sukatan subjek itu. Ini sama dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Terdapat sebilangan besar pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut sebaliknya merasa bosan dengan sukatan subjek itu. Keadaan itu menyebabkan penghayatan nilai-nilai murni termasuk pengetahuan budaya, hak asasi manusia di kalangan pelajar-pelajar sekolah adalah rendah.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu kongsi gelap atau gengsterisme selalu berkaitan dengan kaum keturunan Cina tetapi sekarang, pada masa kini di Brickfields, di kawasan Bukit Bintang, kita nampak gengsterisme telah diperoleh oleh kaum India. Jadi, saya hendak tanya, apakah langkah yang sewajarnya boleh diambil oleh pemimpin-pemimpin masyarakat orang India untuk menyelesaikan masalah ini kerana di Bukit Bintang, selalu saya lihat budak-budak kaum India berlegar di kawasan pelancongan. Jadi, ini menjadi satu isu dan saya telah mendapat banyak *complain* daripada NGO tentang isu ini. Saya harap Yang Berhormat Senator boleh beri pandangan tentang kes ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat memaksa budaya kongsi gelap – Sila duduk Yang Berhormat! – Budaya kongsi gelap wujud di bumi Tanah Melayu dahulu, kini Malaysia, di kalangan kaum keturunan Cina kerana mereka mewarisi budaya kongsi gelap yang memang ada dalam peradaban orang-orang Cina di Benua China. Dan, tidak hairan jika budaya kongsi gelap muncul ketika itu. Cuma Yang Berhormat hairan mengapa kini wujud di kalangan masyarakat keturunan India sedangkan mungkin kita tidak tahu sama ada di India dahulu juga terdapat budaya yang sama. Adakah mereka mewarisi budaya yang sama ataupun adakah ini belia keturunan India di Malaysia sudah belajar daripada belia keturunan Cina dahulu.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk M. Ratnam: Yang Berhormat Senator, saya tidak tahulah sama Yang Berhormat bersetuju dengan saya. Mula-mula orang-orang India tinggal di *estate*, jadi di dalam ladang itu, semua orang kenal di antara satu sama lain, sana ada mandor, lepas mandor ada kerani, lepas kerana ada *manager*.

Kalau satu budak jahat, kita beritahu kepada mandor. Mandor akan pergi ke rumah ibu bapa dan menasihatkan. Kalau budak itu tidak berubah lagi, pergi kepada kerani. Lepas itu pergi kepada *manager*. *Manager* akan buang kerja dia (waktu dahulu). Kalau dia perlu dapatkan kerja di ladang yang lain, susah kerana kalau dia pindah dari *estate* ini ke lain *estate* dia perlu bawa surat bahawa dia adalah seorang yang mempunyai kelakuan yang baik.

Oleh sebab itu, ibu bapa jaga budak-budak dengan baik jangan dia jahat. Kalau dia jahat, dia punya kerja pun habis. Ini satu amalan yang wujud pada tahun 40-an dan 50-an, dan awal 60-an. Apabila kita sudah merdeka dan banyak *estate* dipecah, pecah, pecah dan jual, orang itu hilang kerja. Mereka berhijrah ke bandar. Bila dia berhijrah ke bandar, tidak ada rumah. Dia orang buat satu pondok, menjadi setinggan.

Apabila mereka menjadi setinggan, budak-budak yang ramai itu tidak pergi ke sekolah sebab mereka belajar Tamil di *estate*, di sini terlalu kurang sekolah Tamil dan bila dia cukup umur, susah bagi mereka dapat kerja. Dia sudah campur dengan budak-budak yang tidak baik yang ada di bandar yang jahat dan dia sudah tukar sikap dia. Dalam keadaan ini apakah yang perlu dibuat oleh kerajaan supaya budak-budak ...

Tuan Yang di-Pertua: Perlu membuat, perlu buat.

Datuk M. Ratnam: Perlu buat, saya tidak pergi sekolah Bahasa Kebangsaanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa, itu sudah baik.

Datuk M. Ratnam: Ini bahasa, bahasa pasar sahaja tau? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini cuma dalam semangat hendak menambahbaikkan.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apa saya cakap...*[Ketawa]*

[Dewan riuh sebentar]

Tuan Yang di-Pertua: Apakah peranan.

Datuk M. Ratnam: Apakah kerajaan perlu buat, perlu untuk amalan-amalan yang dibuat oleh budak ini boleh diubah supaya dia orang boleh jadi budaya yang baik. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Mari kita tingkatkan perbahasan ini. Dengan izin *let us raise this debate above rhetoric...*

Datuk M. Ratnam: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *above politics, above rhetoric, above politics in the sincere pursued of truth.* Memang budaya kongsi gelap ini belum diperkatakan wujudnya di kalangan orang-orang Melayu. Bukan orang Melayu itu baik sangat. Tetapi buat ketika ini dikatakan begitu rupa, apakah sebab musabab, punca dan sebagainya untuk kita lebih memahami perkara ini. Silakan Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Senator yang telah memberi pandangan. Perkara yang dibangkitkan bahawa masyarakat belia India yang telah mengalami gengsterisme. Sebenarnya gengsterisme yang dipraktikkan oleh masyarakat Cina dan gengsterisme yang diamalkan oleh masyarakat atau pun belia-belia India sekarang adalah berlainan.

Masyarakat Cina pada ketika dahulu seperti yang telah diterangkan oleh Tuan Yang di-Pertua, telah membawa budaya ini daripada negara asal mereka iaitu kongsi gelap. Tetapi di negara India tidak ada kongsi gelap Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua

dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang saya tahu, di negara India kita tidak ada kongsi gelap dan kita masyarakat India tidak membawa amalan itu ke negara kita.

Tetapi seperti apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ratnam, masyarakat India, belia-belia India telah menghadapi suatu dilema apabila mereka berhijrah ke bandar. Mereka selama 100 lebih masyarakat India telah menduduki ladang-ladang di mana arena ataupun situasi perladangan itu seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam. Tetapi apabila berhijrah ke bandar, pertamanya mereka tidak dapat tempat duduk. Mereka terpaksa mencari tempat di kawasan setinggan. Tidak ada pekerjaan kerana mereka bukanlah pekerja mahir dan juga *environment* dengan izin adalah berlainan.

Pada ketika di ladang, mereka boleh tahu siapa yang jiran dia. Mereka tahu keluarga mereka. Tetapi apabila ke bandar, mereka seperti *lost* dengan izin dan kerajaan tidak menjalankan program untuk mengatasi masalah-masalah ini. Saya percaya masalah-masalah ini bukan sahaja dirasakan oleh masyarakat belia India tetapi juga belia-belia yang lain khususnya belia-belia Melayu. Tetapi apabila kita lihat rancangan-rancangan yang telah dijalankan, masyarakat ataupun belia-belia India tertinggal.

Ini adalah cerita benar, ini bukanlah cerita politik, ini adalah cerita benar. Oleh itu, mereka serba salah tidak tahu apa hendak buat. Bagaimana hendak cari duit, bagaimana hendak hidup. Mereka carilah kerja-kerja ringan, kerja-kerja kontrak, kerja-kerja pemandu lori, kerja pencuci kereta iaitu berbagai-bagai kerja yang tidak mahir. Oleh itu jadilah masalah gengsterisme. Itulah saya kata gengsterisme ataupun masalah-masalah gejala sosial yang diamalkan oleh belia-belia India di bandar-bandar ini tidak serupa dengan masyarakat Cina.

Ini adalah kumpulan kecil sahaja, kumpulan kecil mungkin sama ada lima orang atau sepuluh orang dia duduk bercakap dan apa mereka hendak buat, bagaimana hendak cari duit, mereka rompak.

Tuan Yang di-Pertua: Senario Yang Berhormat telah kupaskan satu fenomena yang dikatakan *a social evil arising from social pressure*. Adakah itu aliran penghujahan Yang Berhormat?

Tuan M. Munusamy: Sebenarnya itulah yang sebenarnya berlaku. Itulah yang realiti. Oleh itu seperti yang diminta ataupun yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam, kerajaan haruslah memberi perhatian serius terhadap masalah yang dihadapi oleh belia-belia India ini. Kerajaan perlu mengadakan program khusus ...

Dato' Omar bin Faudzar : Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan?

Tuan M. Munusamy: Silakan.

Dato' Omar bin Faudzar: Tadi Yang Berhormat kata kerajaan patut mengambil sesuatu tindakan ataupun undang-undang dan sebagainya. Saya hendak bagi satu contoh kepada Yang

Berhormat yang berlaku di hadapan mata sendiri, masalah gengsterisme India, kalau Melayu pun ada bukan tidak ada Tuan Yang di-Pertua, sebab Melayu ini dia pergi ke kawasan-kawasan ...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab saya kata tadi yang Melayu ini pun bukan baik sangat.

Dato' Omar bin Faudzar: Ya. Tetapi yang menjadi masalah sekarang, hak Melayu ini dia tidak pergi bergaduh. Dia cuma pergi kutip duit di kawasan-kawasan seperti mana yang orang-orang Cina telah buat dulu. Tetapi yang menjadi masalah sekarang ini ialah bila sudah menjadi kes pembunuhan, gengsterisme di suatu tempat berlaku di Bukit Gedong di Pulau Pinang. Di suatu tempat makan 'Astaka', orang-orang Melayu duduk di sebelah sini, orang-orang India duduk di sebelah sana duduk makan.

Lepas itu datanglah dua orang *gangster* bawa dia punya parang yang India bawa itu yang ada cangkuk sedikit itu, dia 'bagi' satu India yang duduk berniaga di situ, sudah jatuh dah ...

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin dalam Dewan ini banyak tidak faham. Tetapi saya fahamlah.

Dato' Omar bin Faudzar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia 'bagi' itu apa?

Dato' Omar bin Faudzar: Dia, dia ... [*ketawa*] Saya ingat semua faham ... lepas itu orang-orang Melayu kita cuba hendak meleraikan keadaan yang kecoh di situ. Bila meleraikan keadaan yang kecoh di situ, seorang daripada orang Melayu kena tetak di sini, daripada kepala sampai di sini [*Menunjukkan isyarat dari kepala sampai tengah belakang*] dan seorang lagi kena tetak di tangan, ada tiga orang lagi saksi yang menengok. Akhirnya yang kena tetak di sini [*Di kepala*] mati di hospital. Saya pergi tengok dan seorang lagi termasuk besi di tangan.

Perkara ini dibawa ke mahkamah tetapi malangnya saksi-saksi ini tidak berani. Tidak berani sebab dia tidak ada *protection*. Dia takut sekarang kalau dia beritahu, mungkin dia jadi saksi mungkin anak pinak dia jadi mangsa. Apa pandangan Yang Berhormat, macam mana kita hendak selesaikan masalah ini. Saya sendiri pun saya kalau keadaan macam itu, saya takut anak-anak saya juga sebab tidak ada *assurance* yang mengatakan bahawa saya boleh terselamat daripada keadaan itu.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Omar. Memang benar bahawa perkara-perkara seperti ini berlaku berleluasa di negara kita terlibat belia-belia India. Ini adalah suatu perkara yang serius. Masyarakat pemimpin-pemimpin India juga mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan pelbagai perbincangan dengan belia, mengadakan seminar-seminar dengan belia, mengadakan perjumpaan antara pihak polis dengan belia, mengadakan kesedaran bahawa perkara-perkara seperti ini tidak menghasilkan kepada kalangan belia dan juga memberikan peluang pekerjaan dan latihan kemahiran kepada para belia.

Ini adalah cara-cara ataupun program-program yang dilakukan oleh para pemimpin masyarakat India untuk menangani masalah-masalah seperti ini. Tetapi apa yang saya

maksudkan di sini program-program seperti ini, program-program yang dijalankan oleh masyarakat itu tidak mencukupi, tidak akan berjaya sekiranya pihak kerajaan tidak membantu kita. Oleh itu, saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya mengadakan program khas untuk mengatasi masalah-masalah gejala sosial, gengsterisme dan banyak masalah yang dihadapi oleh belia-belia India.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Chiam Yong Tee: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dewan ini sekarang sedang membincangkan suatu perkara yang sangat penting yang memang benar-benar berlaku di seluruh negara dan puncanya sebagaimana yang telah diterangkan ...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahu dikaburkan oleh *rhetoric*.

Tuan Chiam Yong Tee: Ya. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Ratnam, sebab-sebabnya ialah perpecahan *estate* besar dan belia-belia India yang berhijrah dari *estate-estate* ke bandar-bandar, mereka itu tidak berilmu dan juga tidak ada kemahiran untuk mencari rezeki dan terpaksa mereka mencari sumber lain dengan cara yang haram.

Jadi, inilah salah satunya. Ada satu lagi faktor Yang Berhormat Datuk M. Ratnam sebut. Mungkin itu ialah pengaruh filem-filem India yang penuh dengan keganasan. Jadi ini mungkin adalah sesuatu yang menyebabkan keganasan yang dilakukan oleh kongsi-kongsi gelap kaum India. Jadi kalau kita bandingkan kongsi gelap kaum Cina dengan kongsi gelap kaum India, dia berlainan. Yang kongsi gelap India itu lebih garang, lebih ganas. *[Ketawa]* Minta maaf, sebab ini adalah sesuatu yang benar. Jadi yang saya fikir mungkin kerana dahulu, kongsi gelap di negara China itu, puncanya lain.

Tuan Yang di-Pertua: Puncanya politik.

Tuan Chiam Yong Tee: Sebab dalam Chin Dinasti, mereka itu adalah satu pergerakan politik. Jadi satu perikatan gelap di antara kumpulan-kumpulan dan juga *clan-clan* untuk memberontak terhadap pemerintahan 'Man Chu' dan kemudian ini dibawa ke Asia Tenggara bila keturunan orang China datang daripada negara China ke sini, maka kongsi gelap itu dibawa ke mari.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana itu yang kita hendak cuba ketengahkan. Terdapat satu fenomena yang asal usulnya daripada faktor-faktor politik. Terdapat satu lagi fenomena yang asal usulnya dari faktor-faktor tekanan sosial.

Tuan Chiam Yong Tee: Ya, benar. Jadi, kita nampak kongsi gelap kaum Cina itu lebih berorganisasi. Jadi ada beberapa *clan* dan disiplinnya ketat. Kod etikanya pun juga, ya memang ada. Memang ada kod etika di dalam kongsi gelap. Itu bukan satu perkara yang...

Tuan Yang di-Pertua: Memang benar Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat- Yang Berhormat yang lain ketawa.

Tuan Chiam Yong Tee: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sama-sama geng pencuri, mereka mencuri tetapi mereka tidak curi di antara satu sama lain.

Tuan Chiam Yong Tee: Ya, betul. Kemudian, mereka tidak akan membawa kecederaan kepada orang yang tidak berdosa ataupun pihak yang ketiga dan ini tidaklah diikuti oleh kongsi gelap kaum India. Mungkin kerana kongsi gelap kaum India itu tidak ada organisasi. Ia adalah berdasarkan daerah dan juga dalam kumpulan yang sangat kecil. Jadi disiplinnya longgar. Inilah mungkin sebab utamanya. Jadi saya setuju penuh dengan cadangan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy tadi bahawa pihak kerajaan mestilah cuba membantu cari satu penyelesaian supaya belia-belia India yang berada di bandar-bandar macam Kelang, Kuala Lumpur ataupun bandar-bandar lain memperolehi kemahiran dan juga ilmu yang mencukupi untuk mereka mencari rezeki secara halal. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang pendapat saya?

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee kerana membantu saya untuk menerangkan sistem kongsi gelap antara masyarakat Cina dan juga kongsi gelap masyarakat India. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi, kongsi gelap ataupun sistem gengsterisme di kalangan masyarakat India, belia-belia India itu adalah longgar, bukan *organized* dengan izin. Mereka tidak berniat untuk memberontak kepada kerajaan. Tidak akan. Langsung tidak ada berniat. Tetapi, mereka cuma cari jalan untuk hidup sahaja sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apa pula faktor tontonan?

Tuan M. Munusamy: Itu sebenarnya saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee tadi bahawa ada juga mereka itu apabila kita lihat filem-filem Tamil, sangat ganas, *violent* dengan izin. Saya ingin....

Datuk M. Ratnam: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat selesai dahulu, Yang Berhormat akan beri laluan.

Tuan M. Munusamy: Saya berharap bahawa pihak FINAS dan Lembaga Penapisan Filem akan mengambil perhatian serius terhadap perkara ini. Perkara ini telah pun menimbulkan perasaan dalam masyarakat India kerana filem-filem yang dibuat di negara India adalah sesuai bagi negara India, bukan sesuai bagi negara kita. Khasnya berkenaan dengan perlawanan ataupun gengsterisme, berkenaan dengan keganasan itu, tidak boleh berlaku di negara kita ini. Negara India itu situasi lain. Oleh itu apabila filem...

Tuan Yang di-Pertua: [Menyampuk]

Tuan M. Munusamy: Apabila filem-filem ini diimport, saya berharap pihak Lembaga Penapis Filem akan mengetatkan lagi dan akan *cancel* perkara-perkara keganasan seperti ini. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Mula-mula Datuk M. Ratnam, kemudian Datuk Jins Shamsudin.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berapa bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa filem-filem adalah satu punca untuk keganasan ini. Tengoklah filem-filem berbahasa Inggeris. Tengoklah filem-filem bahasa Cina. Ada juga lawan, ada juga tembak, ada juga potong, serupalah. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*. Jadi dari pandangan saya, filem bukanlah satu *source* dengan izin. Barangkali filem adalah bantu sikit-sikit. Seperti yang saya telah terangkan tadi, ini sebab budak-budak itu *are not properly brought up* dengan izin.

Ada orang jaga sama dia. Jadi budak itu bebaslah, apa dia suka boleh buat. Bapa pergi cari makan, balik rumah tidak ada *control* sama budak-budak ini. Ini adalah satu sebab dan pencurian dari pandangan saya inilah untuk cari makanlah, cari makan. Tetapi ini satu budaya yang kita semua tidak ada sokong. Saya sendiri tidak berani pergi makan di kedai mana ada budak-budak India. Saya tidak akan bawa saya punya isteri dan anak pergi makan sana. Saya sendiri takut, *it has come to a situation like that* dengan izin. *It is quite serious* dengan izin. Jadi kerajaan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya. Polis juga boleh bantu walaupun 10 malam, 11 malam dia tengok satu kumpulan budak, lima, enam budak duduk satu tempat cerita-cerita, polis boleh pergi tanya "Apa *you* buat di sini?".

"Sekarang pukul 11 malam. Patut *you* mahu balik rumah". *Check* dia punya poket. Keliling tengok adakah senjata-senjata. Kalau polis mengambil tindakan yang kuat dan keras, saya ingat ini boleh reda sedikitlah. Itu pandangan saya. Apa *you* punya pandangan Senator? *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu. Datuk Jins Shamsudin.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat telah menyebut atau menyentuh tentang filem ini, saya tertarik untuk memberikan sedikit pandangan dan memberikan gambaran sebenarnya. Memang ada benarnya filem mempengaruhi di antara perlakuan anak-anak muda.

Sebagai satu contoh, saya pernah berlakon dalam filem gengster, saya pernah jadi gengster, tetapi dalam filem.

Tuan Yang di-Pertua: Ada juga bawa pengaruh yang tidak baik.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Nama filemnya pun 'Gengster', tetapi apa yang kita lakukan dalam filem itu menunjukkan gengster itu tidak baik akhirnya dia mati, *prime does not fail* dengan izin. Jadi oleh kerana itu filem mempunyai pengaruh yang kuat sebenarnya dan banyak lagi contoh filem-filem yang saya berlakon juga di Hong Kong. Dalam filem itu juga ada unsur-unsur gengsterisme menggunakan parang potong babi di sana, dia guna dan berlakon. Saya

sebenarnya dalam filem itu, saya *accident* kerana ramai yang *attack* saya, saya jadi hero. Tetapi dia orang *attack* ramai, jadi tidak sempat saya jatuh, tangan saya sampai hari kecil sebelah, jatuh patah lagi kerana dalam filem itu.

Ini menunjukkan apa yang berlaku di dalam filem-filem Tionghoa, filem-filem juga ada gengsterisme yang kadang-kadang mempengaruhi. Satu lagi contoh yang paling tepat beritahu ialah filem Inggeris dengan izin 'The Day you rob the bank of England'. Kalau kita mengingatkan kembali filem itu, sama seperti apa yang berlaku di sini *the day they rob the bank Maybank*, dia ikut sama gerakannya, bagaimana dia rob dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana dalam filem itu, begitulah dilakukan sebab saya tengok filem dan saya baca cerita 'The Day they rob the bank of England' dengan izin, adalah sama. Jadi bererti dalam hal ini memang pengaruh filem ada. Dalam gejala-gejala sosial juga ada pengaruh filem, kerana pengaruh filem-filem yang dibawa datangnya yang tidak *dicensor* ini memang ada pengaruhnya. Maka itu saya sangat bersetuju. Kebetulan saya jadi salah seorang daripada Ahli Lembaga Penapis filem, bahagian *Appeal Board*.

Jadi saya akan kemukakan kepada Lembaga supaya lebih ketat, *sensor* filem-filem yang mengandungi ganas. Sebenarnya, sudah ada peraturan Tuan Yang di-Pertua. Sudah ada peraturan di dalam Peraturan Lembaga Filem, filem-filem yang ada yang ganas, dan juga seks serta tahayul hendaklah *dicensor*. Terima kasih. Dan baru-baru ini, kita pernah dengar ada satu filem yang diberi nama 'Lelaki Komunis Terakhir' telah pun di *ban* oleh Kementerian Dalam Negeri baru ini. Jadi filem-filem yang boleh mempengaruhi sebenar, mengapa dia *ban* kerana ada pengaruh-pengaruh Komunis di dalamnya walaupun tidak disebut secara terang. Jadi kesimpulannya, saya berterima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita mengadakan barangkali kita tambah lagi filem-filem yang sekarang ini masuk tanpa melalui *sensor*.

Apa yang terjadi, mereka buat filem di sini atau di mana-mana, dia tayang di luar negara tetapi tidak melalui *sensor* dan di tayangkan kepada kumpulan-kumpulan tertentu, ini juga amat bahaya kerana tidak melalui *sensor*, apa pandangan Yang Berhormat terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tercuik, terpanggil kerana hendak cari fahaman dalam perkara ini. Dan teringat saya kepada beberapa ungkapan yang ditulis oleh Rudyard Kipling kalau diizinkan saya, ingat saya dalam Bahasa Inggerisnya "***Our think in all thy sadness, what road our griefs may take, whose heart reflects our madness, or who our terrors shake, the arrows of our anguish, fly further than we guess***", mungkin itu fenomena yang membawa pengaruh daripada seni dan perfileman ke dalam akhlak insan atau manusia, silakan Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam dan juga Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin. Di sini, saya tidak berapa setuju dengan Yang Berhormat Datuk M. Ratnam. Saya tidak mengatakan bahawa filem ini adalah satu punca yang menjadikan keganasan kepada masyarakat India, tetapi itu

adalah antara punca-punca yang utama yang penting menjadikan pengaruh kepada belia-belia India dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Dr. Jins supaya *sensor board* itu diketatkan lagi supaya filem-filem Tamil ataupun filem-filem dari negara India *dicensor* lagi, dilihat sekali lagi supaya unsur-unsur keganasan ini dapat dikurangkan lagi. Saya ucapkan terima kasih kepada...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya tertarik juga dengan perbincangan tadi. Jadi saya ingat daripada semalam lagi, kita cakap tentang Lembaga Penapisan Filem. Tetapi kalaulah filem-filem ini memudaratkan belia-belia kita, ataupun satu imej yang menjatuhkan imej negara, saya setuju Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa patut diketatkan. Tetapi kita sudah bincang perkara ini begitu lama sekali. Kenapa sampai sekarang tidak boleh dilakukan perkara ini. Kalau kita tahu filem itu membahayakan, maka tanggungjawab patut diberi kepada Lembaga Penapisan Filem.

Adakah Lembaga Penapisan Filem tidak ada kuasa, ada orang lain yang lebih berkuasa lagi daripada Lembaga Penapisan Filem. Yang kedua, saya tertarik tentang Yang Berhormat Datuk M. Ratnam tadi mengatakan bahawa kalau masih lagi ada ladang-ladang dan *estate-estate* ini, maka belia-belia ini tidak akan mencebur dalam gengsterisme ini. Adakah maksud Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bersetuju bahawa *estate* dan ladang ini patut dikekalkan supaya belia-belia India, masyarakat-masyarakat India dapat duduk di situ. Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat?

[Ketawa]

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Sebenarnya saya juga bersetuju, saya juga tidak faham bagaimana Lembaga Filem Nasional ini berfungsi dan siapakah jadi ahli-ahli Lembaga itu. Sekiranya ini boleh dapat diberitahu kepada Dewan, mungkin kita boleh faham bagaimana Lembaga ini berfungsi dan apalah boleh dikatakan, berapa banyak filem Lembaga ini tuntutan dan apa kriteria-kriteria supaya filem-filem yang berunsur seksual dan berunsur keganasan ini dapat ditapis.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat, kalaulah satu-satu filem, sebab sekarang ini kalau kita bincang pasal gengsterisme, kita tengok berlaku di kalangan lelaki sahaja, orang perempuan tidak ada gengsterisme. Ada pun saya ingat tidaklah seramai, ada perempuan sokong saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab dia orang ini, semua perempuan satu gang.

[Ketawa]

Dato' Omar bin Faudzar: Jadi, sebab kalau kita tengok dalam rumah kita sendiri, kita lebih suka tengok rancangan-rancangan yang ada *action*, tetapi orang perempuan dia lebih suka

tengok gambar-gambar yang romantik, yang ada sedih yang menangis itu yang dia suka. Jadi mungkin ini juga satu pembawakan yang tidak tarik dia orang kepada sifat-sifat yang tidak berapa elok. Tetapi kalau filem yang lain itu mungkin dua-dua hendak tengok. Jadi yang *action* ini, kita tidak boleh hendak tolak. Sekarang katakan kalau kita katakan dalam TV dia kata *movie* ini 18 tahun ke atas sahaja yang boleh tengok. Tetapi anak-anak kita duduk tengok juga. Jadi macam mana kita hendak selesai masalah sekiranya filem yang menjadi satu punca kepada gengsterisme.

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab hujah daripada Dato' Musa tadi yang mengatakan bahawa kita kekalkan ladang. Saya tidak bersetuju. Kita sudah maju, negara kita sudah maju dan kita tidak boleh menghantar belia-belie India balik ke ladang, perladangan pun tidak ada sekarang dan belia-belie India seperti belia-belie lain juga telah ubah fikiran. Mereka tidak mahu tinggal di ladang seperti anak-anak FELDA. Oleh itu...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Penjelasan sedikit...

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat selesai dahulu jawab Yang Berhormat, kemudian Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat selesai dahulu jawab Yang Berhormat, kemudian Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Cadangan itu saya harap tidak dapat diterimalah.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat hendak selesaikan mungkin tanggapan terhadap apa yang diperkatakan tadi itu silap. Sila Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua maksud saya itu kalaulah masih wujud lagi sekarang ini *estate* ataupun ladang ini di mana belia-belie India ini tidak akan terlibat dengan gengsterisme, itu maksud saya.

Tuan M. Munusamy: Saya rasa tidak juga sebab keadaan sekarang sudah berubah. Pengaruh seperti *film* itu telah pun ada dan juga lain-lain unsur-unsur juga mereka boleh dapat, sekarang IT, ladang pun boleh dapat, *no problem*. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi ada Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani bangun minta penjelasan? Silakan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pendapat Yang Berhormat, sebenar kita mempersoalkan dengan belia India daripada *estate* bererti daripada luar bandar. Jadi, apa cadangan, pandangan Yang Berhormat saya minta kalaulah kita selaraskan guru-guru, pendidikan daripada guru-guru, COLA guru bandar dengan luar bandar adalah berbeza. Kalaulah Kementerian Pelajaran selaraskan di antara COLA guru bandar dan juga luar bandar menggalakkan guru-guru pergi ke luar bandar. Sebenarnya guru-guru di luar bandar apabila ditukarkan ke luar bandar selalunya dia orang tidak pergi. Daftar di Kementerian Pelajaran ada tetapi guru itu tidak pergi contoh di Gua Musang

sahajalah di pedalaman, kawasan Orang Asli dan juga di sekolah-sekolah pedalaman, nama guru ada tetapi tidak ada guru.

Jadi kalaulah Kementerian Pelajaran selaraskan COLA di antara bandar dan luar bandar saya rasa banyak guru-guru berminat, fasal kita mempersoalkan dengan pendidikan. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani. Ini adalah satu isu berlainan sedikit, apa yang saya faham latihan kepada guru-guru yang ajar di kawasan luar bandar atau bandar samalah tetapi mereka enggan pergi ke kawasan itu, itu adalah soal yang lain. Ini tidak berkaitan dengan perkara sosial, saya percaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya minta laluan sebentar? Ahli-ahli Yang Berhormat boleh saya dapat petunjuk berapa orang Yang Berhormat yang ingin berucap selepas ini? Selepas ini kita ada 97 minit lagi, Yang Berhormat memerlukan berapa minit lagi? Yang Berhormat boleh teruskanlah saya ingat Yang Berhormat pun tidak panjang sangat ucapan. Sila teruskan.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskan cadangan-cadangan untuk menangani disiplin di kalangan pelajar-pelajar. Kegagalan penerapan nilai-nilai murni perlu diperbaiki termasuk perbanyakkan latihan kepada guru-guru terbabit supaya lebih cekap dalam penyampaian pendidikan moral. Cara penyampaian nilai-nilai murni perlu menekankan aspek praktikal, amalan, memberikan pengukuhan kepada pelajar bagi setiap amalan yang baik. Pelajar-pelajar perlu didedahkan dengan diberi pengalaman di luar sekolah seperti membantu rumah anak-anak yatim, rumah warga emas dan sebagainya. Media massa menghentikan penyiaran siaran yang menonjolkan nilai-nilai negatif.

Mata pelajaran sivik dan kewarganegaraan disampaikan dengan kaedah yang berkesan bagi memupuk nilai moral, etika dan melahirkan masyarakat yang patriotik. Satu perkara lagi dalam aspek pendidikan adalah yuran sekolah. Sejak kebelakangan ini, ibu bapa merungut mengenai ketidakseragaman kadar yuran yang dikenakan di sekolah. Terdapat sekolah yang begitu ghairah menaikkan yuran yang dinamakan sebagai yuran pelbagai yang terlalu tinggi dan terlalu banyak jenis yuran yang perlu dibayar hingga membebankan ibu bapa, penjaga setiap sesi persekolahan bermula. Kementerian Pelajaran sedang menyediakan draf terakhir Peraturan-peraturan Pendidikan (Yuran) 2006 dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa kini di peringkat akhir, semakan oleh Jawatankuasa Teknikal Penggubal Kementerian Pelajaran.

Kadar yuran sekolah yang diguna pakai pada masa ini berdasarkan kepada peraturan am sekolah, *regulation* 1950, Peraturan 57 yang digubal di bawah ordinar pendaftaran sekolah tahun 1950. Bayaran tambahan yang dikenakan oleh pihak sekolah tidak boleh disenaraikan sebagai yuran sekolah termasuklah sumbangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG), Kelab Komputer, keperluan asrama, kelas tambahan dan alat-alat tulis yang perlu mendapat kelulusan Pejabat Pelajaran Negeri. Yuran tambahan pula bergantung pada jenis aktiviti

misalnya majalah sekolah, keceriaan dan kertas ujian. Saya difahamkan maksimum yuran yang boleh dicajkan kepada murid sekolah rendah ialah RM33.50 manakala sekolah menengah RM54.00. Kementerian Pelajaran menegaskan bahawa kadar yuran tambahan atau yuran aksesori yang ditetapkan di sekolah-sekolah telah dipersetujui antara PIBG dan pihak sekolah.

Saya bercadang supaya Kementerian Pelajaran perlu menjalankan kajian mengenai kadar yuran yang dikenakan oleh sekolah-sekolah ini. Kementerian Pelajaran perlu bercampur tangan bagi sekiranya ada sekolah yang mengenakan yuran terlalu tinggi dan membebankan dan jangan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak sekolah yang mengenakan yuran terlalu tinggi dan terlalu mahal.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Mohon laluan.

Tuan M. Munusamy: Sila.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat setuju supaya bila kita tengok bayaran yuran sama ada sekolah-sekolah yang mengambil yuran yang mungkin banyak bandingkan dengan sekolah yang yurannya sedikit. Adakah perbezaan tentang keputusan peperiksaan? Dekat situlah nilainya duit. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Memang benar ada sekolah-sekolah yang ada kenakan yuran-yuran seperti itulah saya katakan yuran-yuran aksesori. Itulah sebab saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengambil tindakan terhadap sekolah-sekolah yang mengenakan yuran-yuran yang tinggi seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa maksud Yang Berhormat itu lain sedikit. Sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Maksud saya Yang Berhormat ialah apabila kita mengutip yuran yang lebih-lebih, latihan-latihan penggunaannya adalah untuk anak-anak mereka sendiri bukan untuk tugas-tugas yang lain maka oleh sebab banyaknya latihan itu maka hasilnya juga akan meningkat. Adakah kalau kita hendak memperkasakan sekolah kita tidak perlu sebut sekolah kebangsaan. Kalau kita hendak memperkasakan sekolah inilah dia. Jadi memang untuk pelajaran memang duit. Di situlah kepentingan pengorbanan, ini pada pandangan saya selaku bekas seorang guru.

Kalaulah PIBG ataupun kalaulah ibu bapa kata tidak hendak tambahan, tidak hendak latihan, ertinya setakat itulah yang cikgu perlu didik.

Jadi lagi banyak wang, lagi banyak yuran yang diperlukan, lagi bagus hasilnya. Dekat situlah kalaulah sekolah kebangsaan kita ini memperkasakan sekolah kebangsaan, kita tidak perlu perkasakan apa-apa. Kalau keputusan itu baik, disiplin sekolah itu baik, saya rasa tidak payah panggil orang mari datang ke sekolah kebangsaan tidak perlu. Mereka ataupun ibu bapa sendiri yang akan berebut-rebut menghantar anak mereka ke sekolah yang berkenaan. Ini yang saya sentuh hal yuran. Saya cukup takut kalau hal yuran ini sentiasa kita sentuh dan berat buku

juga beg juga sentiasa kita sentuh, pergilah murid ke sekolah tanpa beg. Pergilah murid ke sekolah latihan biasa. Jadi kalau latihan kita biasa, markah kita biasa. Hebat latihan kita, hebat keputusan peperiksaan kita. Apa kata Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah sentuh prinsip yang menjadi asas pembahagian sekolah-sekolah di mana masyarakat dan negara pun yang memisahkan di antara *private school* dan *public school*.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara-perkara yang disebutkan adalah untuk perkara *public school*. Bukan bagi *private school*. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Hajah Samsiah tadi, apa yang saya katakan, bukanlah jangan kenakan yuran bagi sekolah, tetapi yuran yang dikenakan itu hendaklah munasabah. Janganlah bebankan ibu-bapa atau penjaga. Itulah permintaan saya. Bukan kata, jangan kenakan yuran langsung. Yuran yang perlu.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan ya.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mengatakan yuran yang perlu boleh dikenakan, tetapi Kementerian Pelajaran perlulah mengawasi dan mengadakan garis panduan apa yuran yang boleh dikenakan, berapa banyak boleh dikenakan? Supaya sekolah-sekolah ataupun para ibu-bapa tidak menjadi satu bebanan kepada para ibu-bapa.

Saya rasa itu sahajalah satu, dua perkara yang saya bawa dalam perbincangan-perbincangan ini. Sebelum saya undur diri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada UMNO. Pucuk pimpinan UMNO yang telah menyambut ulang tahun 60 pada hari ini. MIC juga akan meraikan ulang tahun ke 60 pada bulan Ogos ini. Sama-samalah kita pun berusia 60 tahun. Selama 60 tahun ini, pihak MIC dan juga masyarakat India bersama-sama dengan masyarakat Melayu, masyarakat Cina, dan bersama-sama dengan UMNO. MIC tidak pernah meninggalkan UMNO, apa juga masa.

Oleh itu saya harap pemimpin-pemimpin UMNO peka dan prihatin kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India. Dengan kata-kata ini, saya ingin menyokong usul atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya baru masuk sahaja, Yang Berhormat sudah habis bercakap. Tak sempat saya mendengarnya. Silakan Yang Berhormat Chua Kim Chuan.

16.04 ptg.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terlebih dahulu, saya ingin

menyentuh tentang sektor pertanian yang kini diberi tumpuan khusus oleh kerajaan sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang ketiga penting di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kedah yang merupakan jelapang padi terbesar di Malaysia telah banyak berjasa kepada rakyat dari segi penghasilan dan pembekalan makanan untuk seluruh rakyat Malaysia. Akan tetapi, bagi negeri Kedah, ia terpaksa melakukan pengorbanan yang besar dan tidak ternilai kepada negara. Kebanyakan tanah yang terdapat di dalam kawasan Bandaraya Alor Star dan sekitarnya terpaksa direzabkan untuk jelapang padi dan tidak boleh dibangunkan untuk sektor perindustrian dan komersial. Oleh yang demikian, pembangunan di Bandaraya Alor Star tersekat disebabkan faktor kegunaan tanah yang dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya memohon kerjasama Kerajaan Pusat agar memberi pampasan kepada negeri Kedah dalam bentuk menyokong dan membawa pelbagai projek pertanian moden ke negeri Kedah dan menjadikan sebagai pusat bioteknologi selaras dengan peranannya sebagai negeri yang mendukung dan memperkasakan sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu pendidikan. Saya berpendapat bahawa kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran patut lebih prihatin dengan keperluan di semua sekolah rendah dan menengah tanpa mengira alirannya. Masalahnya, kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) merupakan satu fenomena yang telah berlaku kian lama. Tetapi sehingga kini, masalah kekurangan guru di SJKC masih wujud dan belum dapat diselesaikan dengan sepenuhnya. Di sini, saya mencadangkan agar bahagian Sumber Manusia Kementerian Pelajaran mengkaji dengan jitu tentang keperluan guru terlatih di SJKC.

Seterusnya membuka lebih banyak kursus perguruan seperti Diploma Pengurusan Malaysia (KDPN), Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI), secara LPBS atau sepenuh masa. Selain dari itu saya turut meminta Kementerian Pelajaran menambah peruntukan penyelenggaraan dan membaik pulih prasarana bagi SJKC khususnya bagi sekolah bantuan modal seperti tadi rakan saya Yang Berhormat Munusamy sentuh perkara itu. Saya berpendapat bahawa semua bangunan sekolah yang disahkan tidak selamat oleh JKR, mestilah diganti dan dibaik pulih demi keselamatan pelajar dan guru.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berikut adalah mengenai dengan permohonan pelajaran lepasan SPM dan STPM yang memasuki IPTA atau Institusi Pengajian Tinggi yang lain. Masa kini, banyak permohonan dan pendaftaran untuk memasuki sebuah IPTA atau institusi pengajian tinggi terpaksa dilakukan melalui laman web di *internet*. Pelajar-pelajar ini terpaksa mengambil beberapa jam. Kadang-kadang sampai 3 pagi untuk melayari dan menembusi laman web yang ditetapkan. Tambahan lagi, bukan semua pelajar memperoleh komputer ber*internet* terutama pelajar-pelajar di luar bandar atau kawasan pedalaman seperti kampung saya. Saya bukan duduk di bandar. Mereka terpaksa meminjam atau pergi ke kedai-kedai komputer ber*internet*

yang biasanya terletak di kawasan bandar untuk membuat permohonan atau pendaftaran. Setiap jam yang dia *on-line* itu dikenakan bayaran yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kerumitan, kesukaran dan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini, saya percaya banyak keciciran akan berlaku. Saya rasa banyak pendaftaran melalui *On-line* amat tidak adil bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai kemudahan komputer *berinternet* itu. Saya mencadangkan selain daripada cara melayari laman *internet*, pelajar-pelajar ini dapat membuat permohonan atau pendaftaran dengan mengisi borang-borang permohonan dan diposkan seperti biasa, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap agar masalah yang ditimbulkan dalam permohonan dan pendaftaran melalui *on-line* haruslah diberi perhatian oleh kerajaan.

Isu saya yang seterusnya, berkenaan dengan kenaikan harga minyak, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan seluruh barisan Kabinet dalam usaha meningkatkan ekonomi negara demi pembangunan negara dengan mengurangkan subsidi minyak.

Penjimatan RM4.4 bilion melalui mengurangkan subsidi minyak demi membaikkan taraf keselesaan dan kemudahan terutamanya dari segi sistem pengangkutan awam, merupakan satu jaminan pulang balik jangka masa panjang kepada rakyat di negara kita. Sikap bertimbang rasa dan keprihatinan kerajaan untuk mengekalkan paras harga minyak pada paras antara yang paling rendah di dunia, serta jaminan kerajaan menaikkan harga minyak sebanyak 30 sen sekali sahaja untuk tahun ini. Berbanding dengan kenaikan 3 kali tahun sudah yang berjumlah 45 sen merupakan satu ketetapan dan satu kepastian kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya amat bersetuju dengan kerajaan kerana tahun lalu bila naik 10 sen, mi kari, mi goreng pun naik 10 sen. Tiga kali naik, mi goreng dan mi kari naik 30 sen. Kali ini naik 30 sen pun, dia pun naik sekali sahaja, 10 sen. Jadi untunglah 20 sen, Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi pengangkutan, kenaikan minyak tidak begitu mempengaruhi masyarakat luar bandar atau yang berpendapatan rendah yang biasanya mereka berkenderaan kecil seperti Kancil atau motosikal sahaja. Masalahnya satu kenyataan di sini ialah setiap kali berlaku kenaikan harga minyak, maka naiknya harga barangan harian seperti tadi saya sebutkan. Ini memang membebankan golongan berpendapatan rendah kerana barangan harian seperti makanan, pakaian dan pendidikan adalah keperluan harian yang tidak dapat dielakkan ataupun dikurangkan.

Tidak seperti penggunaan kenderaan dapat dikurangkan dengan mengurangkan perjalanan atau berkongsi kereta. Memandangkan para pengusaha atau peniaga yang sering mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan harian atau alasan kenaikan harga minyak, padahal biasanya barangan mereka untuk sampai ke kilang atau kedai adalah dengan kenderaan berdiesel. Maka di sini saya ingin menyeru agar kerajaan atau Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat pemantauan dan mengambil tindakan tegas ke atas peniaga atau pengusaha bukan sahaja di pasar-pasar raya, bahkan di kedai-kedai runcit di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu tabung khas iaitu Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam telah ditubuhkan untuk meningkatkan pembangunan dan penambahbaikan sistem pengangkutan di mana kebanyakan perancangan bertumpu di kawasan bandar besar seperti KL. Di sini saya memohon agar kerajaan juga membuat perancangan rapi untuk kemajuan kawasan luar bandar di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal mengurangkan kesesakan lalu lintas dan perbelanjaan minyak, kerajaan telah meminta rakyat supaya mengubah gaya hidup. Di antaranya ialah meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Di sini saya mempunyai satu keraguan, Tuan Yang di-Pertua. Kemudahan pinjaman, *finance*, sehingga 9 tahun Bank Rakyat bagi sampai 11 tahun serta pengurangan cukai kereta oleh kerajaan membolehkan masyarakat mampu memperoleh sebuah kereta daripada membelanjakan kos masa dan ketidakselesaian untuk menaiki kenderaan awam, orang ramai akan memilih untuk membeli sebuah kereta seperti Kancil di mana mereka hanya perlu membayar *installment* sebanyak RM200 lebih sahaja. Kalau kereta *second hand*, kita boleh *finance* lebih, ada duit pulang balik pula jadi *pocket money*. Dengan ada hal yang sedemikian, bagaimanakah hasrat kerajaan untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan awam ini dapat tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya mengenai dengan sistem penyampaian di dalam sektor awam. Saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu meningkatkan keberkesanan dan menghapuskan kerenah birokrasi. Memandangkan negara jiran kita seperti Thailand telah membuat banyak pembaharuan dari segi kecekapan sistem penyampaiannya, maka banyak FDI telah masuk ke Thailand. Oleh sebab itu saya berpendapat bahawa daya saing negara mestilah dipertingkatkan melalui perubahan positif di dalam semua jabatan atau agensi kerajaan agar mereka jauh lebih cekap dan jauh dari amalan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya pohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Datuk Dr. Lee Chong Meng.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dan saya minta Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya untuk bersedia.

4.15 ptg.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kesebelas pada bulan Mac tahun ini. Sebagai wakil dari Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur sebagai pusat komersial dalam bandar antarabangsa, kita

berasa bangga bahawa Kuala Lumpur telah dijadikan sebagai salah satu bandar yang terkenal di dunia dan bertaraf antarabangsa. Syabas saya ucapkan kepada pihak DBKL.

Di Bukit Bintang, sebagai pusat di pusat bandar raya Kuala Lumpur telah disebutkan sebagai destinasi untuk aktiviti komersial pelancongan, pusat membeli-belah dan lain-lain. Orang asing suka melawat Kuala Lumpur, khususnya Bukit Bintang kerana di sini adalah pelbagai kebudayaan dan aktiviti-aktiviti yang cukup menarik pelancong termasuk orang Arab. Oleh sebab ini saya harap masalah-masalah yang terdapat di Kuala Lumpur bolehlah diselesaikan kerana kalau penyelesaian masalah ini akan menjejaskan aktiviti komersial dan aktiviti pelancongan dan saya akan membangkitkan isu yang praktikal di Kuala Lumpur.

Yang pertama, keadaan kesesakan lalu lintas. Saya berasa sedih kerana setiap hari kita nampak kesesakan di Kuala Lumpur, khususnya di Bukit Bintang dan saya cadang kepada pihak kerajaan dan DBKL membina lebih lebuhraya bertingkat di pusat bandar raya tanpa tol. Melalui projek ini hanya kesesakan lalu lintas boleh diselesaikan atau dikurangkan. Memanglah kereta-kereta baru didaftarkan di Wilayah Persekutuan adalah tinggi dan ramai. Saya difahamkan bahawa tiap-tiap hari daripada kawasan Selangor adalah melebihi sejuta unit kenderaan memasuki Kuala Lumpur. Jadi inilah puncanya bahawa jalan-jalan di Kuala Lumpur disesakkan.

Walaupun penduduk-penduduk di Kuala Lumpur pada siang hari adalah lebih kurang 2 juta orang tetapi pada waktu malam hanya 1.5 juta sahaja. Jadi berbanding dengan negara-negara lain, khususnya negara di ASEAN, penduduk-penduduk di bandar itu lebih ramai berbanding dengan Kuala Lumpur. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir telah memberi arahan sebelum beliau bersara bahawa semua *traffic light* perlulah diganti dengan sistem yang baru iaitu sistem yang digital. Sistem ini akan membolehkan pemandu kenderaan bersedia dan berhenti dengan lebih selamat kerana kita tengok nombor yang digital.

Saya nampak sistem ini telah dilaksanakan di bandar-bandar yang kecil tetapi kita lihat di Kuala Lumpur masih belum dilaksanakan. Saya tidak faham macam mana Kuala Lumpur tidak ada *budget* untuk melaksanakan projek ini dan saya harap Datuk Bandar akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Masalah yang kedua untuk mengatasi pelancongan ialah banjir kilat di Kuala Lumpur. Semalam kita nampak banjir kilat di Jalan Klang Lama dan Sungai Besi kerana Sungai Kerayong telah banjir. Jadi walaupun projek-projek SMART telah dijalankan dan akan disiapkan pada tahun depan tetapi pada masa kini banjir kilat berlaku apabila hujan lebat berlaku. Jadi saya harapkan pihak DBKL dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bolehlah bekerjasama untuk menyelesaikan masalah ini.

Yang ketiga, masalah teksi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masalah banjir tadi bidang kuasanya bukan lagi di bawah Kementerian Pertanian. Saya tak tahu maksud Yang Berhormat tadi

merujuk Kementerian Pertanian, adakah masalah banjir yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi?

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, sungai-sungai di bawah Kementerian Pertanian. Jadi DBKL hanya menjaga kawasan berhampiran dengan sungai sahaja. Kedua-dua jabatan bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Jabatan yang mengendalikan masalah banjir ini adalah Jabatan Pengaliran dan Saliran yang dulunya di bawah Kementerian Pertanian.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang dah dipindahkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Sekitar.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Asli, okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf, saya terpaksa betulkan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okey ya. Jadi masalah teksi, walaupun ada banyak aduan tentang perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur tetapi sebagai penasihat pada beberapa persatuan teksi di Wilayah Persekutuan, saya haraplah Kementerian Usahawan bolehlah membantu para pemandu teksi kerana pada masa ini ada lebih teksi daripada pelanggan. Saya difahamkan di Kuala Lumpur ada lebih kurang 15 ribu unit teksi di Wilayah Persekutuan. Setiap pemandu teksi pada masa kini hanya beruntung sebulan kalau dia bekerja 10 jam sehari, RM1,000 sampai RM1,500 sahaja. Jadi inilah tak adil kerana mereka kerja kuat.

Kekurangan stesen gas Petronas dan kesesakan jalan-jalan di Kuala Lumpur telah menjejaskan keuntungan para pemandu teksi. Mereka perlulah *queue* untuk mendapat gas di stesen Petronas selama tiga atau empat jam sehari. Empat rangkaian gas pemandu teksi tidak akan untung kerana harga petrol begitu tinggi. RM1.92 seliter, jadi kalau mereka pakai petrol memang pemandu teksi akan rugi setiap hari. Oleh sebab ini Petronas bolehlah mempertingkatkan bekalan gas di Lembah Klang. Kalau Petronas tak boleh buat macam itu, biarlah syarikat lain seperti Caltex, Shell, boleh membekal gas untuk kebaikan semua termasuk pemandu teksi dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang keempat untuk menyelesaikan masalah Negro di Wilayah Persekutuan. Masalah ini telah lama dilaporkan di Wilayah dan isu Negro telah dijadikan satu isu yang penting. Kerana penduduk-penduduk di Kuala Lumpur termasuk polis pun takut Negro. Bolehkah pihak berkuasa imigresen, polis, DBKL bekerjasama untuk memastikan bahawa hanya penuntut-penuntut, *students* dengan izin yang tulen boleh dibenarkan. Kerana saya selalu pergi kawasan saya, saya bincang dengan orang Negro, I tanya dia. "*Why are you here?*", dengan izin. *You know what they told me, "I like your country, I'm a student here"*. Tiap-tiap hari pukul 4 sampai pukul 8, mereka berada di Tiong Nam, kawasan kediaman dan kacau penduduk-penduduk tempatan.

Jadi ini telah jadi satu isu kerana pelancong daripada Hong Kong, *Singapore*, termasuk Taiwan, bila dia pergi Jalan Alor, Jalan Bukit Bintang, mereka nampak Negro. Kadang-kadang cakap, *is this Africa?* Dia ingat Malaysia Afrika kerana pelbagai orang negro. Ramai Negro minum, kacau dan bersepah di situ. Jadi ini telah jadi satu isu kerana pelancong daripada *Asian* takut kerana saiz Afrika orang Negro besar. Kita polis tak boleh tangkap dia. Jadi saya harap, kita minta Jabatan Imigresen ambil tindakan yang baik. Berhentikan sebelum dia masuk.

Golongan Negro telah terlibat dengan masalah sosial. Mereka menjual dadah, mereka menjual barangan tiruan dan lain-lain. Dan saya pun tak faham, macam mana orang tempatan beli barangan ini daripada orang Negro kerana mereka membeli barang itu dari Lorong Haji Taib, kawasan saya. Dengan lambangnya *made in Africa* sahaja tapi produk itu diimport daripada China.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Saya minta laluan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okey.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat kata orang Negro sahaja jual barang tiruan. Saya pun kena tipu baru-baru ini. Ada orang dari negeri China, dia jual *hand phone* yang canggih. Dia mari tunjuk, dia cakap, "tekan, tekan, you nak panggil siapa?". Dia kata mula-mula RM800, anak saya tawar-tawar, dia jual kepada RM200. Bila dia nak kasi itu set, dia kata, "*I take my sim card*". Jadi dia pusing macam tu, nanti dia kasi satu lagi *phone*. Bila dia balik, tengok, dalam kosong. Jadi anak saya pergi ke kedai yang membaiki, orang tu tanya, "itu orang Cina yang pakai topi jual kepada you ke?. Ya, banyak orang kena tipu RM500, you nasib baik, you RM200 sahaja". Jadi ini bererti bukan orang dari Afrika, Negro sahaja tipu, ada yang lain-lain keturunan pun tipulah.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju bahawa bukan orang Negro sahaja, orang Malaysia pun tipu, orang Cina pun, dari negara China pun tipu. Jadi kita nak beli barang, janganlah beli dari orang yang tak kenal. Belilah dalam kedai yang tulen. Jadi saya nak sampaikan bahawa di Kuala Lumpur, di Bukit Bintang sahaja, golongan Negro lebih kurang 5 ribu orang. Tiap-tiap malam mereka ada di Jalan Alor, Jalan Bukit Bintang, Imbi, Tiong Nam, Chow Kit, Sri Petaling, saya tak faham mereka buat apa. Mereka jual USD yang tipu punya tapi orang beli, saya pun tak faham.

Jadi kalau nak mempertingkatkan industri pelancongan di Bukit Bintang, selalu saya bangkit isu Bukit Bintang kerana Bukit Bintang yang penting untuk negara kita. Pelancong-pelancong bila dia pergi Kuala Lumpur, dia pergi Bukit Bintang. Jadi saya haraplah kalau nak untung lebih wang daripada orang asing, kita perlulah ambil tindakan yang positif untuk mengurangkan masalah-masalah sosial di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak bangkit isu tentang macam mana kita boleh meningkatkan industri pelancongan di Wilayah. Dengan strategi yang sesuai dan kekayaan pelbagai kebudayaan, cara hidup dan lain-lain. Malaysia telah dikenali sebagai destinasi

pelancongan yang terbaik di Asia Tenggara. Semua rakyat Malaysia perlulah bekerjasama dan bersatu hati untuk mempromosikan Kuala Lumpur khususnya Bukit Bintang sebagai destinasi yang unik untuk orang asing. Tahun 2005, kami harap 250 ribu.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih. Saya tersentuh apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa Bukit Bintang adalah menjadi tumpuan pelancong-pelancong dari luar. Jadi saya ingin tahu juga apakah pengalaman Yang Berhormat. Apakah yang ada di Bukit Bintang itu yang menyebabkan pelancong-pelancong bertumpu ke sana? Adakah kerana Bintang Walk nya ataupun *shopping centre* nya dengan izin ataupun ada *back door* di sana yang menyebabkan mereka datang ke sana?

Kalau itu yang kita boleh melihatnya, kalau bukan itu kita boleh ambil contoh Bukit Bintang, kita bawa pula ke tempat lain supaya tidak semua bertumpu di Bukit Bintang. Mungkin apa yang ada di Bukit Bintang yang menarik pelancong ini kita bawa ke tempat lain supaya bukan sahaja tertumpu dan menyebabkan menjadi begitu sesak di Bukit Bintang. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Yang Berhormat senator. Jadi Bukit Bintang adalah pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Saya setuju kita hendak memperluaskan kawasan pelancongan. Sebagai contoh, di Fortuna Hotel di depan Lot 10. Ada satu Hotel Fortuna. Dahulu orang tidak pergi sana. Jadi kawan saya Encik Abdullah daripada Iraq, dia buat satu restoran di situ. Dia sewa *coffee House* daripada Fortuna Hotel, dia cantikkan tempat itu. Di tingkat satu, dia buat sahara 10. Jadi suasana orang Arab. Jadi, tempat ini selepas lima tahun telah dikenal pasti sebagai salah satu tempat *landmark* untuk orang Arab daripada Asia Barat.

Baru-baru ini kami buat air *Arabia*. Tempat itu dan pihak DBKL pun telah membelanjakan RM1 juta. Selepas dua tahun, kami berjaya. Orang Arab datang tapi tauke Fortuna Hotel itu, ada agenda lain. Kontrak dengan orang Arab itu telah tamat. Dia mahu berhentikan *business* itu dan orang Arab itu minta saya tolong. Dia mahu pindah ke tempat lain. Cadangannya ialah kalau kita boleh pindah ke Kampung Baru kerana lebih luas. Tapi orang Arab tidak terima. Dia cakap jauh sangat. Dia suka jalan di Bukit Bintang kerana sepanjang jalan Bukit Bintang, aktiviti 24 jam. Jadi pelbagai pelancongan dari luar negara melawat Bukit Bintang. Oleh sebab ini.....

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Saya minta penjelasan. Seperti yang saya sebut, adakah unsur-unsur lain *back door* dan sebagainya yang saya juga difahamkan. Apakah Yang Berhormat dapat ...

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Ya, memang ada. Jadi di Bukit Bintang adaurut kaki, urut tradisional, ada karaoke, ada *night club*. Saya akan sampai tajuk ini selepas perbincangan tentang industri pelancongan di Wilayah Persekutuan. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya amat memuji Kementerian Pelancongan atas mengiklankan Malaysia *Truly Asia* yang dianggap sebagai tema pengiklanan yang terbaik sekali di dunia. Jadi kini kita adalah

pengenalan yang baru iaitu bersalam. Ini mencerminkan bahawa Malaysia adalah berbudi bahasa dan Malaysia adalah yang terbaik sekali di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan Malaysia adalah satu tempat yang aman dan damai untuk pelancong asing melawat Malaysia.

Jadi macam mana kita hendak menarik Orang Arab kerana selepas *incident* 911 di Amerika, orang Arab tidak pergi Amerika Syarikat. Orang Arab pergi Thailand, pergi Singapura. Tapi bila mereka pergi Singapore, mereka mesti mahu melalui Kuala Lumpur. Jadi kita hendak buat promosi untuk menarik mereka duduk di Kuala Lumpur lebih lama sedikit. Kalau dua tiga hari, kita cakap mintalah duduk lima hari. Jadi saya nampak orang Arab bila datang Kuala Lumpur, sekeluarga enam hingga tujuh orang dia beli barang yang begitu besar dan begitu banyak. Jadi inilah akan membantu pusat membeli-belah, hotel-hotel, restoran-restoran dan pemandu teksi. Kesannya, semua mendapat keuntungan yang baik. Jadi kita nampak di sepanjang jalan Bukit Bintang restoran Arab, restoran Iran, restoran Turki telah diadakan dan siapa hendak makan makanan Arab, saya boleh jemput di Fortuna yang baik sekali. Jadi ini adalah satu tawaran.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh berjaya untuk menarik pelancong daripada Asia barat dan Asia iaitu Taiwan, Hong Kong dan sebagainya ini akan menggalakkan lebih pelabur dan lebih pengusaha membina hotel-hotel di Kuala Lumpur dan akhir sekali lebih ramai orang dapat peluang pekerjaan dan kurangkan gejala sosial. Kerana saya beraktif di Bukit Bintang selama 15 tahun. Saya berasa sedih kerana kadang-kadang saya nampak budak-budak kita bersepeh di situ, hisap dadah dan sebagainya.

Jadi saya tanya mereka, kenapa you hendak buat macam itu. Tidak dapat kerja, tidak dapat wang, curi wang, ragut dan lain-lain. Jadi kitalah bantu mereka. Kalau kita boleh dapat peluang pekerjaan untuk mereka. Jadi masalah akan berkurangan. Jadi untuk menjawab Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin, saya hendak buat satu cadangan iaitu cadangan zon pelancongan di Bukit Bintang. Saya difahamkan bahawa UAE Dubai, tempat itu negara Arab, agama Islam 100%. Tapi ada satu kawasan yang dikhaskan, digazet oleh kerajaan untuk tumpuan kepada orang asing berekreasi di situ.

Jadi pelbagai aktiviti orang asing dibenarkan di kawasan itu dan tempat ini telah jadi popular. Jadi di Dubai, saya difahamkan bilik hotel di Shangrila, satu malam RM2,500 semalam dan yang murah sekali RM1,200 semalam berbanding dengan Kuala Lumpur RM150 semalam. Ini kadar bilik hotel di Dubai begitu mahal kerana ramai orang pergi sana kerana tempat itu orang Arab dan orang Eropah suka pergi sana. *Shopping* di *Duty Free* pun murah dan lain-lain aktiviti boleh menarik mereka untuk melawat tempat itu. Jadi baru-baru ini Singapore dan Thailand pun telah buat seperti itu. Ada satu kawasan diisytiharkan sebagai zon pelancongan untuk orang asing.

Jadi saya hendak ambil kesempatan ini untuk mencadangkan bahawa Malaysia boleh kenal pasti satu kawasan yang istimewa dan saya cadangkan Bukit Bintang kerana Malaysia adalah satu negara Islam tapi pelbagai agama dan kebudayaan lain masih diamalkan. Untuk kebaikan kepada semua pengusaha-pengusaha perniagaan di Bukit Bintang, saya ingin mencadangkan bahawa kawasan Bukit Bintang digazetkan sebagai zon pelancongan dan pelbagai aktiviti untuk pelancong asing dengan promosi hebat kebudayaan kaum orang asing boleh dibenarkan di zon situ. Terima kasih.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya baru balik dari Dubai. Di Dubai ada satu kawasan diberi nama *Free Trip Zone*. *Free Trip Zone* ini dilengkapkan dengan *Internet City* dipanggil. Ini bukan sahaja untuk tujuan menarik pelancong tetapi juga pengusaha-pengusaha dari seluruh dunia. Dan di Dubai juga ada beberapa pulau yang direka oleh manusia. Pulau itu diberikan kepada Amerika, *list* pulau itu pulau yang dibuat dan di situ, semua hal-hal yang berhubung dengan Amerika, Jepun dan sebagainya. China juga ada di situ.

Tetapi tadi Yang Berhormat ada mengatakan kita mempunyai masalah. Sedangkan Negro yang lima ribu ini pun kita tidak boleh kawal, ada masalah. Apatah lagi kita wujudkan satu zon yang membawa banyak lagi masalah yang akan timbul dan ini bolehkah kita kawal kemudian? Saya berpendapat bahawa sekiranya kita hendak bawa pelancong ini, pelancong-pelancong yang datang dari luar negara, dia bukan hendak tengok aktiviti-aktiviti yang dari luar negara. Dia datang ke sini hendak tengok apa yang ada di negara kita.

Jadi bererti segala kebudayaan-kebudayaan Malaysia yang dia hendak tengok. Kalau kita bawa kebudayaan dari Amerika, dari lain-lain negara umpamanya, dia boleh pergi ke Amerika, dia tengok lebih baik. Jadi tentunya ini akan menimbulkan masalah yang lebih besar lagi kalau kita benarkan perkara ini berlaku. Ini pandangan saya. Saya berharap supaya kita wujudkan satu tempat yang ada khusus kebudayaan Malaysia supaya pelancong datang bukan bawa kebudayaan asing. Kita mempunyai banyak masalah-masalah budaya dan masalah-masalah sosial yang sedang berlaku dalam negara kita kerana banyaknya budaya asing yang mencemar anak-anak muda kita. Apabila kita bawa ini, bukankah dia menjadi lagi masalah? Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Yang Berhormat Datuk salah faham. Cadangan saya ialah, kita isytiharkan zon itu sebagai zon pelancongan. Jadi cara kehidupan *Malaysian*, tetapi orang asing datang sini, dia boleh pakai, *means* baju sendiri, berpakaian baju mereka boleh dibenarkan. Jadi, mereka boleh praktiskan cara kehidupan mereka di zon sini. Jadi, zon ini pengusaha-pengusaha atau *businessman* di zon ini akan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak DBKL, bukan tanpa kawalan. Jadi, adalah syarat-syarat yang perlu diikuti. Jadi saya hendak cadangkan bahawa aktiviti karaoke, aktiviti *night club* diperbolehkan sampai

enam pagi. Singapura, karaoke, *night club* 24 jam dalam masa kini kerana mereka tidak mahu penduduk-penduduk Singapura pergi Johor Baru.

Jadi, saya hendak cadangkan bahawa kawasan ini kawasan yang istimewa untuk orang asing, untuk orang tempatan tanpa orang beragama Islam. Jadi inilah satu cadangan. Saya harap pihak berkuasa dan Kementerian Pelancongan boleh buat satu *study* bahawa bolehkah konsep ini dijalankan atau bolehkah kita ikut konsep-konsep orang lain dan dilaksanakan di Malaysia dan kita hanya hendak promosikan industri pelancongan dan hendak wujudkan lebih peluang aktiviti, *business* aktiviti untuk orang tempatan. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat untuk menarik pelancong digazetkan kawasan Bukit Bintang itu. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat, apa yang saya rasa Bukit Bintang itu sudah memang jadi kawasan pelancongan. Kalau kita hendak gazet sesuatu tempat seperti Yang Berhormat minta tadi, kata kalau hendak buat karaoke dan sebagainya, sekarang kalau kita tengok karaoke yang ada di Bukit Bintang pun banyak yang tanpa lesen Yang Berhormat, yang beroperasi.

Jadi perkara-perkara ini kita kena tangani dahulu. Kalau kita biarkan, banyak tempat-tempat yang beroperasi tanpa lesen. Saya kalau Yang Berhormat bersetuju, kalau hendak cari satu tempat, satu kawasan, bukan di dalam bandar. Kita tariklah ke tempat lain, kita majukanlah tempat lain. Kenapa tempat yang sudah maju, kita hendak majukan lagi? Ha itu. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Kalau kita cadang tempat lain, ini orang pelancong tidak hendak pergi. Dia orang suka Bukit Bintang. Saya setuju dengan Datuk Yang Berhormat, bahawa Bukit Bintang telah dikenal pastikan sebagai satu pusat hiburan untuk Kuala Lumpur. Masa sekarang, pengusaha-pengusaha karaoke atau *night club* ada sebahagian tiada lesen. Jadi mereka memohon lesen, pihak DBKL tidak bagi. Jadi saya hendak cadangkan bahawa selepas kita gazetkan tempat itu sebagai zon pelancongan, jadi pihak DBKL akan kaji semula tentang bangunan-bangunan yang sesuai, bangunan-bangunan yang boleh dipakai sebagai *night club* atau karaoke dan lain-lain. Dan memberi lesen kepada mereka dan kawalkan mereka dengan syarat-syarat yang lebih baik.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Nanti, nanti. Saya habiskan ini. Lagipun pada masa kini, apabila pengusaha-pengusaha karaoke tanpa lesen, mereka tidak cantikkan tempat-tempat itu, dia takut 'Bandaraya' datang. Jadi kalau lesen diberikan, saya beryakin bahawa mereka akan buat cantikkan tempat itu, lebih menarik pelancong untuk melawat karaoke atau *night club*. Jadi kita bersama untuk mewujudkan satu suasana yang lebih baik, *better control environment*, dengan izin. jadi kita benarkan aktiviti ini, kita kawalkan mereka, kita bagi lesen, jadi pihak DBKL

pun untung, jadi kalau mereka untung, *income tax* pun dapat lebih wang. Inilah cadangan saya, *its' a area where by we control the activity*, dengan izin. Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi iaitu tentang menggalakkan pelancongan untuk melawat Malaysia. Jadi bagi sayalah, kalau pelancong datang di Malaysia ini, kalau hendak tengok karaoke, *night club* di Malaysia ini, lebih baik dia pergi ke Thailand. Saya ingat Thailand ini lebih canggih lagi. Kadang-kadang orang datang di Malaysia ini, hendak melancong ini, bukan kerana karaoke, bukan kerana *night club*. Dia hendak lihat pemandangan Malaysia. Kita ada laut, kita ada bermacam-macam. Makanan kita, boleh jadi orang daripada Arab, yang makan makanan Arab, tiba di Malaysia, makanan dia lain, makanan Melayu ada, makanan Cina ada, India, bermacam-macam makanan ada.

Jadi pelancong yang datang di Malaysia ini bukan semata-mata hendak pergi ke karaoke, hendak pergi ke *night club*. Dan kita juga di Malaysia, kita kena ada etika kita sendiri. Tidak bolehlah pelancong datang di Malaysia, kita hendak buat Bukit Bintang sebagai zon, dia hendak telanjang pun boleh, tidak bolehlah. Mesti ada *limit* dia. Jangan melacur pelancong kerana hendak bawa pelancong datang. Sesuka hati dia, dia hendak buat. Tidak boleh. Mesti ada etika kita, mesti ada peraturan kita, mesti ada peradaban. Orang pergi ke Dubai pun kita tengok, dia bukan hendak pergi *night club* pun. Dia pergi membeli-belah. Di Malaysia, hendak pergi membeli-belah pun boleh, hendak makan makanan yang enak-enak, hendak jalan, hendak pergi ke tepi laut, hendak pergi macam-macam pun ada.

Kalau Penang ini, tepi laut ada, Bukit Bendera ada, makanan *hawkers food is the best*. Itu di Pulau Pinang. Saya ingat tiada masalah. Sekarang ini, Bukit Bintang hari ini kalau kita pergi, kita nampak Yang Berhormat, ramai pelancong sudah ada di situ Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Baik, saya bersetuju bahawa peraturan perlu diikuti. Karaoke ada di Singapura, ada di Thailand, ada di Malaysia. Jadi pelancong, apabila pergi ke Singapura, dia mahu tengok sistem karaoke di situ. Akhir sekali dia akan pergi Thailand. Tetapi apabila dia datang ke Kuala Lumpur, kalau di Bukit Bintang, tempat aktiviti hiburan. Apabila mereka balik ke tempat masing-masing, mereka sebut dengan kawan dia, jangan pergi Malaysia, *dead city*. Jadi akhir sekali, kita akan hilang pelancong.

Dato' Omar bin Faudzar : Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okay.

Dato' Omar bin Faudzar : Saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit sahaja sebab apabila bercakap pasal karaoke ini. *Karaoke* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi adalah *family karaoke* ataupun *karaoke* yang ada dengan GRO-GRO semua sebab kalau ada dengan GRO-GRO dia sudah lari dengan apa yang kita perjuangkan di peringkat asalnya.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Di Kuala Lumpur, ada *karaoke* yang untuk keluarga memang ada. Karaoke di tempat GRO ialah *berkaraoke* dengan GRO. Yang saya hendak sampaikan ialah kita mengadakan lebih pusat hiburan bukan hanya untuk karaoke tetapi untuk orang asing dan kita buat cantik tempat itu dan menggalakkan orang-orang datang dan pergi ke *karaoke* ataupun pusat hiburan membelanjakan wang mereka dan selepas itu mereka pergi ke Thailand, tidak ada wang untuk hiburan di Thailand.

Inilah satu tempat yang kita hendak sempurnakan Bukit Bintang sebagai suatu kawasan untuk pelancongan. Mereka datang ke Kuala Lumpur selain daripada menikmati makanan Malaysia, membeli barangan Malaysia, dia mesti mendapat hiburan. Pegawai-pegawai DBKL pergi ke pusat hiburan, dia pergi *check*, pergi kacau, orang takut hendak pergi, saya hendak sampaikan tujuan saya ialah kita adakan pusat hiburan yang lebih baik, lebih *control*, berlesen dan mempunyai peraturan yang disediakan oleh pihak DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan tentang hiburan kerana saya datang daripada kawasan Bukit Bintang dan saya sebagai seorang doktor haiwan atau doktor *veterinary*, hari ini saya hendak sebut tentang industri pertanian. Perdana Menteri kita di dalam RMK9 telah menyebut bahawa Malaysia perlulah mempertingkatkan aktiviti pertanian di Malaysia. Kita hendak kurangkan bil import tentang bahan-bahan makanan.

Setakat ini industri pertanian khususnya industri ternakan di bidang ternakan ayam dan khinzir telah mencukupi. Kita ada lebih untuk dieksport. Pada masa kini saya haraplah industri akuakultur untuk udang dan ikan bolehlah diperluaskan. Kita lihat di Amerika Syarikat, walau pun Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang paling masyhur dengan peralatan yang canggih, tetapi di Amerika Syarikat produksi seperti jagung, ayam, daging lembu susu adalah mencukupi dan ada berlebihan untuk dieksport ke luar negeri.

Saya harap Malaysia bolehlah mengikut cara-cara yang diamalkan oleh Amerika Syarikat. Di Eropah, Belanda, Perancis dan lain-lain negara, bekalan berbagai-bagai jenis makanan keperluan pun mencukupi. Di Sweden dan di Denmark, bekalan ikan dan makanan laut adalah melebihi untuk eksport ke Asia Barat.

Di Malaysia, di sektor pertanian khususnya industri daging lembu masih kurang. Bekalan susu hanya 4% sahaja. Kita masih mengimport berjuta-juta ringgit daging daripada Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan India. Bolehlah kita bersama-sama menarik lebih pelabur-pelabur untuk memperluaskan pelaburan di sektor ini.

Baru-baru ini kita menghadapi masalah *bird flu*. Akibatnya penternak-penternak rugi berjuta-juta ringgit kerana *virus* selesema burung atau *bird flu* telah diimport melalui pengimportan haram burung dari lain-lain negeri. Nasib baik Jabatan Haiwan telah mengambil tindakan yang sesuai dengan nasihat daripada *World Health Organization* telah menghapuskan penyakit ini.

Saya hendak sebutkan bahawa pada masa ini di Semenanjung Malaysia setiap hari kita keluarkan 6.2 bilion ayam untuk semua penduduk di Semenanjung Malaysia. Setiap rakyat Malaysia memakan per kapita *consumption* lebih kurang 35 kilogram daging ayam setahun. Ini paling tinggi jadi inilah akibat petani-petani atau penternak bekerja kuat untuk mengeluarkan lebih *amino acid* untuk rakyat kita.

Tentang industri khinzir, walau pun isu ini sensitif tetapi saya ingin menyeru kepada Kementerian Pertanian dan kerajaan negeri untuk memperuntukkan zon untuk industri ini. Selepas zon ini dikenal pasti, barulah pelabur-pelabur akan mengadakan sistem yang canggih atau sistem yang baik atau sistem dengan teknologi yang tinggi untuk menjalankan industri khinzir ini.

Kita hendak jaga sumber air kita. Baru-baru ini saya bersama satu rombongan daripada negeri Selangor, saya dengan pegawai-pegawai dari negeri Selangor melawat satu ladang khinzir di Bangkok. Ladang itu saiznya 130 ekar dengan 6,000 ekor khinzir dengan sistem yang canggih.

Pegawai-pegawai Islam dengan saya tidak melawat tempat itu. Pegawai-pegawai itu terkejut bahawa keadaan di dalam ladang itu begitu bersih, tanpa bau. Air pun tidak keluar dari tempat itu, air akan *recycle* dan air selepas dibersihkan untuk pokok-pokok di dalam ladang itu, jadi persekitaran itu paling bersih, paling hijau. Inilah suatu contoh bahawa kita boleh memakai teknologi terkini untuk mengurangkan isu sensitif di Malaysia kerana kalau kita tidak membenarkan industri khinzir dijalankan dengan sistem yang baik jadi kalau semua penduduk-penduduk di Malaysia, atau rakyat Malaysia yang berketurunan memakan lebih ayam tanpa khinzir, harga ayam akan naik sampai RM15 sekilogram.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Silakan Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mendengar bahawa pembelaan khinzir itu dari permulaan selalunya dianggap sebagai suatu isu sensitif dan sebagainya. Bukankah kita boleh lihat ini dari perspektif lain iaitu lihat ini sebagai suatu isu alam sekitar, satu isu kebersihan, satu isu yang mana kita mahu merawat apa yang telah dikeluarkan supaya bersama-sama kita menjaga kebersihan alam sekitar dan bukan dari segi lain.

Kalau kita memberi pandangan sedemikian, mungkin dari aspek sensitiviti dan sebagainya kita dapat mengurangkan isu. Apakah pendapat Yang Berhormat Datuk Lee sebagai seorang yang pakar dalam hal ehwal binatang. Terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Dan saya di universiti dia panggil saya doktor binatang, selepas lima tahun dia panggil saya doktor haiwan. Sekarang dia panggil saya doktor veterina inilah perbezaan [*Ketawa*]. Jadi, untuk menjawab soalan ini saya setuju jadi, industri khinzir di Malaysia telah bersejarah lebih kurang 70 tahun dan masa kini industri ini membekalkan

khinzir yang mencukupi untuk orang China. Untuk maklumat Yang Berhormat di sini setiap orang China memakan lebih kurang 40 kilo daging khinzir setiap tahun *per capital consumption*.

Jadi, kita jimat wang untuk negara kita. Jadi untuk nak selesaikan isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Dr. Chin, saya nak cadangkan bahawa setiap negeri bukan semua Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Penang bolehlah kenal pastikan satu tempat yang luas lebih kurang 500 ekar atau 1,000 ekar dan kawasan ini diisytiharkan sebagai PFA *pig farming area*.

Jadi, kawasan ini hanya ditawarkan kepada penternak-penternak khinzir, janganlah jual tanah ini untuk *speculator* bukanlah untuk orang yang bukan petani dan kita merekabentuk *design* tempat itu dengan cara-cara yang canggih dan sekaligus kita selesaikan isu ini dan kita pastikan daging ini bersih, *wholesome* dengan izin, untuk orang China. Jadi, kita boleh ..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat lebih elok dan lebih manis kalau kita katakan bagi orang-orang yang memakan daging berkenaan..

Datuk Dr. Lee Chong Meng: *Okey.*

Timbalan Yang di-Pertua: Daripada menyebut orang tertentu.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: *Okey.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, inilah saya nak sampaikan tentang industri ayam, khinzir dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, tentang industri akuakultur. Di Malaysia keluaran udang. Termasuk udang putih, udang harimau hanya 40 ribu metrik tan setahun *forty thousand metric tonne* setahun dan eksportnya lebih kurang 30 ribu tan metrik. Jadi, berbanding dengan Thailand, Thailand pinggir pantai *coastal area, coastal line* dengan izin, Thailand hanya dua ribu kilometer sahaja.

Malaysia empat ribu kilometer termasuk *East Malaysia*. Jadi, pada masa kini keluaran udang di Thailand adalah 400 ribu metrik tan *four hundred thousand tonne*. Untuk eksport daripada Thailand ke *Europe*, ke Amerika, ke Jepun, *three hundred thousand tonne* dengan izin, *three hundred thousand* tan. Jadi, udang putih yang kecil saja satu kilo, *sixty pieces* 60 keping, jadi nilai tambahan *value added products* mereka eksport ke Jepun satu metrik tan harganya USD12 ribu.

Jadi, ini bermakna bahawa Thailand mendapat *revenue* dari pengeksporan udang sahaja dekat USD 4 billion, *it is one of the top ten earner for Thailand*. Jadi, kalau dengan izin, kalau Thailand boleh buat begitu baik, kenapa Malaysia kita tak boleh buat, kita boleh buat tetapi masalah yang kita menghadapi saya nak sebutkan masalahnya dan saya harap Kementerian Pertanian boleh ambil tindakan yang sewajarnya yang sesuai untuk mempertingkatkan industri akuakultur. Di Thailand, jadi di Thailand lebih kurang 150 ribu orang terlibat di dalam industri akuakultur, *it create employment for 150 thousand people* dengan izin. *Okey*, bila kita buat akuakultur bukan tangkap udang daripada laut sahaja, kita pelihara itu udang, *culture the prawn*.

Jadi, di Thailand kena pakai makanan udang, *how to make* makanan udang, *prawn feed* dengan izin, *prawn feed* hanya lima sampai enam puluh peratus *ingredientnya fish milk*. 20

persen "big for luck", 10 *persen sprit milk* dan lain 10 persen. Jadi, Thailand begitu baik tentang *deep sea fishing* dengan izin, *deep sea fishing*. Perdana Menteri kita *complaint* kita jualkan diesel kepada nelayan-nelayan orang Thai, orang Siam dengan harga yang murah kerana mereka pakai diesel itu pergi *deep sea fishing* dia tangkap itu ikannya besar dan ikan besar itu dibuat *make into fish milk* dengan izin. Harga *fish milk* satu metrik tan RM1,200 metrik tan.

Kalau kita menggalakkan aktiviti industri akuakultur. Jadi, kita akan menggalakkan *deep sea fishing* di Malaysia. Jadi, nelayan-nelayan kita dapat keuntungan yang lebih besar tinggi, jadi adalah pengusaha-pengusaha akan melabur di dalam *deep sea fishing*. Inilah satu contoh, jadi di Thailand dia keluar lebih kurang setengah juta tan udang. Jadi, dia pakai lebih kurang satu bilion, satu juta metrik tan makanan udang kerana .. udang lebih kurang 2.22. Malaysia mula industri akuakultur lebih kurang 20 tahun tapi kami gagal, kerana di Taiwan dulu Taiwan yang paling baik di dalam akuakultur mereka pun gagal kerana Taiwan adalah negara yang kecil, persekitaran telah dikotorkan.

Jadi, udang tidak boleh hidup kalau persekitarannya kotor, oleh sebab ini kilang-kilang membuat makanan udang di Taiwan pun bankrap. Tapi, masih ada mengeluarkan makanan untuk di eksportkan ke Malaysia so jadi Malaysia *become a dumping ground* dengan izin, kualiti makanan itu bukan baik, lagi teruk, kita beli dari mereka di Taiwan dengan harga yang murah.

Tetapi, bila kita bagi udang, udang mati dengan penyakit *white spot disease, virus disease* dengan izin, semua gagal. Jadi, akibatnya kita rugi lebih wang berbanding dengan Thailand. Thailand membuat makanan udang sendiri, keluarannya satu juta metrik tan setahun. Mereka pakai *fish milk* yang berkualiti, makanan udang yang berkualiti jadi akibatnya industri akuakulturnya berjaya. Oleh sebab ini saya nak cadangkan kepada Kementerian Pertanian macam mana kita boleh elakkan Malaysia sebagai '*dumping ground*' oleh pengusaha-pengusaha pangkalan udang kilangnya di Thailand atau di Taiwan.

Bila petani kita atau pengusaha akuakultur mengimport makanan udang daripada Taiwan, negara kita tidak ada cukai, *zero tax*. Oleh sebab ini, mereka keluaran makanan itu, *send to Malaysia*, hantar ke Malaysia tanpa tax. Kita lebih terbuka. Barangkali di Thailand, walaupun mereka maju di industri akuakultur tetapi dia masih *tax 9%*. Satu tan makanan udang lebih kurang RM5 ribu, satu metrik tan. Kalau 9%, RM450 *tax*. Jadi, pengusaha-pengusaha di Thailand tidak berani mengimport dedak daripada Taiwan. Di Indonesia ada *tax 11%*, di Filipina 10%. Di Malaysia, selepas aduan daripada kami LKIM hanya mengadakan caj perkhidmatan RM50 per metrik tan. Ini bermakna hanya 0.5% *tax* sahaja. Oleh sebab itu, saya hendak mencadangkan bahawa kita boleh bekalkan tanpa tax, tetapi kita tambah caj perkhidmatan oleh LKIM dengan RM250 satu tan metrik. Ini bermakna hanya 8% sahaja. Ini akan menggalakkan pelabur-pelabur tempatan untuk membina lebih kilang makanan udang dan ini akan akhir sekali menggalakkan dan dapat mengatasi industri akuakultur dan industri *deep sea fishing*.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat ucapan?

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Ok. Ada sikit lagi. Saya cuba habiskan. Jikalau kilang memproses makanan udang dibina di Malaysia kita akan mempercepatkan pembangunan industri akuakultur dan ini akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan desa. Kami boleh membawa *technician* daripada Thailand dan Indonesia dan beri latihan kepada graduan-graduan tempatan daripada UPM dan lain-lain universiti. Juga dengan pengeluaran lebih makanan udang kita akan menggalakkan nelayan-nelayan mempertingkatkan industri *deep sea fishing*, ok ini sudah sebut.

Tuan Yang di-Pertua, tentang industri ikan air tawar di mana ia sama dengan masalah yang kita hadapi. Pengeluaran ikan air tawar berbanding dengan Thailand hanya 8%. Setiap tahun Thailand mengeksport Tilapia *fillet* lebih kurang setengah juta tan setahun di Jepun. Jadi kalau kita boleh mempertingkatkan industri akuakultur udang kita boleh bersama-sama mempertingkatkan industri ikan air tawar. Setakat ini Malaysia, kita kurang ikan air tawar dan kebanyakan hanya 60% tilapia. *I think* 10% ikan keli, *catfish* 20% dan lain-lain 10%. Industri ini masih *pre matured* dengan izin. Saya harap tindakan boleh diambil daripada Kementerian Pertanian selaras dengan kadar dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi disebut bahawa kita perlu meningkatkan produksi ikan air tawar. Jadi setahu saya, di negara kita ada banyak lombong bijih timah. Baru-baru ini, saya sudah jumpa pegawai di Jabatan Pertanian. Dia kata, ikan tidak boleh pelihara di kolam-kolam itu kerana asidnya tinggi. Dan setahu kita semua dalam Dewan ini kita pun telah diberitahu tanah tak ada, kawasan tak ada. Jadi macamakah kita boleh tingkatkan produksi, kerana setahu saya ada banyak permintaan untuk *fillet* ikan dan salah satu ikan adalah ikan tilapia yang boleh besar dalam tempoh 6 hingga 8 bulan 700 kilogram. Bolehkah Senator beritahu kepada saya cara macam mana kita boleh memperluaskan atau mempertingkatkan produksi. Terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Saya bersetuju bahawa industri ikan air tawar di Malaysia kecil sangat, lagi pun kolam banyak *acidic*. Jadi teknologi atau fikiran yang terkini sekali, dahulu kami pakai *swampy area* dekat pantai. Kami tidak pakai tanah sebelah dalam pantai. Pada masa itu, kami percaya bahawa tempat itu lebih sesuai tetapi selepas 20 tahun kita tahu bahawa tempat dekat itu laut *swampy area* tidak sesuai kerana *acidic* dengan izin. Jadi fikiran yang terkini ialah kita pakai tanah di dalam, jauh daripada pantai dan *swamp area* iaitu kawasan *swampy area* dikekalkan. Ini untuk kebaikan industri ikan kerana *swampy area can be breeding ground* untuk udang, ikan dan lain-lain. Saya mencadangkan bahawa teknologi ada, tidak ada masalah, kita hanya hendak menggalakkan petani dapat tanah, dapat modal, kita boleh memberi peluang untuk orang-orang kampung dan orang-orang di kawasan desa membangunkan industri ikan air tawar. Inilah saya bagi jaminan teknologi ada. Kalau orang Siam boleh buat kita pun buat. Kalau kita boleh berjaya di industri ternakan ayam, takkan kami tidak boleh berjaya di industri akuakultur. Inilah satu cadangan saya buat, saya harap Kementerian Pertanian bolehlah

membuat cadangan yang positif, cadangan yang lebih sesuai untuk orang tempatan untuk membangunkan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi tambahan daripada pertanian saya pergi ke kewangan. Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan harga petrol begitu tinggi di pasaran antarabangsa, pada masa kini lebih kurang 74 USD satu *barrel* berbanding dengan dahulu 48 USD satu *barrel*. Jadi negara-negara di Asia Barat kaya dengan minyak wang atau *oil money* dengan izin, lagi pun perhubungan diplomatik di antara negara-negara Asia Barat tidak berapa baik dengan negara-negara Barat. Saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan kita boleh membenarkan pelabur-pelabur dari Asia Barat menubuhkan institusi kewangan atau bank-bank selain daripada perbankan Islam ditubuhkan di Malaysia. Bank-bank ini adalah bank asing dengan modalnya dari Asia Barat tetapi pusat pentadbiran dihadkan atau *head quarters* dengan izin di Malaysia.

Bank ini boleh diperluaskan di semua negara-negara di Asia Barat sebab matlamat kita ialah menjadikan Malaysia sebagai *financial hub* dengan izin, di rantau Timur. Selain daripada *Islamic financial hub*, saya difahamkan bahawa kemudahan-kemudahan *Islamic banking system* boleh dibenarkan atau ditubuhkan secara terbuka di Bahrain, di Asia Barat. Kalau kita boleh membenarkan *mix banking system* iaitu *conventional* dengan *Islamic* dicampur sekali dengan izin, dengan *headquarters* di Malaysia, modal daripada Asia Barat, *dummy control*, dan bank ini boleh mengadakan cawangan-cawangan di semua negara di Asia Barat. Ini akan menjadikan Malaysia sebagai satu *financial hub* yang penting dan ini akan mempertingkatkan perhubungan daripada Malaysia dengan Asia Barat.

Melalui sistem ini bank asing baru yang dicadangkan boleh didaftarkan di Bank Negara dengan modalnya sekurang-kurang USD1 bilion atau USD2 bilion dari Asia Barat. Konsep ini adalah bank asing sebab City Bank adalah didaftarkan di Amerika, tetapi bank ini didaftarkan di Malaysia dengan cawangan di seluruh dunia. *Then, Malaysia will be a very important oil money centre*, dengan izin. Ini akan membolehkan wang minyak disalurkan di *channel*, dengan izin, dan dilaburkan di Malaysia. Juga, wang ini boleh diaturkan untuk menyokong dengan projek mega yang dicadangkan oleh Perdana Menteri kita di bawah RMK-9.

Inilah satu pandangan saya selepas perbincangan dengan orang daripada Asia Barat. Mereka berminat melabur di Malaysia dengan wang begitu besar. USD1 bilion hanya cadangan pertama. Sebenarnya saya difahamkan bahawa kumpulan ini adalah USD50 bilion yang *waiting to be reinvested*, dengan izin. Saya harap pegawai-pegawai dari bank negara, pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan bolehlah fikir sekali lagi, bolehkah kita bekerjasama untuk menolong negara kita mencapai keazaman RMK-9 dengan cemerlang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah.

5.23 ptg.**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya jua maka dapat kita bersidang dan meneruskan tugas tanggungjawab kita semua di Dewan yang mulia ini. Saya juga bersyukur dan berterima kasih kerana diberikan kesempatan dan penghormatan untuk membawa Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail kerana sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di Persidangan Penggal Ketiga Parlimen Kesebelas pada 11 Mac 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda ada menyentuh soal memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar serta peranan institusi pengajian tinggi yang relevan dengan keperluan ekonomi. Apa yang hendak disentuh di sini ialah memiliki anak pintar adalah idaman setiap ibu bapa. Boleh dikatakan semua ibu bapa berharap anak mereka menjadi manusia istimewa, menjadi insan yang berjaya mengharungi liku hidup di dunia yang serba mencabar.

Justeru ramai ibu bapa yang berusaha mengasuh anak mereka sejak kecil dengan pelbagai cara yang difikirkan wajar. Bagaimanapun berita mengenai anak kecil yang memiliki kepintaran luar biasa pada masa ini semakin meluas. Ada yang tahu membaca pada peringkat usia muda tiga tahun. Malah ada yang memiliki kebolehan menakjubkan apabila mampu menguasai bidang-bidang teknikal yang biasanya dikuasai oleh golongan dewasa seperti matematik dan sains ketika berusia enam atau tujuh tahun, di mana bagi kanak-kanak biasa baru mengenal huruf atau angka.

Bagaimanapun, agak menyedihkan budak pintar matematik, Adi Putra Abdul Ghani yang sering mengadu bosan belajar baru-baru ini telah berdepan dengan tindakan disiplin termasuk dibuang sekolah. Laporan mengenai Adi Putra di dada akhbar berhubung masalah yang dihadapi cukup besar dan memeranjatkan. Siapalah dia yang berumur tujuh tahun tahu mengenai tindakan disiplin, apatah lagi soal di buang sekolah. Persoalannya sejauh mana langkah pihak yang bertanggungjawab memastikan golongan kanak-kanak pintar seperti Adi Putra diberikan jaminan istimewa malah mungkin ada lebih ramai kanak-kanak pintar di negara ini cuma tidak dapat didedahkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Malaysia sendiri ramai kanak-kanak yang memiliki kepintaran luar biasa di peringkat usia muda. Mungkin kita masih ingat kes seorang budak pintar sekitar tahun 80-an iaitu Mohd. Shukri Hadafi, publisitinya meluas mengenai budak itu tidak mengerakkan hati pihak berkenaan membantu sehingga keluar berita betapa budak yang dulunya pintar hidup terbiar di rumah usang dan khabarnya kini Mohd. Shukri yang pernah menjadi kebanggaan masyarakat Melayu suatu ketika dulu hanya bekerja sebagai penjual roti canai di Kedah!

Selain daripada Mohd. Shukri, kita juga mendengar lagi kanak-kanak pintar yang memiliki pelbagai keistimewaan. Bagaimanapun keistimewaan itu hanya tinggal kenangan kerana tidak diberi sokongan dan bimbingan yang sepatutnya. Dulu kisah sepasang suami isteri warga negara British termasuk isteri itu yang berasal dari Johor yang menetap di London, memiliki kelima-lima anak yang menunjukkan kepintaran luar biasa. Bagi pasangan Halimaton Yusoff dan suaminya Farook Yusof, kepintaran anak mereka adalah anugerah yang tidak ternilai. Berita mengenai kejayaan anak mereka Sufiah melanjutkan pelajaran di Universiti Oxford menggemparkan kita kerana Sufiah baru berusia 12 tahun. Malah Sufiah yang berdarah Melayu itu adalah pelajar paling muda ditawarkan tempat di Universiti Oxford.

Dalam pada kita berbangga dengan kejayaan budak pintar ini, walaupun bukan warganegara Malaysia, kita juga merasakan alangkah indahnya jika ada sistem pendidikan yang boleh membantu kanak-kanak pintar ini. Kanak-kanak pintar juga mungkin boleh dikesan melalui peperiksaan Penilaian Tahap Satu (PTS). Soalnya apakah nanti kanak-kanak ini akan terbela kepintaran mereka atau terbiar begitu sahaja seperti kes-kes sebelum ini? Semuanya terpulang kepada pihak berkenaan dalam memberi sokongan dan bimbingan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, soal gejala sosial telah ditimbulkan dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Malah soal itu masih terus menerus menimbulkan masalah. Lebih membimbangkan sekarang ialah isu rumah urut dan *spa* yang masih berterusan, malah mendapat permintaan yang tinggi. Malah permintaan itu datang dari mereka yang berusia 40 tahun dan ke atas. Lebih memilukan kebanyakan tukang urut ini terdiri daripada gadis dan wanita Melayu. Malahan lebih merosakkan imej ialah keterampilan mereka yang memakai tudung ketika hendak pergi ke tempat kerja rumah urut dan *spa* dan selepas sampai ke tempat kerja mereka akan membukanya dan kemudian memakai semula selepas tamat waktu kerja.

Tindakan mereka seolah-olah berjaya mengaburi mata masyarakat sehingga kononnya mereka adalah gadis Melayu Islam yang menjaga tatasusila dan menjadi contoh kepada masyarakat sekeliling. Malah saya juga ingin berkongsi pandangan berhubung isu *spa* dan rumah urut yang dikatakan menjadi sarang maksiat. Adalah penting untuk mendedahkan modus operandi yang tidak bertanggungjawab ini kepada umum. Kebiasaannya pekerja-pekerja seks di *spa* dan rumah urut akan mula tiba di tempat kerja antara jam 1.00 hingga 3.00 petang. Seterusnya kapten yang menjadi penyelia akan menawarkan khidmat seks atas nama pakej dengan harga RM90 hingga RM250 untuk perkhidmatan selama 45 minit. Pelanggan akan di bawa ke bilik khas yang agak tersembunyi dari ruang utama...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Biarkan Yang Berhormat habiskan dulu.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Ini mungkin ada kena mengena dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Lee

tentang rumah urut. Sekiranya pelanggan tidak berminat untuk mendapatkan khidmat tersebut, kapten akan menawarkan pula perkhidmatan urut dengan harga yang lebih rendah iaitu sekitar RM68 selama 45 minit, akan tetapi apabila proses mengurut sedang dijalankan, perempuan tukang urut tersebut akan menawarkan perkhidmatan sampingan seperti onani dan sebagainya dengan harga permulaan RM50.

Lazimnya para pelanggan akan mula memenuhi kawasan *spa* selepas waktu pejabat terutama selepas jam 6.00 petang. Mereka kemudiannya akan ditunjukkan pekerja-pekerja seks untuk dipilih. Lebih memeranjatkan pekerja-pekerja seks yang ditunjukkan berada di dalam sebuah bilik kaca seolah-olah akuarium besar.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:
Antara lokasi *spa* ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat ini semakin lama semakin menarik. Saya ingat untuk hari ini setakat itu sahajalah.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:
Sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sedikit saja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk hari ini setakat itu sahajalah oleh sebab masa sudah cukup dan saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk sambung pada hari Isnin.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat Dewan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 15 Mei 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.